

DR.3.4.2001

**[DOKUMEN INI BELUM DISEMAK]**

**MALAYSIA**

**DEWAN RAKYAT**

**Selasa, 3 April 2001**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, apakah tindakan yang telah dan akan diambil bagi memastikan kebersihan di tempat-tempat destinasi pelancongan tanah tinggi di negara ini dapat dipertingkatkan lagi memandangkan ianya menjadi tumpuan para pelancong asing dan juga tempatan.

**Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Seri Ong Ka Ting]:**

Tuan Yang di-Pertua, kementerian sememangnya telah pun melaksanakan program dan aktiviti kebersihan di semua kawasan pihak berkuasa tempatan meliputi kawasan destinasi pelancongan tanah tinggi. Bagi kawasan pelancongan di bawah jagaan pihak berkuasa tempatan, bantuan dan kemudahan yang disediakan oleh kementerian kepada PBT berkenaan adalah kemudahan sosial dan awam seperti kemudahan tandas awam, tong-tong sampah, kemudahan pengangkutan perkhidmatan perbandaran di samping memberi peruntukan untuk melaksanakan projek-projek kecil seperti membaiki dan menaik taraf jalan dan laluan berjalan kaki, membina dan menaikkan taraf lampu jalan, menyediakan stesen atau tempat menunggu bas, gerai-gerai makanan, jualan dan sebagainya.

Kementerian saya juga akan terus membantu dan memajukan pihak berkuasa tempatan yang terdapat banyak produk pelancongan melalui proses-proses pembangunan fizikal, melalui penyediaan perkhidmatan kebersihan yang bermutu tinggi, menyediakan kemudahan awam termasuk penyelenggaraannya dengan sempurna bagi meningkatkan taraf kebersihan dan kesihatan awam setempat.

Kementerian juga akan memberi penekanan kepada program pendidikan awam bagi memupuk sikap kesedaran orang ramai supaya suka mengamalkan

tabiat kebersihan seperti larangan membuang sampah merata, anti vandalisme, penjagaan kebersihan sungai, amalan program kitar semula serta kebersihan premis makanan melalui publisiti di media elektronik dan massa.

Pihak kementerian akan terus juga memberi sumbangan peruntukan dalam bentuk projek dan geran-geran peruntukan bagi meneruskan usaha PBT meningkatkan tahap kebersihan khususnya di kawasan tumpuan pelancongan.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri, soalan tambahan. Oleh kerana kita tahu bahawa kawasan destinasi pelancongan ini amatlah penting sebagai menaikkan imej negara kita, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri berhubung dengan soal sumber bersih yang kita tahu setengah tempat tekanannya rendah dan terdapat penjaja-penjaja yang menjual minuman di tempat-tempat tertentu. Selain daripada sistem pembetungan di setengah tempat tinggi juga boleh menjejaskan persekitaran.

Oleh itu, saya ingin mendapat penjelasan daripada Menteri berhubung langkah-langkah lain termasuk dari segi penguatkuasaan ke atas mereka yang bertanggungjawab tetapi tidak bertanggungjawab bagi menjaga kebersihan di tempat-tempat tertentu. Terima kasih.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, memang dari masa ke semasa penguatkuasaan daripada pihak berkuasa tempatan perlu memeriksa dan memastikan semua gerai, kedai makanan yang mana mereka menjual makanan kepada orang ramai atau minuman perlu memenuhi syarat-syarat terutama dari segi kesihatan. Inspektor-inspektor kesihatan dan juga penguat kuasa yang lain ada jadual, ada bidang tugasnya untuk memastikan pada bila-bila masa semua penjaja ataupun peniaga kena patuh kepada peraturan kebersihan.

Selain daripada itu, sebenarnya negara kita dalam beberapa tahun ini telah pun ada Dasar Pembetungan Negara yang mana kita tidak benar lagi pembangunan di mana yang baru, yang mempunyai kepadatan penduduk-penduduk ataupun di tempat-tempat yang penuh dengan orang ramai atau penduduk tidak dibenarkan lagi mereka membangun dengan menggunakan septic tank tradisi. Mereka perlu ada sistem pembetungan yang sistematik supaya air kumbahan dan air yang kotor itu tidak mengalir masuk ke sungai atau terbiar untuk mengalir masuk ke tanah terbuka. Semua air kumbahan dan juga air kotor itu perlu dirawat melalui satu sistem kumbahan yang bersepadu. Jadi, ini memang satu langkah ke depan pada

beberapa tahun ini dan akan dipertingkatkan lagi dalam Rancangan Malaysia Kelapan.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya memang mengakui apa yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi komitmen kerajaan dalam menentukan supaya negara kita bersih dan pelancongan juga merupakan satu industri yang diberi galakan hari ini. Cuma saya musykil dari segi kebersihan. Satu ketika dahulu, kerajaan telah pun mewarwarkan ataupun memaklumkan kepada orang ramai bahawa kebersihan adalah tanggungjawab bersama. Mereka yang tidak memberi perhatian kepada kebersihan akan didenda, diletakkan label ataupun peringatan 'Denda RM500' kepada pembuang-pembuang sampah.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, adakah dasar ini masih dilaksanakan dan berapa ramai yang ditangkap kerana membuang sampah kerana pada perhatian saya bahawa tindakan kepada mereka yang membuang sampah ini tidak dilaksanakan dengan sewajarnya sehingga kadang-kadang di tempat label 'Denda RM500' itu sendiri banyak sampah dibuang di tempat berkenaan. Jadi, apakah kekangan menyebabkan kita tidak dapat melaksanakan dasar yang telah pun ditentukan oleh pihak kerajaan. Terima kasih.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, di negara kita Malaysia masyarakat kita ini sangat me sra dan rakyat kita pun bersikap selalunya mereka tak mahu undang-undang itu dikuatkuasakan dengan tegas. Saya memang tak mahu sangat hendak banding negara kita dengan sebuah negara jiran, tetapi terpaksa kita tengok juga di sebuah negara jiran di Selatan, undang-undangnya tegas, kalau rakyatnya buang sampah di mana-mana sahaja mereka akan didenda dengan hebat dan negara itu nampak bersih tetapi rakyat mereka bila masuk ke negara kita, tabiat mereka sudah lain kerana dia tahu undang-undang di negara kita ini ada undang-undang tetapi penguatkuasaan kadangkala tidak tegas. Mungkin ini saya rasa tibalah masanya kita kena ada dua *prong*, satu ialah kesedaran rakyat - kita kempen supaya rakyat tahu cintailah negara kita, jadi jagalah kebersihan diri sendiri.

Yang kedua, kita benar-benar kena serius tentang penguatkuasaan undang-undang terutamanya denda yang dikatakan RM500 itu tetapi selalunya saya tahu pihak-pihak tertentu termasuk pihak pembangkang, mereka bila sahaja ada apa-apa kompaun dikeluarkan mereka yang paling bising sekali. Jadi, saya seru

pembangking bersama-sama kita. Bila kita adakan penguatkuasaan yang tegas mereka berilah sokong bersama kita.

2. **Tuan Wan Nik bin Wan Yussof [Bachok]** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan, jumlah had penebangan hutan sebagaimana ditetapkan oleh Majlis Perhutanan Negara bagi negeri-negeri di Semenanjung, Sabah dan Sarawak bagi tempoh 1995 hingga 2000. Nyatakan, adakah mana-mana negeri yang didapati menjalankan kegiatan pembalakan melebihi had penebangan hutan dalam tempoh tersebut.

**Timbalan Menteri Perusahaan Utama [Datuk Anifah Aman]:** Tuan Yang di-Pertua, catuan tebangan hutan di negara ini adalah berdasarkan kepada Rancangan Lima Tahun berkenaan. Bagi tahun 1955 hingga 2000, catuan tebangan untuk negeri-negeri di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak adalah seperti berikut:-

<b>Negeri</b>	<b>1995 (Hektar)</b>	<b>1996-2000 (Hektar)</b>
Johor	4,500	2,705
Kedah	4,365	2,860
Kelantan	6,900	6,885
Melaka	110	-
Negeri Sembilan	2,635	2,435
Pahang	12,245	12,240
Perak	9,235	8,300
Perlis	-	-
Pulau Pinang	-	-
Selangor	2,130	1,795
Terengganu	10,140	8,820
Wilayah Persekutuan	2,000	-
Sabah	60,000	60,000
Sarawak	170,000	170,000

Dalam tempoh tersebut kesemua negeri kecuali di negeri Sabah telah mematuhi Catuan Tebangan Tahunan yang telah ditetapkan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Ronald Kiandee:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tahu sejauh mana penetapan Catuan Penebangan Tahunan yang optimum ini bagi setiap negeri telah mencapai objektif pengurusan hutan simpanan yang berkekalan. Bagi kawasan-kawasan hutan baru khususnya dalam hutan simpanan hutan kekal, apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan untuk mengawal pembukaan hutan-hutan ini. Terima kasih.

**Datuk Anifah Aman:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Beluran. Tentang penepatan Catuan Tebangan Hutan yang optimum bagi setiap negeri telah pun mencapai objektifnya iaitu untuk mengimbangkan kadar pembalakan dengan keluasan hutan, pengeluaran dalam hutan simpan kekal iaitu sejajar dengan konsep pengurusan hutan secara berkekalan dan pengusaha hasilan hutan yang optimum.

Kedua, memastikan bahawa hanya kawasan hutan pengeluaran seperti mana yang ditafsirkan mengikut Seksyen 10(1) Akta Perhutanan Negara 1984 diusahakan. Ketiga, memastikan hanya kawasan-kawasan hutan di balak yang terpilih dan matang sahaja diusahakan di dalam suatu tempoh rancangan. Ini akan memastikan pengeluaran yang optimum dapat diperolehi dari sesuatu kawasan hutan semasa pengusaha hasilan.

Bagi soalan kedua tentang langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan ialah di antara langkah-langkah bagi mengawal pembukaan kawasan hutan pengeluaran dalam hutan simpan kekal untuk tujuan pengusaha hasilan, ialah dengan cadangan mengurangkan catuan tebangan hutan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelapan iaitu 2001-2005 dan menggalakkan penubuhan kawasan ladang hutan serta mempelbagaikan hasil hutan kepada produk bukan berasaskan kayu seperti rotan dan buluh. Sekian, terima kasih.

**Tuan Wan Nik bin Wan Yussof:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih pihak Timbalan Menteri. Sebagaimana kita maklum bahawa kesan daripada penebangan hutan ini membawa kepada efek yang tidak baik kepada alam sekitar khususnya sungai-sungai dan kampung-kampung itu sendiri. Pernah suatu masa pihak media khususnya TV membuat liputan secara spesifik berhubung dengan aktiviti pembalakan dan juga perhutanan ini di kawasan Tanah Tinggi Loging Kelantan dan bersempadan dengan Cameron Highlands. Apa yang dilaporkan semua mendapati dan semua mendapat suatu persepsi bahawa Kerajaan Negeri Kelantan mengamalkan penebangan hutan yang melebihi daripada had yang ditentukan iaitu 6,600 hektar.

Jadi, berdasarkan kepada jawapan pihak kementerian tadi jelas perkara itu tidak berlaku. Jadi, saya hendak tahu, adakah pihak kerajaan khususnya pihak kementerian mempunyai suatu laporan yang khusus daripada Jabatan Alam Sekitar berhubung dengan aktiviti perhutanan di Kelantan dan kesan-kesannya atau suatu kemungkinan, suatu had ini diturunkan lagi bagi memastikan supaya aktiviti tadi

terkawal dan permukaan bumi serta sungai-sungai tadi tidak menghadapi satu masalah ekologi. Sekian, terima kasih.

**Datuk Anifah Aman:** Terima kasih Yang Berhormat. Memangnya catuan tebang hutan yang telah saya katakan tadi bahawa termasuk negeri Kelantan tidak melebihi catuan yang telah pun dikenakan, iaitu Kelantan pada tahun 1995 - 6,900, dan 1996 ke 2000 - 34,425 hektar yang cuma diusahakan sebanyak 86% daripada catuan yang telah pun dikenakan. Walau bagaimanapun, kementerian dan melalui EIA telah pun mengenakan garis panduan cara-cara macam mana kita menjalankan aktiviti pembalakan kita.

Kita memangnya prihatin tentang keadaan alam sekitar kita. Pada tahun yang akan datang dalam Rancangan Malaysia Kelapan kita telah pun menurunkan penebangan hutan di semua negara termasuk di Sabah dan Sarawak. Aktiviti-aktiviti ataupun kawalan-kawalan yang telah pun dijalankan oleh kerajaan-kerajaan negeri juga kita pantau supaya ianya tidak dilakukan secara sesuka hati. Oleh itu, yang penting sekali bahawa semua aktiviti seumpama itu mengikut garis panduan yang telah pun dikeluarkan oleh Alam Sekitar.

3. **Dato' Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz [Hulu Langat]** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan, memandangkan Rukun Tetangga didapati boleh membantu dalam program penyatuan masyarakat dan didapati di sesetengah kawasan program ini tiada langsung diadakan, apakah langkah kementerian untuk mengatasi masalah ini dan apakah status program ini.

**Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Dato' Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman]:** Tuan Yang di-Pertua, pada dasarnya Rukun Tetangga telah ditubuhkan berdasarkan kepada beberapa faktor seperti:

- (i) permohonan penduduk tempatan terutamanya kawasan yang penduduknya terdiri dari berbilang keturunan;
- (ii) arahan atau cadangan daripada pihak berkuasa tempatan seperti polis, Jawatankuasa Keselamatan Daerah, pejabat daerah, majlis daerah atau majlis perbandaran;
- (iii) kesediaan kepimpinan dan peruntukan yang sedia ada antara lain.

Namun demikian, kementerian ini melalui Jabatan Perpaduan Negara sentiasa berusaha agar skim Rukun Tetangga diperluas di seluruh pelosok negara di

mana setiap tahun antara 50 hingga 100 kawasan Rukun Tetangga dibuka tertakluk kepada syarat-syarat yang disebut tadi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, status program sehingga 28 Februari 2001 ialah:

- (i) sebanyak 2,006 kawasan Rukun Tetangga telah diwujudkan di seluruh negara;
- (ii) sebanyak 25,954 aktiviti pelbagai berteraskan kejurangan telah dilaksanakan dari Januari 2000 hingga 28 Februari 2001 yang melibatkan lebih kurang dua juta orang pelbagai keturunan etnik di seluruh negara;
- (iii) menjelang alaf baru, peranan Rukun Tetangga telah dikaji semula untuk meningkatkan dan memperluaskan lagi peranannya dalam komuniti mengikut anjakan paradigma dalam pembangunan komuniti bersatu padu dan sejahtera.

Ada Rukun Tetangga yang sangat berjaya dan aktif sebagai satu badan sukarela yang mampu merapatkan hubungan antara sebahagian besar penghuni di dalam kawasan mereka, sementara ada yang kurang aktif dan kurang berdaya. Namun begitu, adalah jelas bahawa Rukun Tetangga telah menunjukkan potensinya sebagai badan sukarelawan di peringkat komuniti yang dinamik, berdaya maju dan aktif, yang diwujudkan oleh kerajaan kerana ianya dinamik bila dilihat dari segi pertubuhan kawasan Rukun Tetangga, AJK Rukun Tetangga dan bilangan penduduk yang terlibat.

Ia berdaya maju oleh kerana kebanyakan program Rukun Tetangga mendapat pembiayaan melalui inisiatif sendiri, hanya sedikit pembiayaan disediakan oleh kerajaan. Ia boleh dianggap aktif berdasarkan jumlah berpuluh ribu program dan aktiviti yang dijalankan setiap tahun di seluruh negara dan ia juga merupakan badan sukarela kerajaan yang boleh memainkan peranan untuk menyatupadukan penduduk dengan lebih berkesan.

**Dato' Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tatkala Rukun Tetangga ini mula ditubuhkan di Kampung Kasipillay, Sentul tahun 70-an dahulu, matlamatnya ialah untuk menjaga keselamatan dengan mengadakan rondaan pada sebelah malam. Tetapi oleh kerana negara kita aman telah dipindahkan fungsinya untuk perpaduan.

Soalan saya sekarang ialah oleh kerana sudah ada keperluan dan desakan semasa dari segi keselamatan, adakah skim rondaan ini mahu dihidupkan semula dengan memberi pelepasan cuti keesokannya bagi mereka yang meronda selepas 12.00 malam. Terima kasih.

**Dato' Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman:** Tuan Yang di-Pertua, pertimbangan itu sebenarnya boleh dilakukan oleh pihak Jabatan Perpaduan Negara kerana memang siapa-siapa yang terlibat di dalam Jawatankuasa Rondaan Sukarela yang ditubuhkan di bawah kawasan-kawasan Rukun Tetangga boleh diberi cuti kalau dibuat permohonan. Terima kasih.

**Tuan Liow Tiong Lai:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Memang saya ucapkan syabas kepada kementerian kerana telah berjaya menubuhkan sebanyak 2,000 lebih Rukun Tetangga di seluruh negara. Kebelakangan ini kita lihat bahawa Rukun Tetangga telah memainkan peranan juga untuk pendidikan, asuhan kanak-kanak dan juga tadika perpaduan. Apakah rancangan kementerian berhubung dengan tadika perpaduan, adakah kementerian akan memberi lebih banyak peruntukan untuk memastikan tadika-tadika perpaduan ini dapat dijalankan dengan sempurna dan baik, kerana apabila saya melawat kawasan dan melihat ada juga tadika-tadika perpaduan yang dijalankan dalam keadaan yang serba kekurangan.

Saya rasa kementerian sekiranya ingin mewujudkan lebih banyak tadika perpaduan perlu mempunyai peruntukan yang secukupnya. Apakah pandangan kementerian? Terima kasih.

**Dato' Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kerajaan melalui Jabatan Perpaduan Negara memang memberi tumpuan kepada usaha untuk terus meningkatkan peranan-peranan badan sukarela melalui Rukun Tetangga yang juga mempunyai bahagian yang membina, membantu membangunkan anak-anak kecil melalui Program Tunas Jiran dalam bentuk program tabika-tabika perpaduan.

Pada tahun 2001, kerajaan telah menambahkan pada keseluruhannya bilangan sebanyak 16 juta untuk membantu, contohnya Program Perpaduan melalui Program Pelaksanaan Tabika-tabika Perpaduan yang sebanyak 1,995 yang berada di seluruh negara setakat ini dengan bilangan guru 2,390 dan melibatkan kanak-kanak sebanyak 36,000.

Kerajaan juga akan menyelaraskan kurikulum program-program pembelajaran kanak-kanak kecil ini dengan menggerakkan satu Program Bimbingan



dan Latihan Guru-guru Tabika Perpaduan yang diselaraskan mengikut hasrat kerajaan untuk boleh membantu membangunkan kanak-kanak daripada kecil lagi dengan kebiasaan menjadi masyarakat yang toleransi, menerapkan nilai-nilai sefahaman, bersatu-padu, tolong-menolong dan tidak mempunyai perasaan yang boleh menghakiskan kesefahaman antara kaum di dalam negara kita. Terima kasih.

4. **Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sejauh manakah keseriusan tindakan merosakkan harta benda awam ("vandalism") serta jumlah kerugian yang dialami.

**Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Seri Ong Ka Ting]:**

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum tindakan merosakkan harta benda awam atau vandalisme oleh golongan tertentu adalah suatu kejadian yang berleluasa.

Kegiatan vandalisme ini tidak akan selesai selagi masyarakat tidak memberi kerjasama dan membendung masalah ini walaupun pelbagai kementerian dan agensi kementerian telah menjalankan pelbagai usaha untuk mengatasinya. Kesedaran supaya pentingnya menjaga kemudahan-kemudahan awam yang disediakan oleh kerajaan perlu dipupuk di kalangan masyarakat khususnya golongan remaja. Jika sekiranya semangat ini dapat diterapkan sepenuhnya kepada golongan ini, kerajaan yakin gejala vandalisme akan dapat dikurangkan.

Dalam hubungan ini, untuk menentukan perkara ini serius atau sebaliknya bukanlah suatu perkara yang mudah kerana yang pastinya kejadian vandalisme ini sentiasa berlaku di mana-mana tempat, bukannya di kawasan pihak berkuasa tempatan sahaja bahkan di kawasan-kawasan luar bandar jika sekiranya masyarakat yang melakukannya sentiasa tidak mempunyai kesedaran tentang betapa pentingnya menjaga kemudahan awam yang disediakan oleh kerajaan.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan tidak mempunyai data mengenai jumlah kerugian yang dialami oleh pihak berkuasa akibat kejadian vandalisme. Setakat ini saya hanya dapat laporan daripada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sahaja, yang lain-lain belum lagi beri.

Walau bagaimanapun, sekiranya didapati aktiviti ini masih tidak boleh dibendung dengan usaha-usaha yang sedang dijalankan, maka kementerian bercadang untuk meminta kerajaan-kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan mengemukakan laporan mengenai perkara ini.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, pihak berkuasa tempatan sentiasa mengambil tindakan mengawasi dan menguat kuasa undang-undang yang berkaitan ke atas mereka yang melakukan aktiviti vandalisme. Di samping itu, kerajaan juga meminta kerjasama dari pihak media massa untuk membantu bagi menyampai dan menghebahkan maklumat berkaitan supaya menyedarkan masyarakat berhubung dengan isu vandalisme ini.

**Puan Fong Po Kuan:** Terima kasih, bagus hari ini ramai Menteri yang datang hadir untuk menjawab soalan. *[Ketawa] [Tepuk]* Soalan tambahan, Yang Berhormat Menteri saya ingin tahu sama ada benar ada dijalankan satu kajian, golongan umur, lingkungan umur berapakah yang seringkali menjalankan aktiviti yang tidak bertanggungjawab ini iaitu vandalism dan apakah sebab-sebab mereka berbuat demikian, merosakkan harta benda awam.

Kita boleh tengok dari taman kanak-kanak, buaian, telefon awam serta tandas awam juga perkara-perkara yang tidak bertanggungjawab ini juga dijalankan. Apakah benar ada kajian dilakukan terhadap sifat-sifat mereka yang suka berbuat demikian?

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, seperti mana saya kata tadi kerana maklumat yang detail ataupun lengkap daripada semua pihak berkuasa tempatan tidak diberi kepada kementerian saya, cuma Dewan Bandaraya telah memberi satu laporan ringkas iaitu dari 1 Januari hingga 31 Julai tahun lalu. Daripada situ kalau kita tengok kerana kalau saya hendak beri satu trend atau satu pattern yang conclusive saya rasa tidak dapat saya berbuat demikian. Tetapi kalau kita tengok apa yang berlaku di kawasan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sebagai contoh, ini telefon awam ia punya peti wang syiling yang dirosakkan. Dalam tujuh bulan sahaja 1,216 peti syiling telah dirosakkan, kerugian ialah RM600 sehingga RM8,000. Kita tengok kalau saya bangkitkan yang ini telefon awam semuanya ini mungkin dia hendak dapatkan wang syiling itu.

Tetapi apa yang saya tidak faham papan tanda pun mereka rosakkan juga tanpa mereka akan dapat apa-apa. Papan tanda yang hilang 510, papan tanda ini dia hendak ambil buat apa? Jadi, hanya hendak rosakkan sahaja, *[Ketawa]* begitu juga pokok pun dia hendak rosakkan. Kecurian lampu 471, memecah, mencuri pintu bomba bilik meter, bilik telekom 532. Kalau kita tengok lagi kerosakan peti surat – peti surat ada apa, dia rosak juga – sebanyak 574 peti surat telah rosak dalam masa tujuh bulan.

Jadi, banyak lagi detail. Kalau hendak buat satu analisa boleh, kementerian saya memang minat, saya pun hendak tahu siapa mereka ini. Memang kita tidak tahu tetapi banyak nampaknya golongan ini ialah golongan remaja anti establishment. Dia tengok apa yang baik-baik, dia tidak boleh tahan, dia mesti hendak rosakkan.

Jadi, kita kena buat satu kajian dari segi sosiologi, psikologi dan sebagainya.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, memang vandalism ini cukup teruk bukan di luar bandar sahaja tetapi dalam bandar. Kalau kita pergi ke Ampang Point kita buang air di situ, 15 minit kita baca tidak habis tulisan di tandas. *[Disampuk] [Ketawa]* Kalau kita pergi ke Shah Alam 10 public telefon satu boleh pakai, lebih kurang begitu, teruk sungguh.

TV tidak berkempen ke arah ini. TV kempen hentam dua Menteri Besar Kelantan dan Terengganu. *[Disampuk]* Hari-hari hentam *[Tepuk]* sampai rakyat sudah hendak meluat kepada kerajaan .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, apa soalnya?

**Tuan Mohamad bin Sabu:** ... sampai orang ludah TV, ini vandalism juga. Jadi, kita mintalah peranan TV, surat khabar, sekolah-sekolah memberatkan kempen vandalism, sungguh serius di Malaysia sekarang ini.

Jadi, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan sedar atau tidak perkara ini. Kempen benda lain.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membetulkan dakwaan Yang Berhormat. TV mana pernah ada kempen anti PAS, anti Menteri Besar Kelantan. *[Ketawa] [Disampuk]* Hanya semasa berita itu dilaporkan apa yang benar-benar berlaku setiap hari itu dilaporkan oleh *Berita*. Itu bukan kempen. *[Tepuk]* Rakyat pun hendak tahu juga apa Menteri Besar Kelantan cakap, kalau *[Disampuk]* tidak disiarkan marah pula PAS, kata kita tidak beri peluang Menteri Besar Kelantan.

Jadi, saya rasa dakwaan itu tidak wajar. Apa yang sebenarnya ialah banyak kempen telah dijalankan oleh kerajaan termasuk semua kementerian dari segi kebersihan, dari segi menjaga harta benda, semua nilai yang bagus.

Jadi, kalau PAS hendak bantu, bolehlah, dalam ceramah pun cakap pasal ini. Jangan marahlah Barisan Nasional sahaja. *[Ketawa] [Tepuk]* Saya rasa itu pun kita kena tengok.

*[Soalan No. 5 - Y.B. Tuan Jacob Dungau Sagan (Baram) tidak hadir]*

6. **Dr. James Dawos Mamit [Mambong]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan kenapa penggunaan kaca gelap 100% (tinted glass) didapati masih berleluasa di kalangan pemilik-pemilik kereta persendirian dan apakah strategi dan langkah yang diambil oleh kementerian bagi memastikan bahawa penggunaan kaca gelap dihapuskan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai]:** Tuan Yang di-Pertua, penggunaan cermin gelap di kalangan pemilik-pemilik kereta persendirian didapati masih berleluasa disebabkan pemilik-pemilik kereta yang terlibat sengaja melanggar peraturan yang ditetapkan oleh kerajaan.

Ini terutamanya berpunca daripada terpengaruh dengan cadangan yang dikeluarkan oleh kedai-kedai penjual aksesori kereta walaupun mereka menyedari bahawa perbuatan tersebut menyalahi perundangan yang ada sekarang.

Mengikut Kaedah-kaedah Kenderaan Motor iaitu Larangan Penggunaan Jenis Kaca Tertentu Tahun 1991, kenderaan persendirian hanya dibenarkan memasang cermin kaca dengan ketelusan cahaya 70% bagi cermin di hadapan dan 50% bagi cermin sisi dan belakang.

Bagi mengatasi masalah kenderaan persendirian yang menggunakan cermin kaca gelap 100%, Jabatan Pengangkutan Jalan sentiasa menjalankan tindakan penguatkuasaan untuk mengawasi kenderaan yang terlibat serta mengenakan saman ke atas mereka.

Sebagai strategi jangka panjang untuk mengurangkan kegunaan cermin gelap di kalangan kenderaan persendirian, Jabatan Pengangkutan Jalan telah memutuskan tidak akan mendaftar kenderaan-kenderaan import yang tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan itu. Kenderaan terlibat hanya boleh didaftarkan setelah menjalani pemeriksaan dan pengesahan dari PUSPAKOM bahawa cermin yang dipasang di kenderaan terlibat menepati peraturan yang ditetapkan.

**Dr. James Dawos Mamit:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Adakah pihak kementerian sedar bahawa banyak kenderaan daripada negara-negara jiran memasuki Sarawak menggunakan tinted glasses dan apakah tindakan kementerian terhadap kenderaan-kenderaan tersebut?

**Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai:** Tuan Yang di-Pertua, soalan dari Yang Berhormat memang saya tidak ada angka kenderaan yang menggunakan cermin gelap dari negara asing. Memang kita akan kaji perkara ini. *[Ketawa]*

**Tuan Lim Hock Seng:** Terima kasih. Satu slogan yang paling digemari oleh lapisan rakyat ialah 'Memimpin Melalui Teladan'. Tetapi di jalan raya kami sering nampak kereta-kereta kerajaan, Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen, Exco, *[Disampuk]* pegawai kanan kerajaan, mereka semua pakai cermin gelap. Jadi, rakyat pun .....

**Seorang Ahli:** Betul, betul.

**Tuan Lim Hock Seng:** ...rakyat pun ikut sahaja...

**Seorang Ahli:** Turut sama.

**Tuan Bung Moktar bin Radin:** *[Menyampuk]* Itu cermin mata gelap. *[Ketawa]*

**Tuan Lim Hock Seng:** Jadi, bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberitahu Dewan yang mulia ini siapa ada hak pakai cermin gelap ini? Kategori mana .....

**Seorang Ahli:** Ahli Parlimen bolehkah?

**Tuan Lim Hock Seng:** ...dan sama ada Menteri-menteri, Timbalan Menteri pun boleh dibenar menggunakan. *[Disampuk]* *[Ketawa]*

**Puan Chong Eng:** ...*[Menyampuk]* they are shame to be seen as judge so the judges ....

**Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai:** Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan dari Yang Berhormat bagi Bagan, pada ketika ini pengecualian kepada peraturan yang ada hanya boleh dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Pengangkutan mengikut kuasa yang diberi di bawah Seksyen 11(c) Kaedah-kaedah Kenderaan Motor iaitu Larangan Penggunaan Jenis Kaca Tertentu Tahun 1991.

Setakat ini Yang Berhormat Menteri Pengangkutan telah memberi pengecualian ke atas peraturan ini bagi 70 kenderaan persendirian .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, soalan bukan untuk itulah – siapa yang berhak dikecualikan.

**Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai:** ... di atas sebab-sebab seperti keselamatan, pemandu menghidap penyakit kulit dan membawa makanan ternakan yang tidak boleh kena sinaran matahari yang kuat.

Yang Berhormat kalau ada tahu sesiapa yang ada cermin gelap *[Disampuk]*  
Yang Berhormat, .....

**Seorang Ahli:** Yang Berhormat bagi Parit Buntar.

**Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai:** ...saya diberitahu bahawa Yang Berhormat bagi Parit Buntar pun ada pakai cermin gelap. *[Ketawa]* Ha, oleh itu JPJ akan kajilah. *[Disampuk]* Oleh itu saya harap Yang Berhormat bagi Parit Buntar boleh tukarlah cermin. Sekian.

7. **Tuan Liow Tiong Lai [Bentong]** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) berapakah bilangan perpustakaan awam di seluruh negara mengikut negeri; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk meningkatkan minat membaca di kalangan belia.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir]:** Tuan Yang di-Pertua, hari ini banyak sangat soalan mengenai dengan vandalism. Jadi, vandalism politik juga terdapat di kalangan parti-parti pembangkang. *[Ketawa]* Itu vandalism parti politik, tuduhan yang tidak berasas.

- (a) Tuan Yang di-Pertua, perkara pertama ialah jumlah keseluruhan Perpustakaan Awam di negara ini ialah sebanyak 902 buah. Pecahan mengikut negeri adalah seperti berikut:

<u>Negeri</u>	<u>Bilangan</u>
Johor	76
Kedah	67
Kelantan	17
Melaka	25
Negeri Sembilan	28
Pahang	49
Perak	52
Perlis	18
Pulau Pinang	50
Sabah	82
Sarawak	283
Selangor	66
Terengganu	76
Wilayah Persekutuan	13

Usaha berterusan akan dilakukan untuk memperluaskan dan mempertingkatkan perpustakaan bagi memastikan setiap rakyat memperolehi akses kepada bahan bacaan.

- (b) Program Galakan Membaca untuk rakyat Malaysia termasuk golongan belia dijalankan secara berterusan dengan usaha bersepadu semua pihak termasuk pertubuhan bukan kerajaan. Di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh, sebanyak RM2 juta telah diperuntukkan bagi melaksanakan Program Galakan Membaca.

Peruntukan ini telah diagihkan kepada pelbagai agensi kerajaan antaranya termasuklah Perpustakaan Awam, jabatan kerajaan, penjara, pusat serenti dan FELDA untuk memperolehi bahan bacaan serta menjalankan pelbagai bentuk aktiviti galakan membaca yang melibatkan pelbagai lapisan kumpulan sasar.

Antara aktiviti yang telah dijalankan ialah aktiviti-aktiviti berbentuk pertandingan membaca, yang melibatkan keluarga dan pelajar, seminar, ceramah, bengkel, kem, dialog, program membaca dan bulan membaca kebangsaan.

**Tuan Liow Tiong Lai:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Adakah kementerian sedar bahawa walaupun terdapat banyak perpustakaan di negeri-negeri ataupun di seluruh negara tetapi penggunaan perpustakaan ini adalah terhad lebih-lebih lagi apabila terdapat perpustakaan tidak diselenggarakan dengan sempurna dan masa untuk meminjam buku dan menggunakan perpustakaan ini adalah terhad.

Adakah kementerian akan membuat kajian bahawa masa penggunaan perpustakaan ini dapat dibuka, kalau lebih baik lagi pada sebelah malam untuk menggalakkan lebih ramai belia dapat menggunakan perpustakaan pada sebelah malam dan dapat menghindarkan belia-belia pergi ke karaoke ataupun ke tempat-tempat hiburan yang tidak digalakkan. Oleh itu saya rasa, kementerian perlu mengadakan kempen yang bersepadu agar memastikan minat membaca di kalangan belia ini akan mendatangkan kesan. Terima kasih.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Memang menjadi fokus kita hari ini ialah bagaimana untuk menggalakkan lebih ramai orang membaca. Dengan demikian, saya mengambil perhatian daripada saranan Yang Berhormat tadi bahawa, satu,

mengenai penyelenggaraan perpustakaan. Buat masa ini, pihak kita, setiap masa kita cuba memastikan supaya setiap perpustakaan yang di bawah kelolaan kita itu dipertingkatkan dari masa ke semasa. Malah buat masa ini, kita juga telah adakan perpustakaan bergerak termasuk dengan segala macam alat elektronik bagi menggalakkan lebih ramai orang mengguna bahan bacaan bukan sahaja bacaan yang dicetak malah juga termasuk yang berbentuk elektronik

Bagi perkara yang Yang Berhormat bangkitkan tadi, mengenai dengan masa, saya kurang pasti adakah perpustakaan negeri ataupun perpustakaan negara atau perpustakaan mana? Walau bagaimanapun, kita akan mengambil kira itu untuk mengadakan sama ada waktu itu dipanjangkan pada masa cuti awam ataupun cuti-cuti yang lain supaya bilik bacaan dan juga perpustakaan ini dapat digunakan secara meluas.

Ini sebagai maklumat tambahan kepada Yang Berhormat juga, kita telah mengadakan bermacam-macam program untuk menggalak supaya orang menggunakan perpustakaan. Malah di kawasan-kawasan luar bandar juga kita adakan program-program bilik bacaan supaya lebih ramai orang mengguna tempat-tempat ini selain daripada perpustakaan negeri. Terima kasih.

*[Ahli-ahli Parti Pembangkang tepuk apabila YAB Perdana Menteri masuk ke Dewan]*

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya menghayati jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi. Saya sekadar ingin mendapatkan penjelasan, berapa kerapkah pihak kerajaan, dengan izin, *up-grade*, tajuk-tajuk buku yang ada di dalam perpustakaan kerana setahu saya banyak judul-judul buku yang ada di dalam perpustakaan itu, dia ikut umur perpustakaan itu sendiri. Kalau perpustakaan itu sudah 50 tahun bermakna buku itu 50 tahun tidak di *up-grade* kan. Adakah ini hakikatnya betul?

Kedua, Tuan Yang di-Pertua, adakah seluruh perpustakaan yang dikelolakan oleh pihak kerajaan ini mempunyai, dengan izin, *Internet connectivity* untuk memudahkan pengunjung-pengunjung ke perpustakaan mendapat akses kepada Internet. Terima kasih.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Terima kasih, Yang Berhormat kerana membangkitkan perkara ini. Terima kasih kepada parti pembangkang kerana memberi tepukan gemuruh, saya tidak tahulah adakah bagi saya yang telah membuat jawapan ataupun menyambut pemimpin kami.



Sebenarnya, perpustakaan setiap masa kita mempertingkatkan judul-judul buku baru supaya ini lebih menarik pembaca untuk datang. Bagi judul-judul yang lama, memang kita simpan supaya ini juga bagi lapisan-lapisan yang tertentu untuk menggunakan perpustakaan tadi. Mengenai dengan mengadakan segala macam alat elektronik bagi menggalakkan orang membaca, kita juga sedang berusaha ke arah ini untuk mengadakan Internet di tempat-tempat bacaan tadi, khususnya di perpustakaan negeri dan kemudian kita akan juga turun ke bawah.

Di sini ingin saya nyatakan kepada Yang Berhormat, kita cuba juga mengadakan perpustakaan bergerak yang mempunyai alat-alat ini. Terima kasih.

8. **Drs. Haji Abu Bakar bin Haji Othman [Jerlun]** minta Menteri Kesihatan menyatakan memandangkan jurang perbezaan imbuhan gaji antara doktor yang berkhidmat di hospital-hospital kerajaan dengan hospital-hospital swasta sangat jauh terutama doktor pakar, apakah kerajaan sudah mengenal pasti sebab-sebabnya dan:-

- (a) adakah dalam Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8) permasalahan itu akan dapat diselesaikan; dan
- (b) dalam penggubalan Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8) apakah Kerajaan mengambil kira dasar rawatan kesihatan yang betul – betul tidak membebankan rakyat.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Tuan S. G. Sothinathan]:**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian sememangnya menyedari bahawa secara hakikatnya ternyata bahawa terdapat jurang perbezaan imbuhan gaji antara doktor yang berkhidmat di hospital kerajaan dengan hospital swasta. Adalah sukar bagi kerajaan menandingi pendapatan pakar perubatan dalam bidang-bidang kepakaran tertentu. Namun begitu, bagi doktor-doktor yang berkhidmat dengan kerajaan selain daripada gaji, mereka ini menikmati kemudahan-kemudahan tertentu. Kemudahan-kemudahan tersebut adalah seperti berikut:
  - Elaun Pakar – di antara RM1,200 hingga RM2,400 sebulan bergantung kepada gred jawatan;
  - Elaun Insentif Perkhidmatan Kritikal – sebanyak RM500 sebulan;

- Elaun kerja di luar waktu bekerja biasa, dengan izin, *on-call allowances* – di antara RM60 hingga RM90 sehari bergantung pada jenis kategori panggilan tugas;
- Bayaran Insentif Pegawai Kesihatan Awam – di antara RM840 hingga RM1,680 sebulan;
- Bayaran Insentif Pentadbiran Hospital – di antara RM840 hingga RM1,680 sebulan juga bergantung kepada gred jawatan;
- Hadiah Kenaikan dua mata gaji – ini diberikan berdasarkan kepada mata gaji pegawai dibayar kepada mereka yang memiliki kepakaran dalam bidang perubatan;
- Imbuhan Tetap Perumahan – di antara RM165 hingga RM2,500 sebulan dibayar bergantung kepada gred jawatan;
- Imbuhan Tetap Jawatan Utama dan Gred Khas – di antara RM800 hingga RM3,000 sebulan;
- Imbuhan Tetap Keraian – di antara RM500 hingga RM5,100 sebulan;
- Bayaran Insentif Khas Kumpulan Pengurusan Tertinggi – di antara RM400 hingga RM1,250 sebulan;
- Bayaran Pembantu Rumah Kumpulan Pengurusan Tertinggi – di antara RM500 hingga RM1,000 sebulan;
- Bayaran Bantuan Penyelenggara Rumah Kumpulan Pengurusan Tertinggi – antara RM2,000 hingga RM3,000 setahun bergantung kepada gred jawatan;
- Elaun Wilayah bagi mereka yang berkhidmat di Sabah dan Sarawak – kadar yang diberi ialah 12.5% hingga 17.5% daripada gaji pokok sebulan bergantung kepada gaji hakiki pegawai; dan
- Gaji permulaan yang lebih tinggi sekiranya pegawai berkenaan mempunyai pengalaman bekerja di luar negara yang berkaitan dan diiktiraf; juga

- Bayaran menyediakan laporan perubatan – di antara RM40 hingga RM1,000 setiap laporan.

Selain daripada itu terdapat kemudahan-kemudahan lain yang juga dinikmati seperti berikut:

- Kemudahan kereta pejabat bagi gred Utama dan Khas;
- Pinjaman perumahan pada kadar 4% faedah;
- Pinjaman kereta pada kadar 4% faedah;
- Pinjaman komputer maksimum RM5,000;
- Skim pembiayaan keahlian kelab rekreasi dan sukan maksimumnya adalah RM3,000;
- Menghadiri kursus, seminar dan bengkel;
- Kemudahan pembelajaran berterusan;
- Kemudahan menjalani latihan lepasan ijazah;
- Kemudahan kuarters;
- Kemudahan sewa rumah;
- Kemudahan rawatan perubatan percuma untuk keluarga termasuk ibu bapa;
- Kemudahan bayaran pencen dan ganjaran pencen;
- Cuti tanpa rekod;
- Cuti tanpa gaji.

Sementara itu, di dalam Rancangan Malaysia Kelapan pula kementerian bersama dengan agensi pusat sedang mengkaji kemungkinan meningkatkan elaun-elaun yang difikirkan sesuai diberikan kepada pegawai perubatan atau pakar ini. Selain daripada itu, kerajaan akan menimbangkan kemungkinan menambah bilangan jawatan kenaikan pangkat serta mempercepatkan proses kenaikan pangkat pakar-pakar berkenaan.

- (b) Kementerian Kesihatan sentiasa berusaha merancang dan membangunkan perkhidmatan kesihatan bagi mencapai objektif utamanya mempertingkatkan lagi taraf kesihatan dan kualiti hidup rakyat Malaysia. Dalam penggubalan Rancangan Malaysia Kelapan, pelbagai dasar kesihatan telah digubal

seperti kesaksamaan dan kesampaian kualiti, perkhidmatan kesihatan primer, perkhidmatan perubatan, kawalan penyakit, kesihatan alam sekitar, kesihatan bandar, budaya penyayang, teknologi kesihatan, sistem maklumat kesihatan, tele-kesihatan dan teknologi maklumat, perancangan dan pembangunan tenaga manusia, pembiayaan perkhidmatan kesihatan dan penyelidikan.

Kementerian mengutamakan pembangunan kemudahan dan perkhidmatan kesihatan supaya memudahkan rakyat mendapat perkhidmatan kesihatan seperti pembangunan klinik kesihatan dan klinik desa di kawasan luar bandar di mana didapati kurang perkhidmatan kesihatan, penyediaan kuarters kakitangan, sekolah-sekolah latihan dan hospital-hospital.

Perkhidmatan di klinik kesihatan diperkembangkan untuk meliputi perkhidmatan kesihatan warga tua, pesakit mental, mereka yang kurang upaya, kesihatan remaja dan kesihatan pekerja. Pada asasnya semua dasar kesihatan yang digubal dalam Rancangan Malaysia Kelapan adalah bertujuan untuk kemudahan rakyat dan tidak membebankan rakyat.

**Drs. Haji Abu Bakar bin Othman:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Selain daripada jaminan perkhidmatan doktor yang berkualiti dengan imbuhan gaji dan elaun yang berpatutan, jururawat pun tidak kurang penting, mesti mesra rakyat. Maka apakah langkah-langkah konkrit yang sudah dan akan dilakukan ke arah merealisasikan tuntutan dan kehendak rakyat itu? Terima kasih.

**Tuan S. G. Sothinathan:** Tuan Yang di-Pertua, memanglah menjadi sebahagian daripada latihan dalam kejururawatan bahawa jururawat-jururawat itu mestilah mesra dengan pesakit-pesakit dan itulah yang kita mendukung di Kementerian Kesihatan, untuk memberikan insentif yang lebih, perkhidmatan dan juga perjuangan mereka kepada negara kita juga tidak dilupakan. Terdapat juga beberapa rancangan untuk memastikan bahawa mereka pun mendapat insentif yang lumayan sewaktu perkhidmatan mereka di Kementerian Kesihatan.

**Tuan Hoo Seong Chang:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Memang nyatalah perbezaan gaji antara doktor-doktor di hospital kerajaan dengan hospital swasta. Perbezaan ini menyebabkan hospital kerajaan menghadapi kekurangan doktor. Ini adalah pokok, kekurangan doktor ini. Jadi, selain daripada skim gaji ataupun cara-cara kita meningkatkan lagi imbuhan gaji doktor-doktor di hospital kerajaan, apakah cara lain yang dapat kita jalankan supaya kekurangan doktor di hospital kerajaan dapat diatasi dan apa pandangan Yang Berhormat setakat ini? Berapa orang doktor lagi yang harus diisi di hospital-hospital kerajaan? Sekian, terima kasih.

**Tuan S. G. Sothinathan:** Tuan Yang di-Pertua, memang kekurangan ini wujud kerana kita mempunyai kekurangan doktor secara keseluruhannya di dalam negara kita. Jadi, itulah sebabnya ada juga banyak doktor telah berkhidmat sekian lama di hospital kerajaan, ada yang pergi ke pihak swasta kerana mendapat gaji atau pendapatan yang lebih tinggi. Tetapi kita tidak boleh menandingi pihak swasta dari segi gaji, untuk mengekalkan mereka di Kementerian Kesihatan, kita tidak boleh meningkatkan gaji dan menandingi ataupun setaraf dengan pihak swasta. Itulah sebabnya kita telah pun mengadakan beberapa kemudahan-kemudahan seperti imbuhan-imbuhan yang telah saya katakan sebentar tadi.

Pada masa yang sama juga, kita memberi peluang kepada mereka untuk mendapatkan peluang-peluang kenaikan pangkat, peluang-peluang untuk mereka mendapatkan pelajaran berterusan supaya mereka boleh menjadi pakar-pakar di mana kita memberi mereka yang berminat dan berkelayakan, mereka diberi cuti bergaji dan biasiswa kepada mereka untuk melanjutkan pelajaran mereka dan selepas itu pulang berkhidmat dengan kerajaan.

Jadi, ini adalah di antara langkah-langkah yang kita telah ambil dan saya percaya bila sampai satu tahap di mana jumlah doktor di dalam negara adalah mencukupi pada keseluruhannya, maka pada masa itu kita tidak akan menghadapi masalah ini lagi.

9. **Dato' Yap Pian Hon [Serdang]** minta Menteri Tenaga, Komunikasi Dan Multimedia menyatakan:-

- (a) jumlah Pusat Internet Desa yang telah dibuka mengikut negeri dan jumlah peruntukan untuknya; dan

- (b) apakah kampung-kampung baru juga akan diwujudkan Pusat Internet Desa seperti tersebut.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia**

**[Tuan Chia Kwang Chye]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Serdang, dalam fasa printis satu Pusat Internet Desa diperuntukkan untuk setiap negeri. Setakat ini sebanyak 12 buah Pusat Internet Desa telah dilancarkan di seluruh negara. Sekiranya permohonan di bawah Rancangan Malaysia Kelapan diluluskan maka penempatan Pusat-pusat Internet Desa akan merangkumi kawasan-kawasan yang kurang mendapat liputan, dengan izin, *underscored*, akan dilaksanakan setelah perbincangan di peringkat negeri diadakan. Sekian, terima kasih.

**Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dari segi 12 pusat yang ditubuhkan ini, apakah pihak kementerian telah melakukan kajian dari segi berapa banyak yang digunakan oleh pihak penduduk, siapakah penduduk yang menggunakan, adakah ia wanita ataupun lelaki, untuk melihat ciri-ciri pengguna. Setakat ini, berapa luas pusat-pusat ini telah ditubuhkan, adakah kawasan-kawasan desa ataupun di segenap desa ataupun yang jauh daripada pekan-pekan. Kalau ia ditubuhkan di bandar sahaja, ini tidak boleh membantu banyak orang kerana penduduk di kawasan bandar boleh memasuki *Internet Café* dan seterusnya, jadi saya ingin meminta sedikit taburan di mana pusat-pusat ini diletakkan. Terima kasih.

**Tuan Chia Kwang Chye:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut kajian yang dijalankan oleh kementerian bahawa penggunaan di Pusat Internet Desa ini boleh dikatakan memuaskan walaupun tahap yang lebih baik boleh dicapai. Penempatan Pusat Internet Desa ini adalah di luar bandar dan mengikut kriteria yang ada, mempunyai talian telefon dan di tempat-tempat di mana penduduk-penduduk berumur lebih kurang di bawah 40 tahun yang puratanya dijadikan sebagai kriterianya. Sekian.

**Dato' Yap Pian Hon:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bagaimana untuk mengenal pasti lokasi untuk mewujudkan pusat internet desa dan apa sebab soalan kedua tidak dijawab.

**Tuan Chia Kwang Chye:** Tuan Yang di-Pertua, [*Ketawa*] secara perintis apa yang dinyatakan tadi 12 buah telah ditubuhkan dan dua lagi akan ditubuhkan di negeri Terengganu dan di Wilayah Persekutuan Labuan dan di bawah Rancangan

Malaysia Kelapan ada projek di mana 100 buah pusat internet desa akan ditubuhkan bagi tahun ini dan tahun depan dan ini termasuk di tempat-tempat di bawah kajian. Kalau sesuai dan ada permintaan, kita akan menjalankan dan melaksanakan pusat internet desa di mana-mana tempat yang sesuai. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk soal Jawab Lisan telah kita selesai.

***[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 5 dan 10 hingga 39 adalah dijilid dalam buku berasingan]***

### USUL

#### **RANGKA RANCANGAN JANGKA PANJANG KETIGA (RRJP3)**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Amat Berhormat, sila.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Peraturan Dewan No....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Peraturan Dewan?

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** 14(f)

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** 14...

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** (f) *[Tepuk]*

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Saya mohon merayu, Tuan Yang di-Pertua, supaya pembentangan RRJP3 ini ditunda kerana Ahli-ahli Dewan baru sahaja menerima buku RRJP3 ini pada petang semalam. Kita tidak mempunyai masa yang cukup untuk mengkaji dan meneliti kerana buku RRJP3 ini merupakan satu dokumen penting di awal alaf baru 2001 bagi negara kita Malaysia. Parlimen perlulah diberikan masa yang cukup bagi menghormati Demokrasi Berparlimen dan peranan Ahli-ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara.

**Beberapa Ahli:** Yeeaaaahhh...*[Tepuk]*

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Oleh kerana yang demikian dan kita memandang bahawa RRJP3 ini sebagai satu dokumen penting bagi negara kita, maka dia tidak bolehlah dilayan sebagai "projek roti canai segera". *[Tepuk]* Ia memerlukan satu pertimbangan sekurang-kurangnya untuk tiga hari dan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukup Yang Berhormat, cukup, saya....

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** ...perlu juga bagi Ahli-ahli Dewan Rakyat....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:**....Yang Berhormat Ketua Pembangkang ....

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** ...mendapat pandangan-pandangan umum bagi membolehkan mereka membahas dengan lebih teliti....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya boleh membuat keputusan.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** .....dan lebih konstruktif. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli Yang Berhormat, sebenarnya perkara ini telah juga kita bangkitkan semalam dan ingin saya maklumkan yang buku laporan yang berkenaan ini telah diedarkan kepada semua Ahli Yang Berhormat sama ada dari pihak pembangkang ataupun dari pihak kerajaan pada petang tadi.

**Beberapa Ahli:** Semalam.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli Yang Berhormat, tidak ada peruntukan yang menyatakan bahawa laporan yang berkenaan itu perlu diedarkan beberapa hari sebelum usul itu dibentangkan.

*[Beberapa Ahli Pembangkang membantah]*

Yang Berhormat, Yang Berhormat, cuba beri peluang untuk saya habiskan apa yang perlu saya sampaikan kepada semua. Tidak ada peruntukan memerlukan saya menangguhkan mesyuarat ini. Ahli Yang Berhormat saya memutuskan mesyuarat pada hari ini berjalan mengikut Aturan Urusan Mesyuarat yang ditetapkan. *[Tepuk]* Tiga hari akan diuntukkan untuk Ahli-ahli Yang Berhormat mengambil bahagian dalam perbincangan. Sekiranya pihak pembangkang perlu masa yang lebih, saya cadangkan Ahli Yang Berhormat dari pembangkang boleh pilih untuk mengambil bahagian pada hari yang kedua ataupun pada hari yang ketiga. Yang Amat Berhormat.....

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Kepong....

**Dr. Tan Seng Giaw:** Peraturan yang sama, peraturan yang sama. Tuan Yang di-Pertua, yang penting sekali...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat saya sudah buat keputusan.



**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya hendak beritahu ini satu konvensyen.....

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Tuan Yang di-Pertua, tidak ada peraturan pun.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, konvensyen....

**Tuan Bung Moktar bin Radin:** Ini peraturan apa ini?

*[Beberapa Ahli Yang Berhormat menyampuk]*

**Dr. Tan Seng Giaw:** Peraturan 14, Peraturan 14. Ini memang satu konvensyen Tuan Yang di-Pertua, konvensyen yang pertama yang ucap Ketua Pembangkang, bukan hari kedua, hari ketiga selepas pembentangan usul oleh Yang Amat Berhormat, itu konvensyen.

**Beberapa Ahli:** Ya, ya. *[Tepuk]*

**Dr. Tan Seng Giaw:** Dan konvensyen juga itu memberi peluang masa tiga hari, satu minggu, dua minggu kepada semua Ahli Parlimen untuk meneliti buku itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukup Yang Berhormat, cukup. Saya sudah terangkan dan semua Ahli Yang Berhormat sudah mendapatkan laporan itu pada petang tadi. *[Disampuk]* Saya yakin dan percaya semua pun sudah merujuk ....

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, dulu RRJP dahulu tiga hari diberi....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak ada, tidak ada apa-apa peraturan...

**Tuan Mohamad bin Sabu:** ..fasal Ketua Pembangkang ini selalunya tiga hari diberi tempoh. Saya ada di sini, tiga hari – sekarang kenapa satu hari?

*[Beberapa Ahli menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat tidak apa saya sudah...

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Tidak sampai satu hari....

*[Beberapa Ahli menyampuk][Dewan gamat]*

**Tuan Kerk Kim Hock:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya sudah buat keputusan.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Saya ada di sini dahulu masa RRJP2 – tiga hari diberi tempoh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Amat Berhormat, sila bentangkan...

**Tuan Kerk Kim Hock:** *[Menyampuk]*

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Kerk Kim Hock:** Sekejap. Sepuluh tahun dahulu RRJP2 dibentangkan bersama dengan Laporan MAPEN. Kali ini MAPEN Kedua tidak dibekalkan. Bagaimana kita boleh mulakan - RRJP2, MAPEN *[Menunjukkan kedua-dua laporan tersebut]* Kali ini tidak ada MAPEN, laporan MAPEN tidak ada, apa sudah jadi? Saya pohonlah – kita boleh bentangkan tetapi tunda perbahasan sehingga next week, next Monday. Ini fairlah, fair play. *[Disampuk][Tepuk]* Tak ada – Laporan MAPEN tidak ada, ini Laporan MAPEN *[Menunjukkan laporan berkenaan]*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat sila duduk.

**Tuan Kerk Kim Hock:** MAPEN Kedua tidak ada.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat...Yang Berhormat....

**Tuan Kerk Kim Hock:** Kita boleh benarkan pembentangan tetapi .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya.....saya minta....

**Tuan Kerk Kim Hock:** ....tunda perbahasan kepada Monday, Monday.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Kota Melaka sila.....saya yakin apa yang diterangkan juga akan diterangkan atau dijelaskan oleh Yang Amat Berhormat semasa membentangkan usul itu.

*[Majoriti Ahli Pembangkang menyampuk]*

**Tuan Kerk Kim Hock:** Tunda perbahasanlah, tunda perbahasan. Boleh teruskan pembentangan.

*[Beberapa Ahli menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sila, sila.

#### 11.06 pagi.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin tangguh perbahasan ini boleh tangguh mengambil bahagian dalam perbahasan sehingga minggu depan. *[Sorak][Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya bentangkan Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (RRJP3) bagi tempoh 2001 – 2010.....

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Peraturan 14. Peraturan 14 sekali lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.....

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Saya ingin minta kepastian....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ini tidak ada kena mengena dengan....

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Saya ingin mendapat kepastian daripada Tuan Yang di-Pertua bahawa jika kita membenarkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk terus membenteng RRJP3 ini, apakah Yang Berhormat Datuk bersedia untuk memberikan masa yang cukup untuk kami menyemak iaitu penanganungan kepada perbahasan iaitu perbahasan hendaklah dibuat pada....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukup, cukup Yang Berhormat Pokok Sena. Cukup.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** ....dua ataupun tiga hari yang akan datang.

*[Beberapa Ahli menyampuk]*

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *[Menyampuk]*

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** *[Bangun]*

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:** *[Bangun]*

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** *[Bangun]*

**Tuan Haji Noh bin Haji Omar:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat...Yang Berhormat...

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Untuk membolehkan kami membuat persiapan sebab...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sila duduk, sila duduk....

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** ....kami datang ke sini mewakili rakyat. Kami bukan mewakili parti semata-mata tetapi kami mewakili rakyat. Kami perlu mendapat maklum balas daripada rakyat.

**Puan Chong Eng:** *[Menyampuk]*

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menganggap bahawa laporan ini ataupun RRJP3 ini sebagai untuk kepentingan segelintir orang sedangkan kami mahu bahawa ianya untuk sekumpulan masyarakat rakyat Malaysia.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Pokok Sena.....

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Ini untuk sepuluh tahun.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Keputusan sudah saya buat....

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:***[Menyampuk]*

**Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak:***[Bangun]*

**Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali:** *[Menyampuk]*

**Puan Fong Po Kuan:** *[Bangun]*

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Ini bukan untuk kroni.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat....

**Tuan Haji Noh bin Haji Omar:** *[Menyampuk]*

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:***[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Kalau semua Yang Berhormat ingin.....

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat....semua sila duduk. Saya minta semua Ahli Yang Berhormat duduk.

**Puan Fong Po Kuan:** Tuan Speaker....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, kalau kita hendak bangkitkan Peraturan Mesyuarat saya harap semua mematuhi Peraturan Mesyuarat 42....

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** 42, Saya 43.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Apabila saya bercakap semua kena diam.

**Beberapa Ahli:** Duduk, duduk, duduk.

*[Dewan gamat]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Dan Peraturan Mesyuarat 43 muktamad. Yang Amat Berhormat sila sambung.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, seb agai wakil kepada majoriti rakyat dalam negara kita ini *[Sorak][Tepuk][Dewan bising]*

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** *[Bangun]*

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Point of order.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** *[Bangun]*

**Dato' Dr. Haj Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:***[Bangun]*

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** *[Bangun]*

**Tuan Mohamad bin Sabu:** *[Bangun]*

**Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali:** Peraturan Mesyuarat.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

*[Dewan gamat]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Peraturan, tentang apa peraturan...berkaitan dengan tadi yang .....

**Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali:** Berkaitan dengan ini, bagaimana kita hendak membahar laporan diberi dalam masa 22 jam, laporan 211 muka surat, jadual ada 38, carta ada 7, artikel kotak ada 6, bagaimana caranya kita harus membaca dan memahami laporan ini, *[Tepuk]* ini laporan ini. Adakah kita hendak jadi *rubber stamp* sahaja dekat sini. *[Sorak][Tepuk]*

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Rompin, apa...

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Jadi motivatorlah daripada duduk sini.

*[Beberapa Ahli Pembangkang bersorak]*

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Saya 44(2). Ha, ini Dewan, Dewan yang mulia ada peraturan mesyuarat, 44(2).

**Puan Fong Po Kuan:** *[Menyampuk]*

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Nampak sana cameraman. Duduklah belah sana sikit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Batu Gajah....

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Cameraman semua belah sini ambil gambar.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Batu Gajah .....

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Gambar kami mana? *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Rompin, Rompin.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Saya hendak beralih sebelum saya pergi kepada Peraturan 44(2) pergi 43 dahulu bahawa keputusan Tuan Yang di-Pertua itu muktamad.

**Seorang Ahli:** Yeeaaahhhh....

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Kalau tidak boleh akur kepada Perkara 43 saya pergi kepada 44(2).

**Berapa Ahli:** Yeeaaaahhhh.....

**Seorang Ahli:** Sack-out, biar dia keluar.

**Seorang Ahli:** Dia orang tak faham.

**Seorang Ahli:** Biar dia keluar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya telah terangkan dan saya harap supaya jangan sampai terpaksa saya bertindak sesuatu. Keputusan sudah dibuat, sila mematuhi. Yang Amat Berhormat.....

**Puan Fong Po Kuan:** *[Menyampuk]*

**Tuan Kerk Kim Hock:** *[Menyampuk]*

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua.....

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua.....

**Puan Chong Eng:** *[Menyampuk]*

**Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali:** *[Menyampuk]*

**Perdana Menteri:** Ada lagi hendak cakap, sila.

**Tuan Kerk Kim Hock:** Ya, ya....

**Perdana Menteri:** Cakaplah.

**Seorang Ahli:** Okay, PM bagi.

**Tuan Kerk Kim Hock:** Bagi? Boleh ya. *[Ketawa]* Kita pihak pembangkang selalu bekerjasama.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Boleh tetapi jangan langgar peraturan.

**Tuan Kerk Kim Hock:** Tak ada. Kita sanggup bekerjasama. Itu fasal tadi saya kata kita akan bekerjasama dan membenarkan pembentangan OPP tetapi kita boleh minta kerjasama, kita tunda tarikh perbahasan kepada minggu depan – Monday, supaya kita akan dapat baca ini dan dapat maklum balas orang-orang awam dan juga kerajaan harus membekalkan Laporan MAPEN Kedua seperti apa yang dilakukan pada sepuluh tahun yang lalu.

**Seorang Ahli:** Ya.

**Tuan Kerk Kim Hock:** Inilah semangat yang kita semua patut mengamalkan dalam Dewan yang mulia ini. *[Tepuk]*

**Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali:** Tuan Yang di-Pertua.....

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, sebagai penjelasan *[Disampuk]* Laporan MAPEN Kedua tidak dibentangkan semasa pembentangan RRJP2 dahulu. Jadi, apa yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat daripada pembangkang itu tidak betul. *[Sorak][Tepuk]* Bahkan dia tidak terlibat langsung, parti DAP tidak ambil bahagian dalam pembentukan.....*[Tepuk][Sorak]* tetapi kalau Ahli Yang Berhormat daripada parti lawan hendak jadi rubber stamp yang itu pilihan merekalah. *[Sorak]*

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya bentangkan Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (RRJP3) bagi tempoh 2001 – 2010 saya mohon izin untuk menarik perhatian Dewan terhadap rekod pembangunan Malaysia sejak merdeka. Sebagai sebuah negara berbilang kaum, berbilang agama dan dengan ekonominya yang tidak seimbang antara kaum, Malaysia bukanlah negara yang diramal akan aman dan boleh dimajukan. Ramai yang meramalkan bahawa perselisihan kaum akan berleluasa dan orang Melayu yang menjadi kaum majoriti akan merampas kuasa dan merompak harta kepunyaan kaum-kaum yang lain tetapi kita telah buktikan pengkritik-pengkritik kita salah sama sekali.

Bagi pencapaian luar biasa ini negara keseluruhannya terutang budi kepada pemimpin Malaysia yang terulung, Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj. Beliaulah yang telah mencipta kerjasama istimewa antara kaum yang mana hari ini ianya cuba ditiru, bukan sahaja di negara ini tetapi juga di kalangan banyak negara membangun lain yang menghadapi masalah perkauman tanpa kehilangan identiti kaum parti-parti politik yang berasas kepada kaum telah dapat bergerak sebagai satu parti dan tidak sebagai parti campuran.

Inilah formula yang telah menghasilkan kestabilan dan pembangunan ekonomi di Malaysia. Jika Malaysia ingin terus aman dan tumbuh dengan pesatnya, amatlah penting bagi mereka yang mengamalkan sistem yang unik ini dikekalkan berkuasa. Mereka yang meniru sistem ini tidak mungkin menghasilkan hasil yang sama. Malangnya pengasas pengamal kerjasama antara kaum ini sedang menghadapi politik membenci penyelewengan agama, sikap perkauman yang tebal dan rusuhan jalanan. Amatlah sukar memahami mengapa rakyat di Malaysia yang aman dan pesat membangun ini ingin meniru cara-cara negara yang tidak berjaya untuk kekal aman dan maju.

Hakikatnya, ada golongan di Malaysia yang tidak senang hati melihat negara ini aman serta ekonominya berkembang maju. Mereka ingin melihat kekecohan dan

keganasan, kecederaan bahkan pembunuhan. Mereka sentiasa mencari isu dan peristiwa untuk dieksploitasikan. Sementara mereka bercakap berkenaan demokrasi mereka tidak sanggup menerima keputusan majoriti rakyat. Mereka tidak sanggup menunggu pilihan raya tetapi ingin merebut kuasa secara haram.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** *[Menyampuk]*

**Perdana Menteri:** Baru-baru ini.....

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Bagi balik royalti...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Pokok Sena.....

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Seorang Ahli:** Terengganu boleh beri, bukan besar sangat RRJP3 ini.

**Perdana Menteri:** Alah hai, tak usahlah minta sedekah sangat. *[Ketawa]*

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Baru-baru ini tercetus perkelahian di antara beberapa orang Melayu dan India. Dengan serta-merta ada pihak yang cuba menghasut supaya kedua-dua kaum menghancurkan keamanan yang dinikmati negara. Umum mengetahui terdapat individu tertentu yang ingin melihat Kerajaan Malaysia dijatuhkan menerusi keganasan jalanan. Ini telah diperakui oleh mereka sendiri kepada pihak asing yang bersimpati dengan mereka tetapi kerajaan ini tidak akan teragak-agak untuk menguatkuasakan undang-undang Malaysia sekalipun *[Tepuk]* dikutuk oleh media asing dan pihak asing tertentu.

Kesejahteraan Malaysia ialah tanggungjawab rakyat Malaysia dan kerajaan yang dipilih oleh rakyat Malaysia. Kita telah menunjukkan bahawa apabila kepentingan Malaysia tercabar, kita sanggup menentang arus atau apa yang dikatakan sebagai norma antarabangsa. Kita tahu bahawa pengkritik kita bukanlah malaikat dan apabila ianya secocok dengan kepentingan mereka, mereka akan mengetepikan segala prinsip dan kebenaran. Oleh itu, jika keamanan dan kestabilan negara ini terancam, walaupun pihak tertentu mendapat sokongan rakan asing terhadap tindakan haram mereka, mereka tidak akan selamat daripada penguatkuasaan undang-undang Malaysia. Kerajaan ini akan bertindak dan bertindak dengan tegas untuk menyelamatkan negara ini daripada manipulasi *[Tepuk]* pihak asing dan proksi-proksi mereka dalam negara.

Sebagaimana yang saya terangkan, Malaysia telah membangun dengan pesat sejak merdeka. Ini tercapai walaupun berdepan dengan halangan yang



berterusan daripada pihak pembangkang pada setiap langkah. Setiap projek untuk memperbaiki taraf hidup rakyat dikecam, ditentang dan dihalang. Demikian, apabila kerajaan membangunkan rancangan pengairan MADA untuk penanaman padi dua kali setahun, pihak pembangkang telah mengutuk projek ini sebagai tidak praktikal. Tanah tidak dapat berehat dan para petani terpaksa bekerja sepanjang tahun. Hari ini orang yang sama, yang membangkang MADA bukan sahaja menikmati pendapatan yang lebih tetapi akan marah sekiranya mereka tidak dapat menanam padi dua kali setahun. *[Tepuk]* Tidak ada lagi soal tanah tidak rehat.

Ini juga terjadi kepada dasar-dasar dan projek-projek lain. Jika bangkangan mereka ini diterima tidak akan ada Jambatan Pulau Pinang, Lebuhraya Utara Selatan dan lebuhraya-lebuhraya lain, tidak akan ada Lapangan Terbang Subang dan KLIA, tidak akan ada Proton, Dasar Ekonomi Baru, orang Melayu yang berkecimpung dalam dunia perniagaan dan tidak akan ada ahli korporat dan ahli profesion-profesion lain.

Ketiadaan kesemua ini akan menyebabkan Malaysia terjerumus sebagai sebuah negara dunia ketiga yang daif, mengemis bantuan dan dipaksa tunduk kepada kuasa asing dan agensi-agensi antarabangsa. Kita boleh melihat apa akan terjadi kepada kita dengan memandang keadaan di sekeliling kita. Mujurlah Kerajaan Perikatan dan Barisan Nasional diberi sokongan padu oleh rakyat. *[Tepuk]* Dan kita berjaya menangkis tentangan parti lawan, membangunkan negara dan memakmurkan rakyat.

Sekarang RRJP3 menggariskan, .....

**Tuan Kerk Kim Hock:** *[Menyampuk]*

**Perdana Menteri:** Apa dia? Wakil Jeli sekarang ini pun dapat juga. *[Ketawa]*

Sekarang RRJP3 menggariskan dasar dan hala tuju pembangunan Malaysia untuk sepuluh tahun akan datang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, sila bertenang Yang Berhormat.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, Dasar Wawasan Negara ini akan dibantah oleh pihak pembangkang kerana itulah sahaja yang mereka tahu. Mereka tidak pernah melahirkan idea yang konstruktif yang boleh membantu pembangunan negara. Kerajaan Malaysia yang diterajui Barisan Nasional tidak akan berputus asa

dengan sikap negatif pembangkang, kita akan tetap melaksanakan Dasar Wawasan Negara dengan sedaya upaya kita untuk kebaikan Malaysia dan semua rakyat.

Dengan kesedaran pembangkang akan melemparkan kritikan yang tidak berasas semasa perbahasan berkenaan DRRJP3 dan Dasar Wawasan Negara dan akan sengaja membuat gangguan untuk menyekat pembangunan Malaysia seperti pagi ini, RRJP3 ini dibentang untuk membawa negara ke arah pencapaian Wawasan 2020 iaitu sebuah negara Malaysia yang maju, setanding dengan negara-negara maju yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya mohon izin membentangkan usul berikut:-

"Bahawa Dewan ini,

**menyedari** akan kemajuan pesat yang telah dicapai dalam pembangunan sosioekonomi negara dalam tempoh sepuluh tahun yang lalu di bawah Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua 1991-2000 dan Dasar Pembangunan Nasional;

**mengambil maklum dan merestui** usaha berterusan yang dijalankan oleh kerajaan dalam melaksanakan dasar, strategi dan program bagi mencapai matlamat Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua menerusi Dasar Pembangunan Nasional iaitu untuk mencapai pembangunan seimbang bagi mewujudkan sebuah masyarakat yang lebih bersatu padu dan saksama;

sekarang **meluluskan dan mengesahkan** Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga 2001-2010 dan Dasar Wawasan Negara yang bertujuan menyediakan objektif pembangunan negara dan dasar yang akan dilaksanakan dalam dekad ini sebagaimana terkandung dalam Kertas Perintah Bil. 11 Tahun 2001;

Bahawa dalam meluluskan Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga dan Dasar Wawasan Negara, setiap lapisan rakyat Malaysia dikehendaki berusaha dengan gigih bagi mencapai kejayaan yang gemilang dalam menghadapi cabaran daripada dalam dan luar negara

yang semakin meningkat pada masa hadapan dan bersatu dalam usaha membangunkan sebuah negara yang berdaya tahan dan berdaya saing."

Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ini membentangkan Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (2001 -2010) dan Dasar Wawasan Negara untuk dibahaskan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, dokumen RRJP3 yang berada di hadapan kita merupakan dokumen yang amat penting untuk kita dan generasi yang akan datang.

**Beberapa Ahli Pembangkang:** *[Menyampuk] [Dewan riuh]*

**Perdana Menteri:** Bagi yang boleh baca cuma mengambil masa satu jam sahaja boleh meneliti semua.

Dokumen ini dibentangkan di awal abad ke 21 Masihi dan mengandungi dasar dan program yang akan dilaksanakan dalam dekad pertama abad ini. Setelah memperoleh kejayaan yang memberangsangkan sejak pelancaran Dasar Ekonomi Baru dan Dasar Pembangunan Nasional, kita seharusnya melangkah ke hadapan dengan penuh keyakinan demi mencapai matlamat negara supaya rakyat yang meletakkan kepercayaan kepada Kerajaan Barisan Nasional ini tidak merasa kecewa.

Di Malaysia perancangan untuk pembangunan negara merupakan satu perkara yang sangat penting. Bagi kita rancangan-rancangan pembangunan negara adalah perlu untuk menentukan hala tuju pembangunan negara pada masa hadapan. Kesungguhan kerajaan merancang pembangunan negara dapat disaksikan daripada usaha yang telah dijalankan dalam menyediakan RRJP3.

Dalam penggubalan RRJP3, kita telah menubuhkan Majlis Perundingan Ekonomi Negara Kedua (MAPEN2) yang dianggotai oleh 154 orang ahli mewakili pelbagai kumpulan masyarakat. Keupayaan mereka menyiapkan laporan, telah membolehkan kerajaan memberi pertimbangan mengenai pandangan yang dikemukakan sebelum menggubal rancangan ini.

Sungguhpun tidak semua perakuan yang dikemukakan itu diterima tetapi kerajaan secara ikhlas dan jujur telah memberi pertimbangan dengan teliti ke atas semua perakuan mereka .

**Dasar Pembangunan Nasional -**

Tuan Yang di-Pertua, Dasar Pembangunan Nasional (DPN) yang dilancarkan pada tahun 1991 telah menyusuli Dasar Ekonomi Baru yang telah menyediakan Rangka Pembangunan Ekonomi Negara untuk tempoh sepuluh tahun yang lalu. Di samping mengekalkan strategi asas dan matlamat utama Dasar Ekonomi Baru, beberapa dimensi baru telah diperkenalkan dalam DPN dengan memberi tumpuan kepada isu kemiskinan, penekanan kepada pembangunan pesat masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera, tanggungjawab yang lebih besar kepada sektor swasta untuk mencapai matlamat penyusunan semula masyarakat dan peningkatan pembangunan sumber manusia.

**Kemajuan Ekonomi Makro -**

Tuan Yang di-Pertua, dasar dan strategi di bawah DPN telah menyumbang ke arah pengukuhan kedudukan Malaysia sebagai sebuah negara perindustrian moden dan telah menghasilkan kemajuan ekonomi dan sosial yang pesat. Negara telah menyaksikan rakyat menikmati taraf hidup yang lebih tinggi sementara asas perindustrian telah dipelbagaikan dan menjadi lebih kukuh. Walaupun ekonomi negara terjejas teruk pada tahun 1998 akibat krisis kewangan Asia, tetapi langkah-langkah yang diperkenalkan oleh kerajaan serta asas ekonomi yang kukuh sebelum berlakunya krisis telah dalam masa yang singkat membolehkan kita memulihkan ekonomi negara dan berjaya meletakkannya pada landasan yang lebih teguh untuk menghadapi cabaran masa hadapan.

Sungguhpun dilanda krisis ekonomi, pertumbuhan ekonomi negara telah berjaya mencatatkan kenaikan purata 7% setahun bagi tempoh 1991 – 2000, sebagaimana sasaran yang ditetapkan di bawah RRJP2.

**Seorang Ahli:** Minum dahulu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sila, sila menghormati Majlis. Kita perlu menghormati Majlis.

**Perdana Menteri:** Lebih penting lagi pertumbuhan ini dicapai dalam persekitaran inflasi yang rendah, harga yang stabil dan guna tenaga yang penuh. Pendapatan per kapita telah meningkat pada kadar purata 7.8% setahun atau sekali ganda daripada RM6,298 pada tahun 1990 kepada RM13,359 pada tahun 2000.

Sektor swasta dan eksport merupakan pemangkin kepada pertumbuhan pesat dalam dekad yang lepas berbeza daripada tahun 1980an apabila sektor awam menjadi penggerak utama ekonomi negara. Ini adalah selaras dengan strategi kerajaan untuk menggalakkan penglibatan sektor swasta sebagai jentera pertumbuhan.

Di samping itu, kemasukan pelaburan asing secara langsung (FDI) yang besar dalam sektor pembuatan telah menambah keupayaan industri berorientasikan eksport termasuk sektor minyak, gas dan petrokimia serta pelaburan dalam bidang yang berintensifkan modal dan berteknologi tinggi serta menyumbang kepada peningkatan pelaburan swasta.

Kemasukan pelaburan asing secara langsung terus kekal walaupun ketika negara menghadapi krisis kewangan. Kita berjaya mendapatkan lebih banyak pelaburan semula daripada syarikat multinasional yang beroperasi di negara ini. Ini membuktikan pelabur jangka panjang asing masih berkeyakinan terhadap ekonomi negara kita.

Lebih menarik lagi sebahagian daripada pelaburan langsung asing ini adalah dalam sektor industri berteknologi tinggi dan IT atau teknologi maklumat, satu sektor baru yang diberi penekanan. Pelaburan swasta telah terjejas teruk pada tahun 1998 disebabkan oleh kejatuhan permintaan dan kehilangan keyakinan pelabur akibat krisis kewangan. Bagi mengurangkan penguncupan ekonomi, kerajaan telah melaksanakan pakej rangsangan fiskal dan dasar kewangan yang sesuai.

Pelaburan awam ditumpukan kepada pembangunan infrastruktur serta peningkatan produktiviti dan kecekapan untuk menyokong inisiatif sektor swasta dan memenuhi permintaan yang semakin meningkat terhadap perkhidmatan yang lebih baik daripada masyarakat yang bertambah sofistikated.

Eksport juga menjadi penyumbang yang bertambah penting kepada pertumbuhan. Keluaran tempatan mampu bersaing dan menembusi pasaran dunia termasuk pasaran negara-negara maju. Eksport, terutamanya menjadi penting dalam memacu pemulihan daripada krisis kewangan. Ia telah berkembang pada kadar purata 16.7% setahun, melepasi sasaran yang ditetapkan di bawah RRJP2 malah lebih kukuh dalam tempoh 1998-2000.

Krisis kewangan yang melanda Asia telah sedikit sebanyak menjejaskan pencapaian matlamat sosioekonomi negara. Walaupun demikian, Malaysia telah muncul menjadi lebih berdaya tahan dengan asas yang lebih kukuh. Kedudukan

akaun semasa imbangan pembayaran semakin positif dan teguh berikutan pertumbuhan pesat eksport barangan. Akaun barangan memperoleh lebih yang terbesar pernah dicatatkan iaitu sebanyak RM86.5 bilion pada tahun 1999.

Adalah menjadi dasar kerajaan untuk memastikan hutang luar negara berada pada paras yang mudah diurus. Selaras dengan ini, kerajaan membuat pembayaran awal secara terpilih bagi hutang luar negara yang berkos tinggi. Hasilnya hutang luar negara Kerajaan Persekutuan telah berkurang daripada RM24.7 bilion pada akhir tahun 1990 kepada RM13 bilion pada akhir tahun 1997. Bagaimanapun, berikutan krisis kewangan, kerajaan telah meminjam sedikit dari luar negara untuk membiayai perbelanjaan mengembang dan memulihkan ekonomi Malaysia.

#### **Prestasi Sekto -**

Tuan Yang di-Pertua, sektor pembuatan telah berkembang pada kadar 10.4% setahun dan telah mendahului pertumbuhan ekonomi dalam tempoh RRJP2. Sektor ini memperlihatkan peningkatan dalam kecekapan dan keupayaan, pengembangan berterusan industri berasaskan eksport serta kepelbagaian pasarannya.

Pertumbuhan sektor pembinaan amatlah pesat terutamanya dalam tempoh 1991-1997. Sektor kecil kejuruteraan awam telah dirangsang oleh penswastaan projek infrastruktur yang besar seperti jalan raya, lebuh aya, lapangan terbang, penjanaan tenaga elektrik, telekomunikasi, pengangkutan rel dan pelabuhan. Bagaimanapun, sektor pembinaan menguncup pada tahun 1998 dan 1999 sebelum pulih sedikit pada tahun 2000.

Pertumbuhan dalam sektor pertanian sebahagian besarnya disumbangkan oleh sektor kecil kelapa sawit dan tanaman makanan. Selaras dengan Dasar Pertanian Negara Ketiga (NAP3), pembangunan sektor ini telah diorientasikan semula ke arah penggunaan sumber tempatan yang optimum dalam sektor kecil komoditi untuk industri dan makanan melalui peningkatan produktiviti dan persaingan.

Kerajaan juga telah mengambil langkah untuk memajukan sektor perkhidmatan sebagai satu sumber pertumbuhan baru serta meningkatkan daya saingan sebagai persediaan menghadapi persekitaran yang lebih liberal.

#### **Kemajuan Dalam Pembasmian Kemiskinan dan Penyusunan Semula Masyarakat -**

Tuan Yang di-Pertua, negara telah mencapai kemajuan besar daripada segi pengurangan kemiskinan, penyusunan semula guna tenaga dan pembangunan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera. Namun, peratus pemilikan ekuiti bumiputera dalam sektor korporat telah merosot sedikit berbanding dengan tahun 1990.

Kadar kemiskinan di kalangan rakyat Malaysia telah berkurang kepada 7.5% pada tahun 1999. Sejumlah 351,000 isi rumah dikeluarkan daripada paras kemiskinan. Kadar kemiskinan di bandar dan luar bandar berkurang hampir separuh daripada tahap kemiskinan yang dicatatkan pada tahun 1990. Walau bagaimanapun, kadar kemiskinan di kalangan bumiputera kekal tertinggi berbanding dengan kumpulan etnik yang lain.

Daripada segi penyusunan semula bahagian pemilikan bumiputera dalam sektor korporat, pada awalnya meningkat daripada 19.3% pada tahun 1990 kepada 20.6% pada tahun 1995. Namun, akibat daripada krisis ekonomi, bahagiannya berkurang kepada 19.1%. Bahagian pemilikan bukan bumiputera juga terjejas sementara milik asing telah meningkat berikutan kelonggaran yang diberi kepada pelaburan asing bagi mempercepat proses pemulihan ekonomi. Walau bagaimanapun, daripada segi jumlah, pemilikan ekuiti bumiputera dan bukan bumiputera telah meningkat.

Program penswastaan merupakan jentera penting bagi meningkatkan penyertaan bumiputera dalam sektor korporat. Syarikat yang melaksanakan projek penswastaan disyaratkan untuk memberi sekurang-kurangnya 30% daripada ekuiti mereka kepada bumiputera serta memperuntukkan sekurang-kurangnya 30% daripada kerja-kerja kontrak bagi projek yang besar kepada kontraktor bumiputera.

Peratusan bumiputera dalam kategori pekerjaan profesional dan teknikal serta pentadbiran dan pengurusan meningkat dalam tempoh RRJP2. Perlaksanaan program bagi Masyarakat Perdagangan Dan Perindustrian Bumiputera juga telah membantu meningkatkan bilangan perniagaan bumiputera dalam sektor korporat dan bukan korporat.

Daripada segi pembangunan wilayah, negeri-negeri yang terlibat dalam aktiviti sektor moden telah berkembang dengan pesat. Peluang ekonomi yang lebih banyak yang terdapat di pusat-pusat bandar terus menarik lebih ramai rakyat Malaysia tinggal di bandar berbanding dengan kawasan luar bandar. Kira-kira tiga per lima daripada rakyat Malaysia tinggal di kawasan bandar pada tahun 2000

berbanding dengan hanya separuh pada tahun 1990. Peningkatan penduduk bandar telah membawa fenomena baru, iaitu perluasan kawasan setinggan dan kemiskinan secara relatif di bandar di kalangan bumiputera dan kaum India.

### **Dasar Wawasan Negara -**

Sepuluh tahun yang lalu, kita telah melancarkan Wawasan 2020 bagi menetapkan hala tuju strategik pembangunan negara untuk tempoh tiga puluh tahun yang menyusul. Kejayaan pelaksanaan Dasar Pembangunan Nasional dalam tempoh 1990-an yang merupakan fasa pertama Wawasan 2020 telah menghasilkan pertumbuhan yang pesat dengan perubahan meluas dalam bidang ekonomi, sosial, institusi dan fizikal.

Kita kini berpindah pula kepada fasa kedua Wawasan 2020. Dalam sepuluh tahun yang akan datang, Dasar Wawasan Negara akan menjadi asas kepada strategi dan program di bawah RRJP3. Dasar Wawasan Negara bertujuan untuk membentuk satu bangsa Malaysia yang progresif dan makmur yang hidup dalam keharmonian serta berkongsi untung nasib sepenuhnya dengan saksama.

Pertumbuhan ekonomi akan terus diusahakan di samping tumpuan kepada pengurangan kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat serta pengurangan ketidakseimbangan sosioekonomi dan wilayah. Di samping meningkatkan tahap kebendaan dan kemakmuran, usaha khusus akan diambil untuk menanam nilai sosial dan kerohanian bagi mengimbang sikap kebendaan yang keterlaluan. Dasar Wawasan Negara juga akan terus memberi keutamaan kepada pembangunan yang mampan dan mesra alam untuk memastikan alam sekitar yang bersih, sihat dan menarik serta berupaya memenuhi aspirasi negara.

### **Tema -**

Tuan Yang di-Pertua, menyedari cabaran globalisasi yang akan dihadapi pada masa hadapan, Dasar Pembangunan Negara akan ditumpukan ke arah membina sebuah negara yang berdaya tahan dan mampu bersaing di pasaran dunia. Sempadan negara tidak lagi boleh diharapkan untuk melindungi pasaran tempatan bagi produk yang berkualiti rendah dan berharga tinggi. Untuk menghasilkan khidmat dan barangan yang berdaya saing di seluruh dunia, kita rakyat Malaysia perlu lebih berdisiplin dan lebih bijak dalam segala urusan kerja kita. Krisis kewangan yang baru berlalu menunjukkan pentingnya kepintaran berfikir dan



daya tahan dipertingkatkan kerana dalam persekitaran dunia tanpa sempadan, perubahan di mana sahaja di dunia boleh memberi kesan yang ketara kepada negara kita.

Dalam era maklumat, ekonomi dunia yang lebih bersepadu dan terbuka telah merubah peraturan berhubung dengan persaingan. Kedudukan daya saing negara akan ditentukan oleh pengetahuan dan bukannya faktor input sahaja. Kelebihan daya saing Malaysia dalam bidang pembuatan tradisional kini dicabar oleh negara membangun lain yang dapat menawarkan kos yang lebih rendah manakala negara maju terus mara ke hadapan dengan memberi tumpuan kepada pengetahuan dan ICT.

Sebagai sebuah negara, kita perlu mempergiatkan usaha untuk meningkatkan produktiviti dan daya saing bukan sahaja untuk membolehkan kita terus di hadapan negara membangun lain malah dapat pula seiring dengan negara maju jika kita ingin muncul sebagai sebuah negara maju menjelang tahun 2020.

Di peringkat dalam negeri, produktiviti faktor keseluruhan (total factor productivity) iaitu sumbangan daripada faktor selain daripada tenaga manusia dan modal adalah masih rendah dan peningkatan nisbah tambahan modal kepada keluaran dalam tempoh 1990-an bermakna bahawa kita perlu melipatgandakan usaha bagi meningkatkan kecekapan penggunaan modal. Strategi kita untuk mencapai pertumbuhan mapan perlu dibina berasaskan kepada peningkatan produktiviti melalui peningkatan kandungan pengetahuan dan kecekapan. Adalah perlu bagi kita mengenal pasti bidang pertumbuhan baru, memperluas dan memperdalamkan sumber pertumbuhan yang sedia ada dan mempelbagai eksport sebagai satu strategi untuk meningkatkan daya tahan ekonomi. Antara kepelbagaian yang perlu diusahakan ialah dalam bidang industri makanan yang dibantu oleh pertanian moden.

Rakyat Malaysia juga perlulah sentiasa menghargai keamanan dan keharmonian yang dinikmati di negara ini. Keamanan dan keharmonian merupakan asas penting kepada semua usaha pembangunan negara kita. Sekiranya negara berada dalam keadaan kucar-kacir disebabkan oleh perbalahan dan keterlaluan dalam perbezaan pendapat, kemajuan sebenarnya tidak akan tercapai.

Oleh itu, kita perlu meningkatkan usaha memupuk perpaduan negara dan membina masyarakat yang bertolak-ansur serta penyayang demi kesejahteraan dan kemakmuran kita semua. Sekiranya seruan supaya bersikap rasional dalam

meluahkan perasaan tidak puas hati mengenai isu politik, ekonomi dan sosial diketepikan, kita terpaksa menerima keperluan untuk melaksanakan undang-undang negara dengan lebih tegas lagi.

#### **Dimensi Baru -**

Tuan Yang di-Pertua, di samping mengambil kira strategi utama dasar yang lepas seperti Dasar Ekonomi Baru dan Dasar Pembangunan Nasional, dimensi baru Dasar Wawasan Negara merangkumi:

- membangunkan Malaysia sebagai sebuah masyarakat berasaskan pengetahuan,
- menjana pertumbuhan berdasarkan sumber dan kekuatan tempatan melalui pengukuhan pelaburan dalam negeri dan pembangunan keupayaan tempatan di samping terus menarik Pelaburan Langsung Asing (FDI) di bidang strategik;
- menjadikan sektor pertanian, pembuatan dan perkhidmatan lebih dinamik dengan mempelbagaikan serta meningkatkan penerapan pengetahuan;
- membasmi kemiskinan di kalangan kelompok kecil miskin di kawasan bandar dan pedalaman, kumpulan suku kaum minoriti bumiputera di Sabah dan Sarawak dan Orang Asli, serta meningkatkan pendapatan dan kualiti hidup kumpulan berpendapatan 30% terendah;
- mencapai penyertaan bumiputera yang berkesan serta pemilikan ekuiti sekurang-kurangnya 30% menjelang 2010;
- mencapai penyertaan bumiputera secara berkesan dalam sektor utama ekonomi; dan
- merubah pembangunan sumber manusia bagi menyokong pembentukan masyarakat yang berasaskan pengetahuan.

#### **Teras Utama –**

Tuan Yang di-Pertua, Dasar Wawasan Negara akan memperkukuhkan daya saing dan daya tahan negara serta mewujudkan masyarakat yang saksama bagi memastikan kestabilan dan perpaduan negara. Teras utama Dasar Wawasan Negara adalah seperti berikut:

- membina bangsa yang berdaya tahan dengan memupuk perpaduan, menyemarakkan semangat patriotik, menaikkan kematangan politik, membina masyarakat supaya lebih sanggup bertolak ansur dan penyayang yang tersemat dengan nilai positif serta meningkatkan kualiti hidup dan keutuhan ekonomi;
- mewujudkan masyarakat yang saksama melalui pembasmian kemiskinan dan pengurangan ketidakseimbangan di kalangan dan di dalam kumpulan etnik serta wilayah;
- mengekalkan pertumbuhan ekonomi yang tinggi dengan mengukuhkan sumber pertumbuhan institusi kewangan dan korporat serta pengurusan ekonomi makro;
- mempertingkatkan daya saing untuk menghadapi cabaran globalisasi dan liberalisasi;
- membangunkan ekonomi berasaskan pengetahuan sebagai langkah strategik untuk meningkatkan nilai ditambah semua sektor ekonomi dan mengoptimumkan daya pemikiran bangsa;
- mengukuhkan pembangunan sumber manusia untuk menghasilkan tenaga kerja yang berkebolehan, produktif dan berpengetahuan; dan
- meneruskan pembangunan alam sekitar yang mapan untuk meneguhkan pertumbuhan jangka panjang.

#### **Membangunkan Sebuah Negara Berdaya Tahan -**

Tuan Yang di-Pertua, untuk membina bangsa yang berdaya tahan, rakyat perlulah bersatu padu, matang berpolitik, bertolak ansur, penyayang dan terus menikmati kehidupan yang berkualiti tinggi.

Rakyat Malaysia hendaklah berusaha mencapai kematangan politik dan tidak terjerumus ke dalam fahaman sempit dan berpandangan ekstrem. Bagi membina masyarakat Malaysia yang bersatu padu dan harmoni, kita perlu bertolak ansur dan menerima pelbagai tradisi masyarakat yang wujud dalam masyarakat majmuk.

Untuk menjadi sebuah negara yang berjaya, kita mesti bersedia untuk bekerja kuat dan bijak, berdisiplin dan mempunyai etika kerja yang baik. Nilai dan etika bangsa dan negara yang murni hendaklah menjadi pegangan kita kerana nilai-nilai dan etika ini yang menentukan jatuh bangunnya sesebuah negara.

### **Prospek Ekonomi Untuk 2001-2010** **Prospek Ekonomi Dunia -**

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh secara ringkas prospek ekonomi global. Dalam tinjauan jangka panjang, ekonomi dunia dijangka positif dengan pertumbuhan KDNK sebenar diramalkan meningkat bagi semua rantau utama. Dalam tempoh 2001-2010 ekonomi dunia dijangka berkembang pada kadar 2.3% manakala negara membangun juga dijangka berkembang pada kadar purata 3.7%.

Namun begitu, kewujudan ketidakseimbangan ekonomi dan kewangan yang ketara di antara negara kaya dan miskin menimbulkan risiko berterusan kepada ekonomi Malaysia. Kekurangan inisiatif yang membina secara berterusan untuk mengukuhkan struktur kewangan antarabangsa terutamanya dari segi pengurangan aliran modal jangka pendek yang bersifat spekulatif terus menjadi punca ketidakstabilan.

### **Pertumbuhan Ekonomi Mapan -**

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan keadaan ini, keupayaan Malaysia untuk mengekalkan pertumbuhan ekonomi yang pesat bagi tempoh RRJP3 bergantung kepada keupayaan kita mengukuhkan daya tahan dan daya saing ekonomi. Oleh itu, pengurusan ekonomi makro akan ditumpukan kepada usaha memperkukuhkan asas ekonomi bagi memastikan pertumbuhan jangka panjang yang mapan dengan inflasi yang rendah dan harga yang stabil serta mengekalkan sumber ekonomi dan kedudukan imbalan luar yang sihat. Pembangunan ekonomi berasaskan pengetahuan dijangka menyediakan landasan untuk memperbaiki produktiviti Malaysia.

### **Produktiviti Dan Kecekapan -**

Dalam tempoh RRJP3 ekonomi negara disasarkan berkembang pada kadar purata 7.5% setahun. Sumber utama pertumbuhan adalah daripada peningkatan produktiviti yang dihasilkan oleh kemajuan dalam teknologi dan proses pengeluaran serta peningkatan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi. Pelaburan baru dari dalam dan luar negara juga akan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi.

Untuk membina asas yang kukuh bagi pertumbuhan yang didorong oleh sumber dan kekuatan dalam negeri, usaha akan dilaksanakan untuk memantapkan keupayaan tempatan dalam pembangunan inovasi dan teknologi serta modal manusia. Langkah akan diambil untuk memperbaiki tahap pendidikan, mempergiatkan latihan kemahiran dan menarik warga asing dan rakyat Malaysia dari luar negara yang berkepakaran tinggi sebagai sebahagian daripada strategi "*brain gain*", dengan izin.

#### **Permintaan Agregat -**

Penggunaan swasta (*private consumption*) dijangka meningkat pada kadar 70.4% setahun dalam nilai sebenar disebabkan pendapatan boleh guna, (*disposable income*) yang lebih tinggi dan kesan kekayaan yang positif. Dengan pelaksanaan dasar untuk mengukuhkan pelaburan, pelaburan swasta dijangka mencatatkan pertumbuhan purata yang kukuh pada kadar 12.7%. Pelaburan langsung asing akan terus digalakkan terutamanya dalam industri yang berintensifkan modal dan berteknologi tinggi.

Pelaburan dalam negeri akan digalakkan lagi untuk mempercepatkan pembangunan industri tempatan serta penubuhan syarikat multinasional Malaysia bagi memperluaskan asas dan kandungan industri. Ini termasuklah meningkatkan industri berasaskan sumber dan makanan yang berpotensi untuk menggantikan import dan menambah eksport. Sehubungan dengan ini, perniagaan dan institusi tempatan akan digalakkan bekerjasama dengan perniagaan asing untuk membentuk kerjasama strategik dalam Penyelidikan dan Pembangunan (R&D), reka bentuk produk, pembuatan, pengedaran dan pemasaran. Mereka hendaklah mengeluarkan barangan modal dan barang perantara dalam bidang di mana Malaysia mempunyai kelebihan bersaing bukan sahaja untuk melengkap dan menggantikan barangan import tetapi juga untuk eksport.

Syarikat-syarikat perniagaan Malaysia hendaklah mengukuhkan rangkaian mereka dengan syarikat multinasional asing untuk mengambil peluang daripada

kontrak yang ditawarkan di peringkat dunia dan menjadi sebahagian daripada rantaian nilai global.

Pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) akan digalakkan untuk meningkat rantaian antara dan dalam industri serta mengukuhkan asas industri. Bagi meningkatkan sumbangan perusahaan kecil dan sederhana kepada pertumbuhan ekonomi, usaha akan diambil untuk memperbaiki pengurusan kewangan dan kemahiran pemasaran serta mengukuhkan pertalian mereka dengan industri berskala besar. Zon perindustrian khas yang mempunyai perkhidmatan sokongan akan diwujudkan untuk PKS bagi membolehkannya mencapai ekonomi bidangan. Usaha juga akan diambil untuk membantu kelompok industri berkongsi sumber seperti maklumat, pengalaman dan inovasi serta mengeluarkan perkhidmatan dan barangan siap secara bersepadu.

Perusahaan tempatan yang berdaya maju akan diberi insentif dan sokongan yang bersesuaian bagi membolehkan mereka bersaing dengan jayanya. Eksport terutamanya barangan buatan akan kekal sebagai penyumbang utama kepada pertumbuhan ekonomi negara. Selain barangan elektrik dan elektronik, eksport keluaran pembuatan berasaskan pertanian dan berasaskan sumber-sumber dijangka meningkat selaras dengan perkembangan pemprosesan barangan pertanian tempatan serta pembangunan Malaysia sebagai sebuah "hub" makanan halal antarabangsa. Barangan modal dan barangan perantaraan akan terus merupakan sebahagian besar import utama negara. Bagaimanapun, dengan peningkatan keupayaan mengeluarkan sebahagian daripada barangan-barangan ini termasuk penglibatan PKS yang lebih besar, import dijangka berkembang pada kadar yang lebih rendah. Menjelang tahun 2010, KNK per kapita dijangka mencecah RM23,610 pada nilai semasa dalam persekitaran harga yang stabil dan inflasi yang rendah.

#### **Pertumbuhan Sektor -**

Tuan Yang di-Pertua, dalam tempoh RRJP3 sektor pembuatan, perkhidmatan dan pertanian akan menjadi daya penggerak kepada pertumbuhan ekonomi. Sektor-sektor tersebut dijangka lebih kukuh berikutan perkembangan ekonomi berasaskan pengetahuan yang akan mempercepatkan penerapan teknologi dan amalan pengurusan moden bagi meningkatkan nilai ditambah dan produktiviti. Sektor pembuatan akan berkembang pada kadar purata 8.3% setahun dengan sumbangannya kepada KDNK meningkat kepada 36% menjelang tahun 2010.

Antara langkah yang akan diambil termasuklah menyediakan persekitaran dasar yang menyokong perniagaan, menggalakkan pakatan strategik dalam industri yang mempunyai nilai ditambah yang berteknologi tinggi, memperkukuhkan asas teknologi serta memperluaskan asas eksport dan mempelbagaikan pasaran eksport. Sebahagian besar aktiviti dalam sektor ini akan terus tertumpu kepada industri elektrik dan elektronik yang dijangka menjadi semakin canggih dan pelbagai.

Industri berasaskan sumber seperti petrokimia, farmaseutikal, oleokimia, keluaran yang berasaskan kayu serta keluaran makanan dan pertanian akan diberi galakan sejajar dengan industri lain seperti automotif, aeroangkasa dan keluaran logam yang dibentuk iaitu *metal fabrication*. Pembangunan PKS akan diberi penekanan bagi meningkatkan sumbangannya kepada aktiviti utama perindustrian dan eksport. Dalam tempoh RRJP3, sektor perkhidmatan akan dimajukan sebagai pemangkin pertumbuhan dan sumber berpotensi untuk eksport bagi memperkukuhkan kedudukan imbalan pembayaran. Sektor perkhidmatan yang lebih efisien akan dimajukan bagi menggalakkan perindustrian yang lebih cekap dan berdaya saing.

Tumpuan industri pelancongan bukan sahaja untuk menambah bilangan kedatangan pelancong tetapi juga menggalakkan mereka untuk tinggal lebih lama, berbelanja lebih dan melancong semula ke Malaysia. Khidmat pelabuhan akan diperluaskan untuk menjadikan Malaysia negara maritim. Di masa yang sama, usaha akan dibuat untuk memajukan KLIA sebagai “hub” penerbangan Asia Tenggara. Langkah akan diambil untuk menggiatkan semula sektor pertanian bagi meningkatkan sumbangannya kepada pertumbuhan serta pewujudan kekayaan. Penekanan akan diberi kepada pengeluaran makanan melalui penglibatan sektor swasta secara lebih besar dalam perladangan moden dan berskala besar terutamanya dalam kawasan pengeluaran makanan kekal. Sumber baru pertumbuhan juga akan dibangunkan terutama dalam keluaran barangan berasaskan herba yang bernilai tinggi, ikan hiasan dan bunga-bunga, industri berteknologi serta pelancongan “agro” dan pelancongan “eco”.

Bagi getah, usaha akan dijalankan untuk meningkatkan daya maju melalui peningkatan hasil. Galakan penanaman klon getah balak, penggunaan teknologi baru serta mengintegrasikan tanaman getah dengan aktiviti ekonomi lain. Usaha-usaha bagi menggalakkan pelaburan di luar negara untuk tanaman makanan dan ladang akan diteruskan bagi menjamin bekalan bahan mentah kepada industri dan

makanan di samping mengambil peluang daripada kos pengeluaran yang lebih murah dan kewujudan sumber di luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, dalam tempoh RRJP3, kadar inflasi akan dikekalkan pada tahap yang rendah. Usaha juga akan dijalankan bagi memastikan kenaikan upah yang selaras dengan peningkatan produktiviti. Langkah untuk menggalakkan teknik automasi dan penjimatan buruh serta menggalakkan penyertaan lebih ramai wanita dan pesara dalam pasaran buruh akan mengurangkan tekanan permintaan.

Di masa yang sama, kerja bercucuk tanam juga akan disusun supaya lebih teratur seperti dalam industri kilang. Dengan pemulihan ekonomi, sektor awam dijangka kembali berperanan sebagai penggerak kepada sektor swasta yang akan menjadi jentera pertumbuhan. Kadar pertumbuhan perbelanjaan mengurus, Kerajaan Persekutuan akan menjadi lebih rendah hasil daripada pengurusan *fiscal* yang berhemat dan penggunaan sumber secara cekap. Keutuhan juga akan diberi kepada pembangunan sumber manusia. Sejajar dengan usaha mewujudkan sektor awam yang bertaraf dunia, kerajaan akan terus mengambil pekerja yang cekap dan berkelayakan tinggi untuk meningkatkan mutu perkhidmatan awam.

#### **Membina Sebuah Masyarakat Bersatu Padu Dan Saksama -**

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan akan terus melaksanakan agenda pengagihan bagi memastikan penyertaan seimbang di kalangan dan di antara kumpulan etnik serta sektor dan wilayah. Dasar wawasan negara mengekalkan strategi serampang dua mata yang telah dilaksanakan di bawah Dasar Ekonomi Baru iaitu membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum dan menyusun semula masyarakat dalam konteks pertumbuhan ekonomi yang pesat.

#### **Pembasmian Kemiskinan Dan Pengagihan Pendapatan -**

Kita telah mencapai kemajuan yang pesat dalam membasmi kemiskinan. Menjelang tahun 2005, kerajaan merancang untuk mengurangkan lagi kadar kemiskinan kepada 0.5%. Bagi mencapai matlamat ini, program pembasmian kemiskinan akan lebih bersifat khusus untuk menangani kelompok kemiskinan di pelbagai wilayah terutama di kawasan pendalaman serta di kalangan kumpulan yang belum menikmati faedah pembangunan seperti masyarakat minoriti bumiputera yang lain di Sabah dan Sarawak serta Orang Asli.



Bagi meningkatkan keberkesanan, program pembasmian kemiskinan sedia ada akan digabung dan diaktifkan semula di bawah skim pembangunan kesejahteraan rakyat. Pendekatan utama bagi membasmi kemiskinan dan meningkatkan kualiti hidup penduduk ialah pendidikan. Selain daripada pendidikan, penyediaan perkhidmatan kesihatan dan kemudahan sosial yang lain juga akan membantu mengurangkan kemiskinan dan meningkatkan kualiti hidup. Penyediaan kemudahan asas seperti bekalan elektrik dan air bersih serta pengangkutan dan komunikasi akan diperluaskan lagi ke kawasan pedalaman dan terpencil terutama di Sabah dan Sarawak.

Program Pembangunan Luar Bandar akan ditumpukan kepada usaha bagi membolehkan golongan miskin mempelbagaikan peluang pekerjaan dan sumber pendapatan mereka. Pendapatan luar bandar akan dipertingkatkan melalui perlaksanaan perladangan bersepadu, tanaman campuran secara moden dan komersial serta pengeluaran barangan kraftangan secara lebih sistematik. Aktiviti yang menjana pendapatan terutama di kalangan penanam padi, pekebun kecil getah, nelayan dan pekerja ladang akan dipergiatkan memandangkan kadar kemiskinan di kalangan mereka adalah tinggi. Pertanian yang dipelbagaikan supaya negara tidak terlalu bergantung kepada tanaman *monocrop* tertentu.

Kerajaan dipertanggungjawabkan untuk membina sebuah masyarakat penyayang. Sehubungan ini, kebajikan dan kualiti hidup warga tua dan orang kurang upaya akan diambil kira dalam mencapai matlamat pembangunan negara.

#### **Penyusunan Semula Ekuiti -**

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan penyusunan semula masyarakat, usaha-usaha akan dilaksanakan bagi meningkatkan ekuiti bumiputera dalam perniagaan. Pada masa ini, bumiputera hanya memiliki 19.1% daripada ekuiti korporat. Matlamatnya adalah untuk meningkatkan bahagian pemilikan mereka kepada sekurang-kurangnya 30% menjelang tahun 2010. Dalam penentuan pemilikan ekuiti oleh bukan bumiputera, bahagian bagi keturunan India akan diberi perhatian.

Memandangkan syarikat bumiputera telah menembusi sektor pembinaan, pengangkutan dan pertanian, mereka perlulah mempelbagaikan kegiatan dalam aktiviti lain yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi terutama sektor pembuatan, perkhidmatan dan runcit. Persekitaran yang boleh membantu mereka akan

diwujudkan termasuk penyediaan insentif dan pembiayaan bagi membantu bumiputera memperoleh teknologi yang sesuai serta kepakaran pengurusan. Di samping itu, program penswastaan akan terus dilaksanakan bagi mewujudkan lebih banyak peluang untuk usahawan bumiputera di peringkat korporat.

#### **Pembangunan MPPB -**

Tuan Yang di-Pertua, program untuk membangunkan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera akan memberi tumpuan kepada usaha membangunkan lebih ramai usahawan bumiputera yang berdikari, yang berdaya tahan dan yang bertaraf dunia yang mampu bersaing secara berkesan dalam perniagaan tempatan dan antarabangsa. Usahawan bumiputera perlu menerap nilai dan etika perniagaan yang baik supaya mereka lebih berjaya dan mampu berdikari. Bagi memajukan lebih ramai usahawan bumiputera, Program Pembangunan Vendor dan Francais sedia ada akan diperkukuhkan serta diperluaskan.

Kerajaan juga akan meningkatkan penyertaan bumiputera dalam sektor kecil perdagangan runcit melalui Projek Usahawan Bumiputera Dalam Bidang Peruncitan (PROSPER). Projek ini bersifat khusus dan akan menyediakan perkhidmatan bantuan dan sokongan seperti penyediaan premis dan modal pengenalan pasti peluang perniagaan serta latihan dalam pengurusan perakaunan dan tunai. Adalah diharap PROSPER akan berjaya mengimbangkan kehadiran bumiputera dalam pusat-pusat pertumbuhan yang baru.

#### **Penyusunan Semula Guna Tenaga -**

Tuan Yang di-Pertua, di bawah dasar wawasan negara, kerajaan akan merangka mekanisme yang sesuai untuk meningkatkan kadar penyertaan bumiputera dalam sektor moden dan memastikan corak guna tenaga mencerminkan eksposisi komposisi etnik. Kapasiti institusi pendidikan tinggi awam akan dipertingkatkan bagi menambah peluang khususnya pendidikan kepada bumiputera untuk mengimbangi institusi pengajian tinggi swasta. Institusi pendidikan tinggi awam dan swasta dikehendaki menambah bilangan pengambilan pelajar bumiputera serta memastikan kursus yang ditawarkan memenuhi keperluan pasaran.

#### **Ke Arah Pembangunan Wilayah Seimbang -**

Tuan Yang di-Pertua, semua negeri telah mencatatkan kemajuan dalam kualiti hidup hasil daripada peningkatan pendapatan per kapital serta peluang menikmati infrastruktur perkhidmatan sosial dan kemudahan asas yang lebih baik. Dalam tempoh RRPJ3, teras dasar pembangunan wilayah adalah untuk mempercepatkan pembangunan negeri kurang maju dan mengurangkan ketidakseimbangan sosioekonomi antara wilayah. Antara langkah yang akan diambil termasuklah menggalakkan pemusatan aktiviti ekonomi mengikut negeri berdasarkan kekuatan perbandingan mereka, meneruskan program penyebaran industri dan memajukan lagi infrastruktur serta peluang menikmati kemudahan asas yang berkualiti di negeri kurang maju.

#### **Pembangunan Ekonomi Berasaskan Pengetahuan -**

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan ekonomi berasaskan pengetahuan adalah sangat penting bagi mengekalkan kadar pertumbuhan ekonomi yang pesat dan meningkatkan daya saing di peringkat antarabangsa. Kita perlu memperkukuhkan keupayaan kita untuk mereka cipta dan membangunkan teknologi tempatan serta memaju dan memasarkan produk baru. Dengan penambahan input pengetahuan, kita akan berupaya beralih daripada strategi yang didorong oleh input kepada strategi pertumbuhan yang didorong oleh produktiviti.

Ekonomi berasaskan pengetahuan tidak bermakna kita mengetepikan aktiviti pengeluaran yang sedia ada dan hanya menumpukan kepada aktiviti berteknologi tinggi. Aktiviti produktif dalam pertanian, pembuatan, perkhidmatan sememangnya akan diteruskan, cuma aktiviti-aktiviti ini memerlukan lebih banyak input pengetahuan untuk menghasilkan pulangan yang lebih tinggi. Hasilnya, produktiviti dan nilai ditambah aktiviti yang sedia ada akan dapat dipertingkatkan dan peluang pelaburan baru dalam industri berintensifkan pengetahuan dapat diwujudkan.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia mula meletakkan asas bagi ekonomi berasaskan pengetahuan pada pertengahan 1990-an dengan penubuhan Agenda IT Nasional (NITA) dan Koridor Raya Multimedia (MSC) dengan menyediakan persekitaran yang unggul untuk pembangunan IT dan multimedia. MSC akan dapat menarik pekerja berpengetahuan, usahawan teknologi dan industri multimedia berteknologi tinggi. Kawasan MSC telah berjaya menarik sebilangan besar perniagaan yang canggih. Syarikat-syarikat yang mempunyai teknologi bertaraf dunia dan pelaburan dalam penyelidikan dan pembangunan.

Dalam RRJP3, Malaysia akan memberi fokus kepada memperkukuhkan elemen-elemen kritikal yang dapat menyokong pembangunan ekonomi berasaskan pengetahuan. Antara yang penting ialah melatih dan mendidik banyak tenaga kerja yang berpengetahuan dengan cepat dan efektif. Untuk menjayakan pembangunan ekonomi berasaskan pengetahuan, program untuk menarik rakyat Malaysia yang berkepakaran dan berbakat dari luar negeri dan warga asing yang mempunyai kemahiran yang diperlukan akan dipergiatkan untuk memenuhi permintaan segera dan jangka pendek. Pendaftaran saintis dan jurutera dalam bidang R&D di kalangan rakyat Malaysia yang bekerja di luar negara akan diperluaskan untuk meliputi kepakaran baru dan usahawan teknologi dalam bidang berasaskan pengetahuan yang lain.

Bagi menyediakan persekitaran yang sesuai, kerajaan akan mengekalkan persekitaran ekonomi makro yang stabil, menyediakan kemudahan infrastruktur asas dan mengadakan rangka kerja kawal selia yang sesuai. Usaha-usaha membangunkan Sains dan Teknologi (S&T) dan R&D akan lebih ditumpukan kepada bidang-bidang yang strategik dalam membangunkan ekonomi berasaskan pengetahuan. Kita akan cuba berusaha membangunkan lebih banyak usahawan teknologi tempatan yang akhirnya dapat memasarkan keluaran mereka di pasaran dunia. Sehubungan itu, pembiayaan bagi usaha niaga baru akan diperkukuhkan. Untuk membangunkan pasaran modal teroka dan kepakaran tempatan, kemasukan dana modal teroka asing akan digalakkan dan pengurusan dana modal teroka kerajaan akan dikendalikan oleh Perbadanan Modal Teroka yang berwibawa termasuk orang asing.

Kejayaan pembangunan ekonomi berasaskan pengetahuan memerlukan penyertaan pelbagai pihak dan tidak hanya bergantung kepada usaha kerajaan. Dalam hal ini, peranan sektor swasta adalah penting dalam bertindak sebagai penggerak utama pertumbuhan. Pengusaha perlu melihat peluang-peluang dengan lebih luas memandangkan pasaran kini berbentuk maya dan tanpa sempadan. Malah perniagaan kecil dan industri kampung juga perlu meningkatkan kualiti dan nilai keluaran mereka dengan menggunakan teknik pengeluaran dan alatan yang lebih baik, mempertingkatkan reka bentuk dan mutu pembungkusan dan menggunakan e-dagang dan e-niaga sebagai alat untuk mendapatkan komponen dan meluaskan pasaran mereka.

Kerajaan sedar pembangunan ekonomi berasaskan pengetahuan boleh meningkatkan jurang digital di antara kumpulan berpendapatan tinggi dan rendah dan di antara penduduk bandar dan luar bandar. Oleh itu, langkah akan diambil untuk mengurangkan jurang pengetahuan dan jurang digital dalam negara. Antara strategi yang akan diguna termasuklah meningkatkan kesedaran dan penyertaan golongan berpendapatan rendah dan terpisah dari kawasan pertumbuhan dalam ekonomi berasaskan pengetahuan serta menyediakan pendidikan dan latihan dalam ICT di kalangan mereka. Infrastruktur telekomunikasi akan diperkembangkan ke seluruh negara bagi memastikan kawasan luar bandar dan kumpulan yang belum menikmati faedah pembangunan akan mendapat kemudahan yang lebih baik dalam penggunaan ICT.

Masyarakat setempat akan disediakan kemudahan ICT untuk mendapat maklumat mengenai perkhidmatan kerajaan, tele-pekerjaan dan pembelajaran jarak jauh. Di samping itu, infrastruktur dan perkhidmatan ICT yang lebih baik serta peluang mendapat pelbagai pembelajaran sepanjang hayat akan disediakan untuk penduduk luar bandar.

Pelaburan Sumber Manusia – Tuan Yang di-Pertua, dalam memasuki abad ke-21, pembangunan sumber manusia adalah amat penting untuk menyokong pembangunan ekonomi berasaskan pengetahuan dan memastikan rakyat Malaysia dapat menikmati kekayaan negara. Teras pembangunan sumber manusia adalah untuk menyediakan tenaga kerja yang berupaya menghadapi cabaran-cabaran ekonomi berasaskan pengetahuan dan dilengkapi secukupnya dengan kemahiran dan kepakaran teknologi serta mempunyai kecerdasan berfikir yang tinggi. Oleh itu, kita akan melabur sejumlah besar sumber-sumber kita dalam pendidikan dan latihan.

Sistem pendidikan dan latihan akan diorientasikan semula supaya pengetahuan, kemahiran dan kepakaran yang diperolehi oleh rakyat Malaysia akan dapat menyokong dengan berkesan pembangunan masyarakat berasaskan pengetahuan. Memandangkan pertumbuhan dan pembangunan ekonomi didorong oleh industri berasaskan pengetahuan. Aktiviti ekonomi baru akan dijana dalam semua sektor terutama sektor pembuatan dan perkhidmatan.

Corak permintaan untuk tenaga manusia akan berubah ke arah teknologi tinggi dan industri berasaskan sains, bioteknologi, ICT, farmaseutikal dan aktiviti R&D yang semuanya memerlukan pekerja berpendidikan tinggi dalam disiplin yang berkaitan dengan sains dan teknologi. Kecanggihan dalam proses pengeluaran

akan memerlukan seramai 137,200 jurutera dan 331,700 pembantu jurutera yang terlatih dalam bidang elektrik dan elektronik, kimia, bioteknologi, mekanikal, ICT dan teknologi-teknologi lain.

Dalam sektor pertanian, pengenalan kaedah penanaman berteknologi tinggi dan bertertiban industri, tanaman campuran dan berskala besar serta peningkatan dalam penggunaan jentera memerlukan lebih ramai tenaga buruh yang terlatih dalam pelbagai bidang serta tenaga kerja yang mahir dalam perniagaan tani, pengurusan ladang bersepadu secara moden dan bioteknologi.

Kerajaan akan menggalakkan lagi pembelajaran sepanjang hayat dan menyediakan kemudahan-kemudahan supaya orang ramai dapat terus menguasai ilmu pengetahuan semasa dan meningkatkan asas kemahiran walaupun selepas tamat pendidikan dan latihan yang formal. Untuk tujuan ini, kolej komuniti akan ditubuhkan. Tenaga kerja kita akan dilatih semula dan dipertingkatkan kemahiran mereka secara berterusan bagi memenuhi keperluan ekonomi berasaskan pengetahuan.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita sesungguhnya telah mencapai kejayaan yang cemerlang dalam pelbagai bidang dalam dekad yang lepas. Kita telah menyaksikan bagaimana rakyat Malaysia telah menggunakan daya kreatif dan cita-cita mereka untuk meningkatkan lagi pencapaian negara dan menceburi ke dalam bidang-bidang yang dahulunya dikuasai oleh negara maju.

Kejayaan Dasar Wawasan Negara memerlukan komitmen sepenuhnya daripada kita semua dan setiap orang hendaklah bersedia untuk bekerja kuat bagi mencapai matlamat dasar tersebut. Kita hendaklah bersedia mencipta semula diri kita, mengubah cara pemikiran kita, berinovatif, pintar dan berdisiplin serta mempunyai dengan izin, sense of urgency dalam menghadapi cabaran yang semakin meningkat. Kerajaan akan sentiasa peka dalam melaksanakan dasar dan insentif yang sesuai, yang mesra perniagaan dan berorientasikan pasaran. Kita akan memastikan yang jentera kerajaan di semua peringkat akan berjalan dengan cekap tanpa menyeleweng daripada matlamat asal.

Sebagai rakyat Malaysia, kita bukan sahaja perlu menjadi lebih cekap serta dilengkapi dengan kemahiran baru yang lebih baik tetapi juga perlu menentukan amalan dan nilai asing tidak menghakis jati diri dan warisan kebangsaan kita. Kita perlu mempunyai nilai dan etika kerja yang kukuh yang dapat membina masyarakat yang penyayang dan berdaya saing. Segala pengaruh negatif dari luar mesti

ditentang supaya identiti bangsa akan kekal dengan budaya asli ketimuran kita. Insya-Allah kita akan terus makmur dan berjaya mencapai matlamat yang telah kita tetap pada dekad pertama abad ke-21 ini dan dengan demikian, kita akan semakin hampir kepada pencapaian matlamat Wawasan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. *[Tepuk]*

**Timbalan Perdana Menteri [Datuk Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi]:** Saya mohon menyokong usul ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Terima kasih.

**Tuan Mustafa bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua 37(1)(b) penjelasan sedikit, ini fasal fakta.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Apa ini Yang Berhormat.

**Tuan Mustafa bin Ali:** Dalam ucapan Perdana Menteri bila..

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Bukankah kita hendak berbahas ini Yang Berhormat?

**Tuan Mustafa bin Ali:** Bukan bahas, ini fakta. Saya ada satu fakta yang lain supaya saya tidak menggunakan fakta yang salah ini untuk hendak mendapatkan..

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tidak apa. itu Yang Berhormat boleh bercakap dalam perbahasan.

**Tuan Mustafa bin Ali:** Tidak ini fakta, masalah ekuiti. Peraturan 37(1)(b)

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tidak kiralah itu Yang Berhormat..

**Tuan Mustafa bin Ali:** Saya tidak fikir Yang Amat Berhormat tidak beri ini, sedikit sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tidak apa Yang Berhormat boleh bercakap. Kalau Yang Berhormat hendak bercakap saya beri Yang Berhormat orang pertama bercakap.

**Tuan Mustafa bin Ali:** Bukan, ini penjelasan awal.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tidak payah Yang Berhormat, nanti berpanjangan Yang Berhormat, tidak usah, tidak usah.

**Tuan Mustafa bin Ali:** Penjelasan awal sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Pada pandangan saya tidak perlu.

**Tuan Mustafa bin Ali:** Saya refer kepada satu kenyataan Yang Amat Berhormat buat tadi, ekuiti bumiputera pada waktu ini 19.1 %.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tidak apalah, itu tidak apalah Yang Berhormat.

**Tuan Mustafa bin Ali:** Saya mempunyai angka yang lain.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Yang Berhormat boleh bercakap dalam perbahasan.

**Tuan Mustafa bin Ali:..** supaya saya tidak menggunakan angka yang tidak tepat. Saya mahu yang tepat Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tidak apa. Yang Berhormat boleh sangkal apa yang dia cakap tadi tetapi dalam perbahasanlah. Itu lebih baiklah Yang Berhormat.

**Tuan Mustafa bin Ali:** Saya rasa lebih baik saya tidak membuat kesilapan daripada saya..

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tidak usahlah.

**Tuan Mustafa bin Ali:** Saya mahukan penjelasan, saya hendak minta Yang Amat Berhormat Perdana Menteri

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:**Tuan Yang di-Pertua,

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Benda sudah disokong, saya hendak bentang untuk dibahaskan.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Usahlah tunjuk nak menjadi terror.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat dapat berbahas nanti, bercakaplah apa sahaja Yang Berhormat hendak cakap. Itu pandangan saya Yang Berhormat.

**Tuan Mustafa bin Ali:** Saya memahami stail Perdana Menteri, bukan ...

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Saya..

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Itu bukan.., jangan cakap macam itu Yang Berhormat. Sila duduk Yang Berhormat.

**Tuan Mustafa bin Ali:** Selepas ini Perdana Menteri tidak hadir dah untuk beberapa waktu. Saya hendak mendapat penjelasan awal



**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Saya beri Yang Berhormat Kalau hendak bercakap, saya beri orang yang pertama. Sila duduk Yang Berhormat. Itu cara dia.

Ahli-ahli Yang Berhormat masalah sekarang ini iaitu Usul Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga 2001-2010 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri terbuka untuk dibahaskan. Yang Berhormat bagi Kepong [*Keadaan Dewan riuh*] Ha! teruskan Yang Berhormat bagi Kepong.

**12.30 tgh.**

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua,

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tidak apa Yang Berhormat bagi Rompin, saya beri siapa yang berdiri Yang Berhormat. Ha! jadi Yang Berhormat bagi Kepong berdiri saya beri ..

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil bahagian..

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Dungun tidak berdiri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Teruskan Yang Berhormat bagi Kepong ya.

**Tuan Mustafa bin Ali:** Saya tahu peraturan, bukan macam Yang Berhormat bagi Rompin [*Ketawa*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya Yang Berhormat bagi Kepong, jangan buat macam itulah, tidak baik, Yang Berhormat bagi Kepong masa sudah berjalan.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Yang Berhormat bagi Rompin tidak berapa cerdik.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil bahagian di dalam perbahasan ini dengan perasaan dukacita... [*Keadaan Dewan riuh*] [*Tepuk*] Kerana...

**Tuan Kerk Kim Hock:** Orang belum pergi, duduk.

**Dr. Tan Seng Giaw:** ..gangguan daripada Yang Berhormat terutamanya Yang Berhormat bagi Rompin.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Kota Melaka

**Dr. Tan Seng Giaw:** Gangguan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat terutamanya daripada Yang Berhormat bagi Rompin.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya teruskan Yang Berhormat

**Dr. Tan Seng Giaw:** Baik balikkah ke Rompin untuk menjaga kawasan dengan baik.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Pahang kelam-kabut.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Kita telah diberi kurang daripada 12 jam untuk meneliti Buku Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga ini, RRJP3 Dasar Wawasan Negara (DWN). Kerajaan mengambil hampir sepuluh tahun untuk mengkaji RRJP2, Dasar Pembangunan Negara (DPN) terutamanya Unit Perancang Ekonomi (EPU) tetapi kita telah diberi beberapa jam untuk membaca RRJP3. Ini jelas menunjukkan mentaliti kerajaan masih kaku terhadap akauntabiliti, ketelusan dan keadilan di dalam dunia globalisasi. *[Tepuk]*

Walaupun ada alasan-alasan seperti Ahli-ahli Parlimen mempunyai cukup masa termasuk semasa membahaskan Rancangan Malaysia Kelapan, alasan-alasan ini tidak boleh diterima, alasan-alasan pincang belaka. Pemberian masa yang cukup misalnya satu minggu adalah konvensi Demokrasi Berparlimen.

Saya berharap mentaliti tersebut akan dikikis untuk masa hadapan. Saya membuat ucapan ini secara spontan sebenarnya, sebab semalam saya berada di Karak untuk menyertai satu ceramah... *[Keadaan Dewan riuh]* Tunggu sekejap saya beri maklumat sedikit. Jangan bising

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Teruskan Yang Berhormat bagi Kepong.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ada hampir mungkin 10 ribu rakyat di situ berbilang kaum *[Tepuk]* Kerana tema teras kepada RRJP3 berbilang bangsa, kalau tidak silap saya termasuk kadar kemiskinan tanpa mengira kaum tadi yang disebut oleh Yang Amat Berhormat. Di situ ada Lot, 2170 Kampung Sungai Cerpai, Karak. Pihak Barisan Alternatif sudah meminta untuk kebenaran, untuk permit tetapi tidak dibenarkan terutama kerana ada pendakwaan, ada laporan polis mengenai bekas..

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Balak, balak.

**Dr. Tan Seng Giaw:** ...konsesi balak..

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Apa Yang Berhormat, tidak payah macam itu lah..

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya tidak menuduh siapa yang bersalah, cuma kita hendak polis menyiasat dengan teliti siapa yang salah. Saya bersetuju juga dengan Yang Amat Berhormat, sebelum orang itu didapati bersalah..

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Ini Tuan Yang di-Pertua, 36(1). Kita berbincang dengan ini [*Menunjukkan sebuah buku*]

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya..

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Yang Berhormat bagi Kepong jauh benar larinya. Kalau hendak bercerita hal Yang Berhormat bagi Kepong hendak berceramah tidak payah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya Yang Berhormat bagi Rompin tidak mengapa, saya tahu..

**Dr. Tan Seng Giaw:** Yang Amat Berhormat tadi mukadimah sepuluh minit..

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Inilah standard pembangkang bila kita bercerita untuk membangunkan negara.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Duduk Yang Berhormat bagi Rompin, saya tahulah bagaimana hendak menegurnya. Terus masuk yang..

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ya, ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat tulis panjang nampak itu. Ha! cakap.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tidak panjang, tadi sebelum saya datang saya pun tahu Yang Amat Berhormat datang sebelum pukul 8.00 pagi, di sini, baik. Cukup baik. Datang sebelum pukul 8.00 pagi kerana hendak siapkan ucapan dia dan sebagainya dan cuba fikirlah kalau dari Putrajaya kerana kesesakan lalu lintas dan gangguan yang lain, kemalangan lalu lintas. Dia datang awal, saya sangat gembira Yang Amat Berhormat buat yang betul, kerana datang dengan awal. Kalau Yang Amat Berhormat boleh datang dengan awal, sepatutnya Yang Amat Berhormat timbang, Rancangan Malaysia Kelapan kita beri satu minggu lebih awal. Sebab Yang Amat Berhormat sendiri dia buat lebih awal, ini baik. Rakyat Malaysia mesti ikut cara ini, lebih baik. Yang Berhormat bagi Rompin pun ikut. Ini terlalu lewat kadang-kala.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Teruskan Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ha! ini baik. Sebab itulah dengan cara ini saya berharap Yang Amat Berhormat boleh menasihatkan kerajaan memberi Rancangan Malaysia Kelapan dengan lebih awal untuk kita sama-sama merenung dan menelaah dengan hasrat untuk memberi ucapan yang konstruktif.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Telaah.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Telaah, menelaah. Janganlah Yang Berhormat bagi Rompin buat macam itu.

Tuan Yang di-Pertua, maksud saya kerana saya sibuk dengan di Karak itu disebabkan pihak polis tidak memberi permit dan kemudian keluar beramai-ramai walaupun kekurangan anggota tetapi untuk maksud ini tidak kurang. Anggota ramai. Cuma saya membuat pada mukadimah ini menyeru supaya pihak kerajaan mengkaji dasar untuk memberi permit. Kalau itu perhimpunan aman berilah permit. Tidak payah kita menggunakan cara seperti di Indonesia, Filipina dan sebagainya, di Amerika Syarikat yang menggunakan taktik yang begitu keras termasuk Korea Selatan. Mujur kerana rakyat Malaysia tidak percaya kepada kekerasan dan Barisan Alternatif pun kita tidak percaya kepada ekstremis. Puak-puak pelampau, cara-cara pelampau bukan amalan kita kerana kita percaya kepada Demokrasi Berparlimen yang aman.

Tadi Yang Amat Berhormat telah menyebut mengenai dasar DW.....

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** hendak minta penjelasan Yang Berhormat bagi Rompin.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tunggu sekejap, tunggu saya habiskan ini, nanti saya beri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya Yang Berhormat bagi Rompin berdiri, hendak beri.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Habis ini. Cukuplah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia hendak habiskan dahulu Yang Berhormat. Dia tidak beri, duduk dahulu.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Habis dahulu.

RRJP3 bermula dengan Rukun Negara yang kita memang terima tetapi kita dapati sering kali pihak kerajaan tidak mengikut Rukun Negara. Misalnya kedaulatan undang-undang. Memang ini penting di dalam tempoh sepuluh tahun ini saya hendak menyaksikan benar-benar kita mendaulatkan undang-undang

termasuk Perlembagaan Persekutuan, termasuk semua ahli BA. Keadaan kehakiman dan pemukulan ke atas bekas Timbalan Perdana Menteri memang menimbulkan kesangsian.

**Beberapa Ahli:** Ya.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Memang menimbulkan kesangsian. Perkara ini tidak seharusnya berlaku di dalam tempoh RRJP3, sepuluh tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam kata Pendahuluan, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengatakan bahawa kita kini ditekankan dengan globalisasi serta teknologi maklumat dan komunikasi ICT telah mengubah asas peraturan dan kaedah perdagangan dunia, aliran sumber dan persaingan. Adalah jelas bahawa negara yang berupaya menangani cabaran ini akan terus maju dan makmur. Manakala mereka yang gagal berbuat demikian akan terpinggir dan tertinggal dari arus pembangunan ini. Ini adalah memang betul. Kotak 3 -1, Komitmen dan Implikasi Malaysia kepada WTO dan AFTA dan Bab 6, Pelaburan Dalam Sumber Manusia merupakan isu yang peri mustahaknya.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sempat untuk memetik semua kerana pada pagi ini saya dengar Yang Amat Berhormat hendak datang sebelum pukul 8.00, saya pun buka komputer dan menaip beberapa perenggan dan hari ini saya ada membaca satu berita daripada *New Straits Times* yang memaparkan rencana Abdullah Ahmad, yang membuat komen bersempena dengan pembukaan Malayan Banking di Pudong, Shanghai, negeri China. Baiklah kita menggalakkan syarikat-syarikat kita termasuk MayBank untuk membuka cawangan di negara China, India, Jepun dan di Hong Kong, di seluruh dunia. Kita hendak menggalakkan, ini memang satu perkara yang mesti digalakkan. Yang Berhormat Menteri Kewangan pun ada di situ, itu baik.

Abdullah Ahmad berkata dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, *“China (and the US) is a huge nation, economically and politically very important. Far better for us to work with the Chinese (and American) not against them. Perhaps the non-confrontational attitude and even less rhetoric, I think will allowed better relation to be emerge and trade to flourish”* Komen ini adalah berasas dan saya akan membuat beberapa komen selepas ini. Kita tidak tahu bagaimana China dapat mengatasi jurang perbezaan ekonomi dan sosial di antara provinsi-provinsi pantai dan provinsi-provinsi dalaman. Yang kita tahunya mahu tidak mahu negara China sedang akan muncul sebagai kuasa besar ekonomi, begitu juga dengan negara

India. Walaupun negara itu mengalami pelbagai masalah termasuk jurang perbezaan di antara yang berada dengan yang tidak berada tetapi India sedang akan muncul sebagai kuasa besar ekonomi terutama sekali bidang ICT.

Sekarang India memperolehi ICT di beberapa tempat seperti di Bangalore yang lebih maju daripada Malaysia di dalam beberapa aspek. Saya sedar bahawa Yang Amat Berhormat sering pergi ke negara Jepun yang merupakan kedua yang terbesar saiz ekonominya di dunia selepas Amerika Syarikat. Jepun di dalam tempoh 10 tahun ini menghadapi masalah di dalam ekonominya. Kita pun tak tahu bila Jepun akan pulih semula. Tetapi walau bagaimanapun, dengan Amerika Syarikat, dengan Jepun, dengan China dan India, ini memang saiz ekonomi mereka akan jadi lebih besar lagi.

Satu sikap Yang Amat Berhormat, di sini saya hendak menekankan saya setuju dasar seperti di Amerika Syarikat terhadap Palestine, dasar hak asasi manusia, dasar terhadap pelbagai masalah sosial tak begitu sempurna termasuk presidennya bukan dipilih oleh rakyat tetapi dipilih oleh mahkamah. Itu kita tak mahu meniru. Saya setuju ada kelemahan-kelemahan di Amerika Syarikat, tetapi saiz ekonominya yang terbesar di dunia. Sikap Yang Amat Berhormat kadangkala saya anggap, kita tak setuju dengan apa yang dibuatnya, tetapi kalau ada sikap *non-confrontational attitude* mungkin. Walaupun Yang Amat Berhormat bagi Kepala Batas dan juga Kota Tinggi seringkali mempertahankan kalau Yang Amat Berhormat ganas sedikit, 'bengkeng' sedikit, pun betul itu, semua masyarakat di dunia terima, dia kata, terutamanya Yang Berhormat bagi Kota Tinggi, tetapi di segi ini tak begitu tinggi juga, rendah sedikit.

Saya menasihatkan supaya kita bersama-sama, kita hendak negara ini maju, kita bersama-sama mengubah sikap sedikit, *non-confrontational* terhadap Amerika Syarikat. Terhadap Jepun saya setuju, Yang Amat Berhormat seringkali pergi ke situ. Setakat ini, terhadap India dan China pun tak ada masalah sekarang, tetapi dasar mesti diubah sedikit-sebanyak untuk menampung perkembangan di China dan di India. Saya berharap Yang Amat Berhormat fikir dengan sedalam-dalamnya bagaimana kita boleh menarik lebih pelabur daripada Amerika Syarikat. Walaupun saya setuju Yang Amat Berhormat tadi ada kata ada syarikat transnasional yang melabur semula, seperti Motorola, seperti Royal Shell Dutch. Saya setuju kita nampak ada melabur semula tetapi pada keseluruhannya kita nampak para pelabur Amerika Syarikat tak datang.

Tuan Yang di-Pertua, sebab saya sebutkan hal ini pada ketika ini, di Malaysia kita menghadapi kemerosotan. Walaupun disebutkan tadi pertumbuhan tahun lepas 7.5%, tahun ini dijangka 7%, kalau kita boleh capai 4%, 5% saya harap kita boleh capai, itu pun mujur juga. Di sini saya hendak menekankan bahawa cara kita membuat peruntukan misalnya RM3 bilion untuk merangsang ekonomi supaya kita dapat mempertahankan diri daripada kemerosotan ekonomi Amerika Syarikat kerana 23% daripada keluaran kita dihantar kepada Amerika Syarikat termasuk benda-benda elektrik dan elektronik. Ini bermakna walaupun kita buat persiapan RM3 bilion untuk rangsangan satu pakej, tetapi kemerosotan ekonomi akan nampak, akan dilihat tak lama lagi. Kita sedang menghadapi satu kemerosotan. Tetapi di sini dari segi ketelusan dan accountability saya nampak Yang Amat Berhormat di luar, di lobby dia mengumumkan RM3 bilion digunakan untuk pakej merangsang ekonomi. Sepatutnya, Yang Amat Berhormat ada di dalam Dewan ini untuk membentangkan RM3 bilion. *[Tepuk]* Sepatutnya mengikut peraturan sebab kita hendak bersama-sama menghadapi masalah ini.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ada yang berdiri Yang Berhormat, hendak penjelasan, Kemaman. Hendak bagi?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Rompin boleh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Hendak bagi kepada Rompin atau Kemaman?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Kemudian saya bagi.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Percaya kepada BN, hendak bagi Rompin dahulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Nak bagi Rompin dulu?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya bagi Rompin juga.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Pengalaman yang lalu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia bagi Rompin dahulu. Macam mana Yang Berhormat Kepong? Kemaman dahulu, sila.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Terima kasih Yang Berhormat, saya hendak minta penjelasan. Sedarkah Yang Berhormat apabila Perdana Menteri kita mengumumkan pakej tersebut, pasaran saham kita turun 21 mata. Ini menunjukkan bahawa pelabur tak yakin dengan program yang diumumkan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, saya ada nampak kesan pengumuman Yang Amat Berhormat di lobi Parlimen, bukan di dalam Dewan, mungkin perkara itu tidak dipandang betul oleh pihak pasaran. Saya pun tak tahu, mungkin. Tetapi kita nampak Indeks Komposit turun. Tetapi semua rakyat Malaysia mesti buat persiapan untuk menghadapi kesusahan ekonomi kita.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *[Bangun]*

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ada dua orang berdiri, Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Bagi Rompin.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Terima kasih Kepong. Nampaknya Kepong selalu bernas hujah-hujahnya. Pada hari ini mungkin terpaksa akur kepada pre-council pembangkang semalam. Usaha kerajaan untuk mengukuhkan lagi usaha kita untuk membangun ekonomi, ini usaha yang baik. Tetapi kalau kita tidak buat sesuatu seperti yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, pembangkang kata kerajaan tidak peka dan sensitif. Kita tidak buat, bila kita buat dia cari alasan lain pula. Saya rasa Kepong selalu tak arah politik yang negatif, tetapi hari ini lain macam sahaja Kepong, minta pandangan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, Rompin memang dia tak begitu memandangkan serius mengenai ini. Tambah pula TNB dengan website dia tak begitu cekap. Website e-pay itu kita tak boleh bayar melalui kad kredit. Itu masalah dia, macam mana sebagai Pengerusi TNB....

**Seorang Ahli:** Cek pun tak boleh terima.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Dungun berdiri. Hendak beri kepada Dungun?

**Tuan Mustafa bin Ali:** Yang Berhormat bagi Kepong tadi ada menyebut bahawa soal pembangunan mestilah dilakukan bersama-sama - kerajaan dan juga pembangkang. Semalam satu pendedahan telah dibuat oleh Menteri Pembangunan Luar Bandar bahawa Jemaah Menteri telah memutuskan sebarang taklimat jangan diberikan kepada kerajaan negeri yang dipimpin oleh pembangkang. Adakah ini tidak bercanggah dengan apa yang dikatakan oleh Perdana Menteri dan juga oleh Yang Berhormat bagi Kepong, sedangkan negeri tidak berbuat seperti itu. Menteri Kerja Raya pergi ke Terengganu 27 Februari, UPEN memberikan taklimat kepada negeri.



Kita memberikan kerjasama, tetapi Kerajaan Pusat yang bercanggah dengan prinsip yang kita bincang. Macam mana komen Kepong?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, Dungun membangkitkan masalah ketidakadilan. Sepatutnya Yang Amat Berhormat membuat siasatan sama ada anak buahnya membuat perkara yang tak adil. Kalau Kabinet berbuat demikian kita mesti ubahkanlah kerana kita hendak bersama-sama untuk menyelesaikan masalah negara termasuk kemerosotan yang akan kita hadapi. Bolehkah Yang Amat Berhormat membuat siasatan dan janganlah kita menyusahkan.....

**Tuan Mustafa bin Ali:** Yang Berhormat Kepong....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dungun berdiri ya.

**Tuan Mustafa bin Ali:** Saya mahu penjelasan secara muktamad kerana Yang Amat Berhormat sebagai Ketua Kabinet, adakah kenyataan itu benar atau tidak benar? Saya bertanya Yang Berhormat bagi Kepong kerana Kepong memerlukan satu penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Kena Keponglah buat penjelasan sebab Kepong yang bercakap.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta Yang Amat Berhormat membuat penjelasan kalau boleh supaya memberi jaminan kepada semua pihak termasuk pembangkang, kita bersama-sama, jangan keluarkan arahan yang tidak adil.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tak bolehlah Yang Berhormat hendak minta pula.

**Tuan Kerk Kim Hock:** Bagi jalanlah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tak boleh Yang Berhormat, ini masa Yang Berhormat bercakap, terpulanglah dia hendak jawab nanti....

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya berharaplah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** ....apabila sudah selesai kita bincang. Itu sahajalah.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya berharap Yang Amat Berhormat menjawab.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Jangan dikait-kaitkan, Yang Berhormat. Ya, tak boleh macam itu Yang Berhormat. Ada masanya menteri menjawab besok.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Bukan besok.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yalah, dia akan jawablah.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Bukan besok, empat, lima hari, tak boleh besok.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tak kiralah itu. Itu peraturannya.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Oh, peraturannya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ada peraturannya.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Kepong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Jeli berdiri, Yang Berhormat. Di belakang itu.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Kepong. Saya tertarik dengan ucapan yang diberikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tentang untuk mewujudkan masyarakat yang saksama dan adil. Tetapi saya hendak mendapat penjelasan yang lebih lanjut atas kenyataan yang dikeluarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebentar tadi untuk mewujudkan masyarakat yang saksama dan adil. Apakah Yang Berhormat lihat daripada kenyataan yang diberikan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di dalam membina perpustakaan negeri, Kelantan hanya dibina 17, dan negeri yang kedua Perlis 18, yang lain semua 50 lebih. Apakah ini menggambarkan ucapan untuk mewujudkan suasana masyarakat yang adil dan saksama. Minta penjelasan Yang Berhormat Kepong.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, kalau dari segi bilangan perpustakaan kita nampak Kelantan ketinggalan dengan dahsyatlah. Tetapi dengan usaha untuk menyeimbangkan semua wilayah dan sebagainya saya berharap Yang Amat Berhormat akan mengambil perhatian dan memberi peruntukan yang lebih untuk bilangan perpustakaan dan kemudahan-kemudahan lain yang lebih di semua negeri yang ketinggalan.

*Burung merpati melayang-layang,  
Cari makan untuk menjuadahi,  
Jantung dan hati berkasih sayang,  
Ikhtiar menyalahi, untung menyudahi.*

Marilah kita bersama-sama menegak dan mendirikan negara ini tanpa mengira kaum seperti mana yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat mengenai usaha....

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Perlu penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Sungai Petani.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Satu perkataan sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sungai Petani hendak minta penjelasan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** ....usaha untuk membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, sila.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Saya pohon penjelasan Yang Berhormat kerana Yang Berhormat beri penjelasan kepada Yang Berhormat Jeli yang mana soalnya salah dan penjelasannya pun salah. Bolehkah saya pohon penjelasan supaya penjelasan itu betul, dan saya akan beri penjelasan. *[Ketawa]* Pohon penjelasan. Tahukah Yang Berhormat bahawa perpustakaan-perpustakaan negeri itu dikendalikan oleh kerajaan negeri dengan kerjasama Kerajaan Pusat. Jadi, kalau Kelantan berkurangan dengan perpustakaan janganlah kata pihak kami yang tidak memberi peruntukan. Oleh itu, beri perhatian kepada Kerajaan Negeri Kelantan yang katanya kita boleh mentadbir dan mengurus, tetapi dalam soal perpustakaan pun tak dapat mengurus, tak dapat merancang. Itu kerajaan negeri....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Soalnya, Yang Berhormat.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Bagaimana pendapat Yang Berhormat bagi Kepong?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, sungai yang tidak petani itu... *[Disampuk]* Saya berharap Yang Amat Berhormat sendiri mengambil perhatian apakah masalah yang timbul di Kelantan sama ada kerana tiada kerjasama daripada pihak Kementerian Pendidikan ataupun kesalahan Kerajaan Negeri Kelantan sendiri. Saya berharap Yang Berhormat boleh mengkaji hal ini supaya kita sama-sama boleh menghadapi masalah.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Mudah sahaja, kerana Kelantan di bawah pentadbiran parti pembangkang, inilah kalau kita bandingkan negeri-negeri yang

dikuasai oleh Barisan Nasional kita dapati kita dapat mengurus dan mentadbir dengan betul. Setujukah Yang Berhormat bagaimana sekarang pihak pembangkang dalam rancangan yang akan datang boleh kita terima pembangkang di pihak kita dalam Barisan Nasional.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, Sungai Petani memang hendak menyusahkan kita. Saya nampaknya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pun tak mahu dengar juga. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, di dalam tempoh 10 tahun ini RRJP3 rakyat Malaysia terpaksa menghayati pandangan kosmopolitan untuk menghadapi dunia yang sedang berubah. Setakat ini kerajaan masih mempunyai banyak kekangan termasuk mentaliti feudalism untuk menerima kosmopolitanisme. Walaupun Yang Amat Berhormat tadi ada menyebut beberapa perkara yang memang betul termasuklah pembangunan negara ini bagi peluang kepada semua tetapi saya nampaknya mentaliti mediocrity, feudal mentality dan juga 'bloody mindedness' tak mahu kerjasama termasuk arahan yang tak betul yang diberi kepada anak buah jabatan-jabatan untuk tidak bekerjasama dengan pihak pembangkang. Ini memang satu bloody mindedness yang tak boleh terima. Kalau kita hendak wujudkan satu suasana untuk DWN dan menjayakan RRJP3 kita mestilah wujudkan suasana yang lebih terbuka, lebih adil, lebih telus dan accountable. Kita tak sepatutnya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya Pendang berdiri.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Kepong. Saya ingin mendapat penjelasan, dari ucapan Perdana Menteri tadi antara program bagi menjayakan Rancangan Pembangunan Jangka Panjang Ketiga ini ialah bagi memamatkan amalan demokrasi. Apakah contoh-contoh yang saya akan sebutkan ini menunjukkan bahawa Kerajaan Barisan Nasional belum lagi matang dalam amalan demokrasi. Umpamanya, sebagai satu contoh, satu arahan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan kepada Unit Pengurusan Projek Kementerian Kesihatan sendiri yang mengandungi larangan penggunaan warna hijau untuk bangunan kerajaan. *[Ketawa] [Tepuk]* Apa pendapat Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya bahawa tindakan ini menunjukkan bahawa kerajaan pimpinan UMNO Barisan Nasional bukan sebuah kerajaan yang matang dalam amalan demokrasi.

Dalam arahan surat dalam pekeliling ini disebut berbunyi begini, "Adalah dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas seperti mana yang telah diputuskan di dalam Kabinet, [Disampuk] pihak KKM ingin meminta kerjasama pihak tuan agar warna hijau tidak lagi digunakan di mana-mana bangunan kerajaan yang akan dibina kelak. Di samping itu, semua papan tanda hendaklah menggunakan skema biru dan putih sahaja". Itu yang pertama.

Contoh yang kedua....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukup Yang Berhormat, ada lagi?

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Hendak tunjuk kata UMNO dan Kerajaan Barisan Nasional tidak matang dalam politik dan tidak matang dalam amalan demokrasi dan tidak demokratik. Saya ingin mendapat pendapat daripada Yang Berhormat bagi Kepong apakah beliau bersetuju. Cukuplah satu contoh. Yang kedua saya simpan untuk saya bercakap, insya-Allah. Terima kasih.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, saya memang setuju dengan Yang Berhormat bagi Pendang, kalau inilah disahkan sebagai daripada Kementerian Kesihatan Malaysia....

**Tuan Kerk Kim Hock:** Menteri ada di sini, eh apa ini.

**Dr. Tan Seng Giaw:** ....kepada bangunan Ibu Pejabat JKR Malaysia. Teruk sekalilah. Larangan menggunakan warna hijau, cuma boleh menggunakan biru dan putih.

**Tuan Kerk Kim Hock:** Biru MCA colour.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Minta penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Hendak beri penjelasan atau hendak jawab dahulu?

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Hendak minta penjelasan. Tadi Yang Berhormat dalam memberi penjelasan kepada Yang Berhormat bagi Pendang tentang larangan penggunaan warna hijau. Adakah ini menggambarkan bahawa kerajaan selepas ini saya agak padang golf pun dia tukar warna biru, sebab bola golf warna putih dia nampak macam bulan. [Ketawa]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Teruskan Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya memang tertarik kepada pandangan Yang Berhormat bagi Pokok Sena. Tetapi susahlah hendak cari rumput biru. *[Ketawa]* Memang susah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat boleh sambung petang ini.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Boleh sambung.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan hingga jam 2.30 petang.

***Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.***

***Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.***

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) ***mempengerusikan Mesyuarat***

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Kepong sila.

**2.31 ptg.**

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sambung kepada apa yang disebutkan mengenai pandangan kosmopolitan dan saya ada menyebutkan bahawa di dalam 10 tahun akan datang, rakyat Malaysia terpaksa menghayati pandangan kosmopolitan untuk menghadapi dunia yang sedang berubah. Setakat ini kerajaan masih mempunyai banyak kekangan termasuk mentaliti feodalis untuk menerima kosmopolitanisme. Kosmopolitanisme adalah penting di dalam menghadapi globalisasi terutamanya di dalam masyarakat majmuk.

Di dalam ucapan saya tadi saya sebutkan mengenai perlunya kita menyesuaikan dasar kita dengan Amerika Syarikat, dengan Jepun, dengan China, dengan India kerana keempat-empat negara ini akan menjadi peri penting di dalam bidang ekonomi dan lain-lain. Ini termasuklah European Union yang akan juga menjadi satu blok ekonomi salah satu yang terbesar di dunia.

Di sini saya hendak menekankan bahawa dasar kosmopolitan ini mestilah menekankan kepada beberapa aspek dan di dalam Bab 6, kita ada pelaburan dalam sumber manusia, memang betul. Dalam tempoh rancangan ini saya nampak ada hasrat untuk mencapai pembangunan sumber manusia yang berdasarkan kepada pengetahuan dan kepada sains dan teknologi dan juga kepada masalah-masalah yang dihadapi oleh kita di dalam globalisasi dunia.

Tuan Yang di-Pertua, maksud saya ini macam ini – dalam beberapa tahun ini negara-negara seperti Singapura, memang di dalam mengadakan sumber manusia mereka, mereka cuba pelbagai cara. Ini juga yang dibuat oleh wilayah seperti Hong Kong yang lebih awal daripada kita berusaha untuk mewujudkan ekonomi berasaskan pengetahuan. Di dalam hubungan ini, mereka walaupun ada prasarana, pembangunan projek dan dasar prasarana tetapi mereka lebih menumpukan kepada sumber manusia.

Misalnya, Tuan Yang di-Pertua, di Singapura kerana dasar Kerajaan Malaysia yang kurang mementingkan, memastikan semua golongan akan ada potensi, kanak-kanak berpotensi, kekal berada di sini. Bukan sahaja kekal berada di sini bahkan juga seperti mana yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat kita boleh menarik lebih ramai saintis profesional dan tenaga mahir daripada negara-negara yang lain kepada negara kita. Memang konsep itu ada tadi, saya nampak ada konsep. Ini memang satu konsep yang kita mesti tumpukan perhatian kepadanya.

Dalam lebih 20 tahun ini saya nampak tiap-tiap kali ada bakat di dalam sekolah rendah, sekolah menengah dan universiti, pihak Singapura beri biasiswa ASEAN, beri biasiswa yang lain, yang bersyarat, yang tidak bersyarat semua ada. Kalau dapat 5A, 6A di sekolah rendah dia memang beri peluang kepada orang-orang seperti ini tanpa mengira kaum sama ada Melayu, Cina, India, sesiapa sahaja yang mendapat 5A, 6A dia galakkan mendapat bantuan atau biasiswa daripada Singapura. Mereka buat untuk negara ini bahkan juga untuk negara-negara yang lain seperti India, China, kalau ada kanak-kanak yang berbakat, dia beri peluang kepada mereka untuk datang ke Singapura.

Selepas itu mereka tidak ramai yang kembali ke negara yang asal. Ini masalah yang dihadapi oleh negara kita kerana orang-orang kita yang berbakat keluar ke negara yang lain termasuk Singapura. Macam mana kita boleh wujudkan suasana yang boleh kekalkan bakat-bakat kita di sini. Ini memang satu perkara yang penting. Ini termasuklah dasar untuk membina sekolah.

Bagi saya tidak kiralah sekolah Cina, Tamil, sekolah kebangsaan, asalkan mereka boleh menguasai Bahasa Malaysia dan ada sukatan pelajaran yang sama, sukatan pelajaran di sekolah kebangsaan Cina dan Tamil, semua sukatan pelajaran yang sama dan taat setia kepada negara kita. Biarlah kita membina lebih banyak sekolah-sekolah yang diminta oleh keluarga atau penduduk-penduduk di sesuatu tempat.

Misalnya, Tuan Yang di-Pertua, kita mencadangkan adakan sistem pembinaan sekolah dengan dasar yang baru, tidak payah kita sentiasa tekankan walaupun masyarakat di situ tidak menyambut lebih banyak sekolah rendah kebangsaan, masih daripada Kementerian Pendidikannya tekankan, paksa dibina sekolah seperti ini. Tak payah, kalau dia hendak sekolah Cina beri, misalnya di dalam Dasar Wawasan Negara (DWN) ini kita boleh pada lima tahun yang akan datang misalnya, kita boleh tetapkan satu matlamat. Kita mengutip suara ataupun mendapat pandangan daripada masyarakat di seluruh Malaysia, siapa masyarakat ini kalau dia hendak sekolah kebangsaan, kita binakan sekolah kebangsaan. Begitu juga untuk sekolah Cina, untuk sekolah Tamil.

Kita berpendapat di dalam lima tahun akan datang patut kita adakan satu dasarnya misalnya membina 250 buah sekolah Cina.....

**Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi:** *[Bangun]*

**Dr. Tan Seng Giaw:** ....tidak ada masalah kerana kita ini hendak kepada pandangan kosmopolitan, pada kosmopolitan, macam mana kosmopolitan, kita ada .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Bagan Datoh bangun.

**Dr. Tan Seng Giaw:** ...Bagan Datoh sekarang ini berminat dengan sekolah Cina? *[Ketawa]*

**Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi:** *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, Kepong ini dia suka kepong orang. Masa boring-boring macam ini saya kena tanya sama ada Yang Berhormat bersetuju untuk mencapai arah perpaduan nasional.

Adakah sistem pendidikan 'dualism' ini patut dijuruskan ke arah satu pendidikan yang mengandungi satu aliran selepas sistem pendidikan vernakular di peringkat rendah ditamatkan atau Yang Berhormat bagi Kepong merasakan bahawa sistem pendidikan 'dualism' ini kemudianya boleh 'mencaca-marbakan' keadaan, maka timbullah masalah-masalah persaingan, *[Ketawa]* timbul masalah fikiran yang berbeza-beza, maka mufarakahlah, berpecahlah masyarakat kita dalam negara kita ini.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Itu memang satu soalan yang menarik. Satu soalan – saya pun hendak tanya Yang Berhormat juga kalau boleh di luarlah. Dia ini pergi ke universiti tempatan, Universiti Malaya kah kalau tidak silap saya? Universiti Malaya? *[Disampuk]* UM, *[Ketawa]* itu saya seronok.



Dia pergi ke UM, UM ini kampusnya satu kampus sahaja bagi orang Cina, orang India, orang Melayu semua satu kampus, Kadazan, Iban, Dayak, satu kampus sahaja dan bahasa penghantarnya Bahasa Malaysia (BM). Kita boleh tengok di dalam tempoh 20 tahun ini satu bahasa, satu aliran, satu kampus tetapi bila kita tengok ada polarisasi, mengapa ada polarisasi? Mungkin Yang Berhormat bagi Bagan Datoh mesti balik untuk berfikir dengan betul-betul mengapa satu aliran, satu kampus ada polarisasi. Bila kita tengok ada perhimpunan, yang bukan Melayu di satu tempat, yang Melayu di satu tempat dan sebagainya.

Bila ada kegiatan-kegiatan siswa siswi begitu juga, termasuk profesor-profesor, dekan-dekan, bila satu dekan atau profesor dari satu kaum, dia hendak kekalkan kerusi ini untuk kaum ini sahaja. Ini Universiti Malaya ini dan 11 lagi universiti di seluruh negara, jumlahnya ada 16 buah yang bertaraf universiti dan kolej, universiti di negara ini iaitu IPTA. IPTS baru sahaja, kita belum tahu lagi. Tetapi IPTA memang masalah polarisasi kaum wujud. Mengapa wujud? Satu aliran sahaja. Kita mesti fikir dengan baik-baik.

Dengan itu saya berharaplah – sebab itulah kita di dalam Barisan Alternatif pun mencadangkan dan saya berharap Yang Berhormat bagi Bagan Datoh boleh sokong pihak kami, pihak kita untuk mengadakan satu rang undang-undang bagi menubuhkan Majlis Perundangan Perpaduan Nasional untuk menyiasat, mengenal pasti faktor-faktor yang menyebabkan masalah tidak adanya perpaduan nasional. Adakah Yang Berhormat sanggup menyokong cadangan pihak kita untuk mengadakan rang undang-undang sedemikian?

**Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi:** Tuan Yang di-Pertua, kalau yang satu aliran macam Universiti Malaya pun wujud polarisasi yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Kepong, apatah lagi kalau ada berlaku '*dualism*'. Memang kita dalam keadaan di alam nyata kita bersetujulah bahasa-bahasa ibunda itu diajarkan di peringkat sekolah rendah tetapi kalau aliran pendidikan dibuat di peringkat menengah, kemudiannya ada cadangan supaya ianya dilanjutkan di peringkat IPTS, ertinya peringkat pengajian ijazah atau lepasan ijazah, kemudian masalah polarisasi ini akan lebih menjurang keadaannya....

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Bangun]*

**Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi:** ...sebab – Yang Berhormat bagi Kepong tunggu sekejap, kalau betul-betul demokratik. Kita lihat Yang Berhormat sebutkan tadi, di Universiti Malaya saya berpengalaman dengan kawan-kawan yang lain, kenapa

berlaku keadaan yang berbeza-beza di antara kumpulan mahasiswa? Sebab orang Melayu dengan Persatuan Bahasa Melayunya, orang Cina dengan Chinese Language Societynya, dengan izin, orang India dengan Tamil Language Societynya.

Jadi, itu sebabnya berlaku polarisasi, itu belum masuk Telegu lagi, macam 'Kinabatangan', Kinabatangan. [Ketawa] Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, saya tersasul sebab di Sabah ada kawasan itu. Jadi, yang saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat Kepong ini, kita ada Universiti Kebangsaan, kita ada Universiti Sains Malaysia, kita ada IPTA yang lain, apatah lagi IPTS. Dalam IPTS, Yang Berhormat harus sedar bahawa kemasukan pelajar-pelajar bumiputera ke IPTS disebabkan oleh kekangan bayaran, maka kemampuan untuk pelajar-pelajar bumiputera masuk itu berkurangan sedikit.

Kalau Yang Berhormat bagi Kepong menyatakan bahawa kerusi-kerusi tertentu, Professorship ataupun Professor Madya itu dipegang oleh kaum-kaum tertentu, cuba Yang Berhormat Kepong tanya, apa jadi pada IPTS, adakah ianya dimonopoli, dibolot oleh orang-orang tertentu, kaum-kaum tertentu? Yang kita hendak capai di sini ialah apabila kita berkehendakkan polarisasi tidak berlaku di mana-mana, ianya harus dipraktikkan, bukan sahaja dalam institusi kerajaan tetapi dalam institusi swasta dan institusi pembangkang pun. Oleh sebab itu, kita harus rasional di dalam kita berusaha untuk membina sebuah bangsa Malaysia, maka jangan mudah menuturkan dan melontarkan kata-kata tanpa menerima hakikat bahawa dalam masyarakat yang majmuk begini, hakikat harus diterima sepenuhnya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, cukuplah.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, saya memang menarik kepada hujah Yang Berhormat tadi, mungkin pada suatu hari kelak kita boleh adakan dialog dengan lebih panjang lebar. Cuma buat setakat ini, adakah Yang Berhormat sokong usaha kita untuk mengadakan rang undang-undang bagi menubuhkan majlis perundangan perpaduan nasional. Daripada majlis itu kita boleh menyiasat apakah faktor-faktor yang mewujudkan polarisasi kaum.

Di dalam Dewan yang mulia ini, kita pun berbilang bangsa dan bahasa pengantar bahasa Malaysia tetapi tidak ada perbezaan pendapat dengan Yang Berhormat bagi Bagan Datoh, dengan Perlis juga, dengan Arau juga terdapat perbezaan pendapat. Bukan kerana ras, bukan kerana bahasa, tetapi itulah Yang Berhormat, saya berharap kita dapat sokong pada sesi ini untuk mengadakan satu

majlis perundangan perpaduan nasional dan sama-sama kita boleh mendalami masalah. Arau pun berminat dengan perpaduan nasional.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat. Sebab Yang Berhormat sebut, saya pun hendak mengambil bahagian yang sama dengan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Kepong tadi. Saya dengar Yang Berhormat dan juga Yang Berhormat bagi Bagan Datoh membincangkan soal proses polarisasi kaum di universiti. Kalau kita lihat pelbagai etnik dalam negara, bukan sahaja di Malaysia, negara sekitar, Indonesia, Thailand, juga mempunyai pelbagai etnik dalam negara mereka.

Saya tidak tahu, saya hendak tanya Yang Berhormat, bagaimana universiti di Thailand, bagaimana universiti di Indonesia, sebab soal ini tidak pernah ditimbulkan di Indonesia, tidak juga di Thailand. Setahu saya, mereka menggunakan satu bahasa di Indonesia, begitu juga di Thailand, sedangkan di Malaysia kita lebih liberal dalam keadaan itu. Terima kasih.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Baik, baik. Itu memang soalan baiklah tu. *[Ketawa]* Di Indonesia Universiti TAS, mereka itu mempunyai satu bahasa sahaja. Tetapi tengok macam mana, satu aliran, satu bahasa, rusuhan, kekacauan, porak peranda berlaku, tidak ada perpaduan nasional. *[Disampuk]* Di Kalimantan, macam mana? Di Ambon, macam mana? Di Aceh, macam mana? Cubalah fikirkan satu aliran sahaja tetapi apakah akibatnya, satu aliran Universiti TAS di Indonesia. Saya berharap Arau pun pergi ke universiti TAS di Indonesia.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Terima kasih, Yang Berhormat. Sikit sahaja tidak banyak, saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat. Di kalangan suku kaum orang Cina, ada Hokkien, Tiucu, Mandarin. Katalah dia tidak tahu bercakap dalam Bahasa Inggeris, bahasa apa dia guna? Adakah bahasa Melayu? Sila beri penjelasan. *[Disampuk]*

**Dr. Tan Seng Giaw:** Terserah kepada kawasan. Di kawasan asal saya, di Kelantan, bahasa pengantar bahasa Melayu.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Terima kasih, Yang Berhormat. Saya rasa Yang Berhormat tidak faham. Maksud yang saya katakan tadi, orang Cina pelbagai suku - Hokkein, Mandarin, Tiucu dan bermacam-macam lagilah, Hakka ada. Tidak usahlah pergi ke Kota Bharu, Kelantan. Cuma kalau di

antara mereka ini dari segi perhubungan tidak tahu Bahasa Inggeris, bahasa apa yang digunakan, bahasa Melayu atau tidak?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Biasanya sama ada bahasa Mandarin, bahasa Kantonis, bahasa Hokkien ataupun bahasa Tiucu juga... *[Disampuk]* Itu tidak payah hendak bincang di situ. *[Ketawa]* Tidak payah, tidak payah. Saya sebutkan hal ini kerana memang satu soal pokok ....

**Tuan Jimmy Lim Donald:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Sri Aman.

**Dr. Tan Seng Giaw:** ..... satu soal pokok hendak membina sebuah masyarakat bersatu padu dan saksama.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, saya minta tidak payah ketuk *midah*, nanti rosak. Yang Berhormat bagi Kepong, Sri Aman bangun.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Siapa, siapa.

**Tuan Jimmy Lim Donald:** Mahu bagi Sri Aman? Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Kepong. Saya tertarik dengan hujah Yang Berhormat bagi Kepong tentang perkauman antara ras di universiti, tetapi saya hendak tanya Yang Berhormat bagi Kepong, macam mana seperti yang di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), di mana bukan perkauman di antara ras, tetapi perkauman antara negeri. Nampaknya, orang yang mengajar di UNIMAS ialah orang-orang dari Kelantan, sebahagian yang besar dan juga yang berpengaruh. Jadi, nampaknya Kelantan mafia di sana .. *[Ketawa]*

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Menyampuk]*

**Tuan Jimmy Lim Donald:** ... menyusahkan sangat murid-murid dan juga universiti itu atau universiti itu macam tidak bergerak oleh kerana pengaruh-pengaruh mereka dan mereka membuat sesuatu yang kadangkala luar dari apa yang harus dibuat, membantu satu sama lain, *at the expense of the student*, dengan izin. Jadi, kami di Sarawak yang tahu merasa tidak puas hati dengan golongan yang sebegitu. Saya pun tidak tahu mengapa begitu ramai pensyarah-pensyarah dari Kelantan ditempatkan di sana, mungkin itu tempat buangan atau apa, saya pun tidak tahu? Jadi, apa pandangan Yang Berhormat bagi Kepong tentang monopoli oleh orang yang dari satu tempat ke satu tempat?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, kalau tuduhan Yang Berhormat itu bukan liar, kita boleh siasat, kerajaan mesti siasat. Tetapi saya tidak percaya ada mafia Kelantan, saya tidak percaya ada mafia Kelantan. *[Disampuk]* Jadi, di UNIMAS juga kita mesti memupukkan perpaduan. Bukan masalah kedaerahan, *parochialism* sahaja yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi. Bahkan juga kita mesti memupuk semangat untuk mengadakan satu masyarakat yang bersatu padu dan saksama. Kita selesai sama-sama, mungkin kita adakan majlis perundingan, perpaduan nasional, kita boleh menyiasat, di UNIMAS. Yang Berhormat Sri Aman boleh sokong kita untuk mengadakan rang undang-undang bagi menubuhkan majlis tersebut.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Terima kasih, Yang Berhormat bagi Kepong. Yang Berhormat bagi Kepong ini masih lagi membahaskan RRJP3 walaupun Yang Berhormat Kepong dan juga DAP dijemput untuk duduk dalam MAPEN, untuk membincangkan ini sebagai asas kepada *out-line*, yang ini masih lagi, ya?

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Bangun]*

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Belum habis Yang Berhormat Kepong, duduk. Terima kasih. *[Ketawa]* Tadi Yang Berhormat bercakap tentang perpaduan, mafia, yang Sri Aman sebut ini, mafia Kelantan, mungkin ada kebenaran, mungkin tidak ada kebenaran, dan saranan Yang Berhormat supaya buat siasatan ini adalah satu perkara yang dialu-alukan. Tetapi *generally*, dengan izin, kalau kita pergi ke universiti-universiti dan pusat-pusat pengajian tinggi, masalah kelompok mengikut negeri ini masih lagi wujud.

Saya rasa bahawa dengan ramainya pelajar-pelajar daripada Kelantan, itu menandakan bahawa Kerajaan Barisan Nasional tidak pernah hendak membezakan dan kita tidak berlaku zalim macam setengah perandai daripada Yang Berhormat pagi tadi, tunjukkan kepada negara ini tentang pembentangan kerja selidik, satu jangka panjang yang baik tetapi pandangan daripada Ketua Pembangkang kata seolah-olah kerajaan, pembentangan ini macam projek roti canai, apa pandangan Yang Berhormat? Saya harap Yang Berhormat bagi Kepong, pemikiran tidak terkepong.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, Shah Alam perlu faham, yang dituduh mafia Kelantan, pun ada yang dituduh mafia Johor, mafia Selangor pun ada, kadangkala di satu perkhidmatan misalnya di angkatan tentera, ada di polis,

kadangkala dari satu daerah misalnya, Kelantan, dia tidak boleh naik jadi general dan sebagainya, itu pun berlaku juga. Semangat kedaerahan begitu tinggi dan kita mesti hapuskanlah semua supaya kita tidak akan membeza-bezakan wilayah, termasuk di Perak juga ada, saya ada diberitahu ada mafia Perak juga. *[Ketawa]* Ini kita tidak mahu dengarlah mafia seperti ini, sama ada dari Kelantan, Johor, Perak ataupun Selangor.

Janganlah kita adakan mafia seperti ini sebab – Ada satu bab empat, membina satu masyarakat yang bersatu padu dan saksama, cuma kita berpendapatlah kalau kita hendak adakan satu sebuah masyarakat bersatu padu dan saksama patut kita ada satu majlis perundingan, perpaduan nasional dan setakat itulah saya hendak bincangkan perpaduan nasional kerana ada banyak bab lagi untuk dibincangkan.

Cuma saya bangkitkan hal ini mengenai penubuhan sekurang-kurangnya 250 buah sekolah Cina untuk masa lima tahun ini supaya kita dapat memenuhi hasrat penduduk-penduduk di satu tempat. Ini pun satu sifat di Malaysia ini yang istimewa kerana kita hendak uruskan perniagaan dan benda-benda yang lain dengan India, dengan China, dengan Jepun, dengan Amerika Syarikat, kita mesti gunakan kelebihan di dalam masyarakat kita sepertimana yang disarankan oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, dia kata kita istimewa, dengan tradisi yang banyak, kaum yang banyak, pelbagai kebudayaan dan ini menjadi satu daya tarikan kepada pelancong di seluruh dunia. Ini satu konsep yang baiklah.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Shah Alam, bangun.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ini hendak sokong pihak kami untuk menubuhkan 250 buah se kolah Cina pada lima tahun akan datang?

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Yang Berhormat, saya minta penjelasan tadi, minta penjelasan, jasa baik Yang Berhormat, Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga ini berasaskan daripada formula '*Muafakat Membawa Berkat*' yang digerakkan oleh kerajaan dengan mewujudkan Majlis Perunding Ekonomi yang Kedua, MAPEN Kedua. PAS ada wakil, tetapi DAP tidak mahu ... *[Disampuk]* Ada, minta maaf.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Salah maklumat.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Salah maklumat, masa itu saya belum dalam Dewan Rakyat. Tetapi saya hendak tanya, kalau kita hendak cakap tentang perpaduan dan keutuhan bangsa itu asas pertimbangan utama untuk kita menterjemahkan hal-hal JP ini dalam 2010 ini, Yang Berhormat bercakap tadi tentang perpaduan, sebab itu kita sebut mafia Kepong, mafia Kelantan, mafia Perak, mafia itu, supaya ada kajian ...

**Puan Chong Eng:** *[Menyampuk]*

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Bagilah can, Bukit Mertajam saya hendak bercakap ni, *[Ketawa]* bukan senang hendak dapat laluan daripada Kepong ni. Yang bercakap tu, supaya benda ini diwujudkan. Tetapi kalau pihak yang kerajaan sahaja, dengan izin, hendak muted tentang perancangan ini tetapi parti pembangkang tidak hendak terlibat daripada segi memberikan kritikan yang membina, bagaimana kita hendak terjemahkan pencapaian wawasan negara ini.

Yang Berhormat, soalan tadi tidak jawab, kenapa tidak mahu duduk berunding dalam MAPEN? Macam sekarang juga, kita bercakap tentang problem bangsa, kita ajak duduk berunding, semua tidak hendak, macam-macam alasan. Yang itu, bagi jawapan itu, jangan dok pusing terkepong.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Boleh, jawapan itu senang sahaja. MAPEN ini bila dia tubuh MAPEN semua orang berkumpul pada zahir sahaja tetapi dia buat rumusan, rumusannya sudah dibuat dan pergi ke situ setuju sahaja. Inilah MAPEN yang disebutkan oleh Yang Berhormat "Alam Shah" dan Shah Alam. MAPEN cara itu. Corak *[Ketawa]* rumusan yang telah pun ditetapkan, kemudian ada pelbagai pandangan, selepas itu kita luskan rumusan itu. Ha, itulah MAPEN ala satu aliran.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Kepong, banyak perkara yang ingin Yang Berhormat....

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ada, saya banyak, banyak bab lagi hendak saya sentuh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ini satu tajuk sahaja sudah ambil masa setengah jam.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin dengan Yang Berhormat Kepong ini, dia baik hati, sahabat baik ini.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Setengah jam sahaja Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua memang betul.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Tadi bercakap tak dapat notis 12 jam tetapi bercakap dah lebih satu jam.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tidak, tidak. Memang bercakap betul, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Ha, pandai-pandai pusing sahajalah. Macam 'kepala terkepung'.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tidak pusing jugak, MAPEN ini tidak semua hairan .

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Tidak, tidak. Sekejap Yang Berhormat. Ini MAPEN tadi, MAPEN tadi tolong Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, hendak beri laluanakah?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Itu cukuplah. Kita pindah kepada tajuk yang lain.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Fasal dia terkepung ni...Saya hendak betulkan fakta ini. Fitnah, takkan MAPEN sudah siap dengan resolusi....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Shah Alam....

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** How many hours of meeting, berapa kali meeting sudah diadakan Yang Berhormat? Semak fakta Yang Berhormat dahulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat...Yang Berhormat...

**Dr. Tan Seng Giaw:** Kita ada 7 bab di dalam ini, satu bab sahaja. Mana masa begitu panjang? Tuan Yang di-Pertua, saya sebutkan hal mengenai dasar pendidikan yang lebih terbuka kerana kita ada keistimewaan di negara ini bila kita hendak hubungan dan pengurusan dengan pihak negara China dan India kita ada tradisi-tradisi seperti ini sebab, Tuan Yang di-Pertua, penting pada ketika ini ada ramai orang daripada Malaysia dan seluruh dunia pergi ke China untuk membuat pelaburan dan sebagainya hampirlah sebahagian besar gagal. Cuma mungkin di dalam pembinaan lebuhraya kerana ada jaminan daripada kerajaan dia boleh dapat untung sedikit ataupun ada bahagian-bahagian lain – jualan langsung mungkin, kosmetik dan sebagainya boleh mendapat keuntungan tetapi dalam bidang-bidang yang lain termasuk bidang pembinaan memang rugi, memang kalau pergi ke China sebab kita tidak faham apa yang wujud di negara China. Cuma kita fikir ada 1.3 bilion orang kita boleh dapat untung. Bukan begitu mudah tetapi negara ini akan menjadi satu kuasa ekonomi, sebab itulah daripada sekarang di dalam tempoh RRJP3 ini kita mesti berusaha untuk memahami negara ini termasuk India, Jepun dan Amerika



Syarikat dan tadi saya ada cadang dengan Yang Amat Berhormat supaya mengubah sikap – mungkin non-confrontational attitude lebih baik untuk menangani perkara-perkara ini.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, mengenai mentaliti di dalam sektor swasta dan sektor awam juga. Saya sebutkan tadi mengenai feudal mentality, mediocrity and bloody mindedness – sikap tidak mahu bekerjasama yang sudah pun ada contoh-contoh daripada Kementerian Kesihatan memberi arahan untuk menggunakan warna biru dan putih, bukan hijau. Ini penyalahgunaan kuasa dan Yang Berhormat Shah Alam pun tidak faham di dalam mana bidang pun, akademik dan sebagainya, you know, terdapat masalah penyalahgunaan hak-hak dan privilege...*[Disampuk]* mafia jugak, ya. *[Disampuk]* Ha? 'Mafia Biru', ada mafia yang baru.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Bukan hijau, bukan hijau, biru.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Oh, biru.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Biru BN.

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Ketawa]* dan di sinilah, tadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada cakap dia nak menarik lebih ramai saintis, technologies, profesional, tenaga mahir daripada negara-negara lain, ini memang satu konsep yang baik. Cuma Yang Amat Berhormat mestilah fikir dengan baik-baik macam mana kita boleh kikiskan mentaliti yang saya sebutkan tadi.

Misalnya, ada disebutkan mengenai modal teroka. Modal teroka pada tahun ini, di dalam Belanjawan tahun ini ada RM500 juta untuk modal teroka. Modal teroka ini kalau kita serahkan kepada jabatan-jabatan kerajaan memang tak boleh berjaya, sebab apa tidak boleh berjaya – kerana fikiran itu sudah kaku, beku. Dia kaku dan beku, tidak boleh hendak fikir dengan cara yang moden. Dia termasuk Shah Alam, kalau bagi dia habis semua itu...

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Oh, jahanam.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ha, jahanam.... *[Ketawa]* modal teroka ini.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, point of order.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Peraturan mana satu?

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** 36(6) sangkaan jahat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat...

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Kepong, saya ingat tidak payah libatkan Shah Alam..

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tidak, tidak. Saya tidak mahu libatkan dia.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Dia tidak akan beri jawapan juga.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tak ada, tak ada. Modal teroka. Satu contoh, kita mesti fikir dengan baik – gunakan modal teroka ini yang diuruskan oleh orang-orang yang benar-benar profesional kerana kita hendak tarik....

**Tuan Bung Moktar bin Radin:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Kinabatangan bangun.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Macam mana? Berminat dengan modal terokakah?

**Tuan Bung Moktar bin Radin:** Ya, minat sedikit. *[Ketawa]*

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ha? Saya tidak ada masa dah sekarang ini.

**Tuan Bung Moktar bin Radin:** Banyak masa lagi. Ini Yang Berhormat bagi Kepong, terima kasih.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tak ada, tak ada masa dah.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Dia ni jadi Ketua Pembangkangkah...

**Tuan Bung Moktar bin Radin:** Ini dia hari ini seolah-olah jadi Ketua Pembangkanglah Yang Berhormat bagi Kepong. Dia hendak ambil alih daripada PAS tapi tidak tahu bila dia dapat approval.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ini bukan soalanlah Yang Berhormat.

**Tuan Bung Moktar bin Radin:** Ini pertanyaan saya, tadi Yang Berhormat ada menyebut bahawa modal teroka ini tidak boleh bagi kepada pegawai-pegawai dan agensi kerajaan kerana pemikiran mereka sudah beku. Apakah Yang Berhormat menuduh bahawa pegawai-pegawai kerajaan di seluruh negara ini sudah tidak boleh berfungsi sedangkan mereka inilah penggerak utama yang memastikan kemungkinan ekonomi dan pembangunan negara ini berjalan seperti yang dirancang. Tidakkah Yang Berhormat berpendapat bahawa mungkin pemikiran Yang Berhormat yang terkepong dalam persoalan ini sehingga boleh menuduh semberono kepada sesiapa dalam soal ini.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Yang Berhormat "Cinabatangan"

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** “Cinabatangan” kah atau Kinabatangan?

**Dr. Tan Seng Giaw:** “Cinabatangan” pun serupa juga. *[Disampuk]* Mentality kita sama ada di sektor swasta atau kerajaan mesti ubah. Kalau kita menyiasat, mengkaji modal-Modal yang diuruskan oleh pihak kerajaan, kita tengok banyak yang gagal. Sebab mentality begitu beku dan kaku. Saya berharaplah di dalam sepuluh tahun dalam tempoh rancangan ini, kita dapat mengubah sikap ni supaya kita bersama-sama boleh menjayakan RRJP3 ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, saya hendak membangkitkan masalah sekarang pihak kerajaan menumpukan perhatian kepada peruntukan bagi projek-projek infrastruktur – projek prasarana. Kita perlu prasarana, kita perlu infrastruktur, memang perlu tetapi kalau terlalu minat kepada bidang ini memang ini terlalu mahallah, terlalu mahal pelaburannya untuk negara Malaysia untuk mencapai satu tahap yang lebih tinggi. Kita perlu menumpukan perhatian yang lebih kepada sumber manusia dan sebelum saya sentuh dengan lebih teliti mengenai sumber manusia dan pencemaran alam kita, saya hendak menekankan di sini.

Yang pertama, pihak kerajaan mesti mengkaji semula peranan dan fungsi jabatan kerja awam di dalam melaksanakan projek-projek termasuk sektor pembinaan kerana dengan perubahan globalisasi ini kita dapati cara yang lama untuk sektor pembinaan, untuk JKR sudah tidak boleh dipakai lagi.

**Tuan Bung Moktar bin Radin:** Yang Berhormat Kepong boleh berhentilah.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Apa berhenti pulak, ini satu cadangan yang konstruktif, yang membina, yang bernas. Misalnya, piawaian yang digunakan oleh sektor pembinaan mesti kita tingkatkan standard dan mutunya sama ada untuk tenaga-tenaga mahir, penyapu cat ataupun untuk pekerja simen, tukang simen dan sebagainya. Kita mesti adakan satu standard, satu piawaian yang baru untuk negara ini di dalam sektor pembinaan. Tidak boleh kita gunakan cara yang lama kerana dunia sudah berubah...

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat...

**Dr. Tan Seng Giaw:**..dan “Parit Yang Sulong” menjadi “Parit Yang Bongsu” sekarang...*[Ketawa]*

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan ucapan rakan saya bagi Kepong apabila beliau cuba membabitkan globalisasi

dengan standard industri pembangunan. Saya tidak banyaklah baca tetapi banyak jugalah baca. Di dalam proses globalisasi, saya rasa tidak akan ada perpindahan pekerja-pekerja sektor industri binaan ini dari satu negara ke satu negara dan yang dipersoalkan standard ini standard apa yang Yang Berhormat katakan, standard mengenai mengecat dan sebagainya, apa ada kena mengena dengan globalisasi? Tidak ada kena mengena pun.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ha, boleh, boleh. Yang Berhormat "Parit Yang Sulong", memang dia tanya bukan kesalahan dia, walaupun dia baca dengan dunia maya kita ini banyak tetapi kerana terlalu khayal dan maya tidak tahu apa masalah yang dihadapi oleh perindustrian pembinaan kita. Misalnya, sekarang kita sudah dunia Internet dan sebagainya tetapi apabila kita hendak ada satu projek, satu projek besar sama ada Bakun ataupun projek pelabuhan ataupun projek-projek yang lain. Bila kita adakan pekerja-pekerja mahir seperti tukang simen, kita tidak tahu apakah standardnya, memang tidak tahu, kerana ini terlibat dengan kos, dengan masa untuk menyiapkan projek itu. Yang Berhormat mungkin kali yang pertamalah dia dengar hal ini.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** *[Bangun]*

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat..ada dua orang

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ini ada kena mengena dengan kos dan masa untuk menyiapkan projek...

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Boleh, boleh. Saya faham.

**Dr. Tan Seng Giaw:**...masalah sama ada projek itu akan runtuh, sama ada kita ada...ha...berlakunya seperti di Highland Tower, di Cameron Highlands...

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Datuk, boleh penjelasan lagi?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ha, boleh.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Boleh, boleh saya faham.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Masalah sama ada projek itu atau runtuh, sama ada akan berlakunya seperti di Highland Towers, di Cameron Highlands...

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, boleh minta penjelasan lagi?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Boleh, boleh.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Sekarang barulah saya faham, dia mengatakan bermakna dari segi building management, dari segi project management, bukan dari segi menguruskan orang mengecat bangunan. Cat bangunan, cat ini selalu kalau you hendak cari cat hijau atau hendak cat biru, memang cat. Jadi, tak payah ada standard cat, kalau standard dari segi management, human resource management, saya bersetuju tetapi saudara tadi cakap, dari segi standard orang mengecat. Hendak cat apa, jadi Tuan Yang di-Pertua,

**Dr. Tan Seng Giaw:** Kerana cat yang di 'parit yang sulung', cat biru semualah, biru dan putih semua.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Kalau saya perintah, semua saya cat biru. Memang betul.

**Puan Chong Eng:** *[Menyampuk]*

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Hai nyonya, you jangan bising *[Ketawa]*

**Puan Chong Eng:** Tarik balik, tarik balik.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Minta maaf, minta maaf Yang Berhormat, minta maaf. Minta maaf.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf kepada Yang Berhormat Bukit Mertajam.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, jadi saya faham, kalau dari segi globalisasi kalau kita hendak katakan standard, lepas itu dari segi procurement, perolehan, dari segi planning, hendak value added kita boleh minta pembeli itu turut sama mengesyorkan bangunan, ini semua value added, saya tahu. Yang itu saya tahu tetapi kalau dari segi standard cat, saya tak tahu macam mana standard cat ikut standard piawaian DAP.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ya, tukang cat kemahirannya seperti itulah di 'parit yang sulung, parit yang bongsu', dia sengaja hendak kacau. Sudah faham pun jadi tak faham tetapi di dalam rancangan sepuluh tahun ini kita mestilah adakan satu piawaian yang baru untuk kemahiran di dalam tukang-tukang yang saya sebut tadi, kemahiran pekerja. Ada satu standard kerana sekarang ini, macam...

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** *[Bangun]*

**Dr. Tan Seng Giaw:** Shah Alam tidak payah dah, sebab dia tidak faham mengenai masalah pembinaan.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Yang Berhormat, engineer hendak bercakap, beri chance sedikit boleh?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ya.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Saya terima kasihlah kepada Yang Berhormat, saya pun kurang jelaslah apa Yang Berhormat maksudkan dengan piawaian cat mengecat, susun batu bata, ataupun ada dia punya macam SIRIM punya standard daripada itu, itu semua yang 'parit sulung' yang sudah jadi 'parit bongsu' ini bercakap bahawa itu tidak ada hubung kait kerana saya hendak berkongsi dengan Yang Berhormat tentang tema kita, meningkatkan keutuhan dan daya saing negara dan dimensi baru ini, Yang Berhormat ya. Saya hendak Yang Berhormat ulas sekarang ini, mengorientasikan semula pembangunan sumber manusia bagi menyokong pembentukan masyarakat yang berasaskan pengetahuan.

Yang Berhormat sebut tentang Internet, intranet, computer literate, kita hendak jurangkan literasi digital tetapi tentang soal susun batu, cat mengecat ia a daily skill worker itu yang memang berterusan, sama ada kita menjangkau ke wawasan ataupun tidak. Yang ini cuba Yang Berhormat fokuskan sedikit ini.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ya, saya akan fokus sedikitlah, dengar dahulu, hendak fokus sedikit kerana Shah Alam dan Alam Shah itu dia memang projek-projek di Shah Alam, pembaziran yang besar kerana tidak faham masalah. Ada projek-projek di Shah Alam yang pembaziran yang besar dan tidak boleh disiapkan pada masa yang ditetapkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat sendiri memberi peluang untuk dia .....

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Yang Berhormat, projek mana yang membazir itu Yang Berhormat, beritahu.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Projek-projek di Shah Alam, tengok macam mana Shah Alam. Satu bandar raya tetapi ada lebuhraya besar yang membahagi kepada dua, macam mana boleh di seluruh dunia, ada satu bandar raya, ada lebuhraya yang besar yang membahagikan kepada dua tempat, di mana ada. Di Shah Alam sahaja.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Yang Berhormat, itulah dia perancangan town and planning, is a wealth constituted city Yang Berhormat, bukan macam Kepong sentiasa terkepung pemikiran Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Perancangan dwi bahagian untuk bandar raya. Saya tidak pernah dengar itu. Ha itulah masalah, tidak faham mengenai masalah industri pembinaan, ini masalahnya.

Saya hendak cadangkan supaya kita adakan satu piawai yang baru untuk semua pekerja mahir, semua peringkat di perindustrian industri pembinaan. Itu memang termasuk profesional pembinaan, memang satu perkara kita tidak ada masa untuk mendalami masalah ini kerana ini terlibat dengan kos, dengan masa, sama ada projek ini boleh disiapkan pada tarikh yang ditetapkan.

Kebanyakan projek di negara ini, kerajaan sekarang..., tadi saya sebut ada mengeluarkan memperuntukkan RM3 bilion untuk projek-projek infrastruktur termasuk Bakun. Kalau kita ada tenaga mahir yang ada standard dan profesional ada standard, kos itu boleh dikurangkan dan mutu pembinaan pun boleh ditingkatkan. Ini masalah industri pembinaan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai JKR .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Pembinaan belum habis lagi Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Habis sudah sekarang. Hendak merujuk kepada alam sekitar sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, alam sekitar sekarang ini, saya ada di dalam ini memang ada menekankan masalah alam sekitar. Ada keseimbangan di antara pembangunan dan alam sekitar. Memang konsep itu boleh diterima tetapi bagi saya, sama ada kita boleh menjadikan keadaan alam sekitar di Malaysia lebih baik daripada sekarang atau tidak, masalah penguatkuasaan, masalah dasar yang penting. Misalnya di Rawang, 8 Mac ada banjir. Banjir itu ada pihak Kerajaan Barisan Nasional kata, ini mala petaka. Mala petaka dia kata, bencana banjir. Tidak kena mengena dengan manusia tetapi masalah di situ ialah kerana kerajaan tempatan dan kerajaan negeri tidak mempunyai kaedah penguatkuasaan dan pemantauan yang cukup, yang baik.

Yang pertama, pakar-pakar untuk alam sekitar, untuk saliran, untuk sungai tak cukup.

Yang kedua, di sini susah hendak kita keluarkan bukti. Ada penyelewengan. Kalau projek itu tidak boleh diluluskan pun, diluluskan kerana diberi sogokan dan sebagainya. Tidak ada bukti di sini, susah saya. Cuma kita minta pihak kerajaan menyiasat mengapa berlakunya di Rawang dan Shah Alam juga banjir berlaku,

memang bukan sahaja di kawasan-kawasan di Kelantan, di Terengganu, di Johor, di Pulau Pinang kerana .....

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Kepong, boleh minta penjelasan satu perkara. Pihak JPS, saya diberitahu tidak membenarkan cerucuk dipasang, tiang-tiang dipasang di sungai-sungai di Kuala Lumpur. Sungai-sungai di Kuala Lumpur ini untuk mengelakkan banjir tetapi kita lihat LRT dan sebagainya, tiangnya dipasang, dipacak di dalam sungai. Bagaimana JPS tidak dapat menguatkuasakan kehendak mereka. Adakah korporat ini begitu kuat sehingga boleh melanggar peraturan yang ditentukan oleh JPS, minta komen daripada Kepong. Soal banjir ini.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kuala Kedah memang mempunyai asas kerana kalau kita lihat LRT kita, ada cerucuk di dalam sungai. Macam mana boleh jadi, cerucuk di dalam sungai. Ini masalah kita semua. Mengapa pihak kerajaan boleh luluskan cerucuk-cerucuk di dalam sungai. Ini saya tidak boleh terima. Dan inilah masalah kita.

**Tuan Bung Moktar bin Radin:** *[Bangun]*

**Dr. Tan Seng Giaw:** Kinabatangan tidak ada cerucuk di dalam sungai.

**Tuan Bung Moktar bin Radin:** Ada, ada.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Sebab itulah kita mesti menyeru supaya kerajaan menyiasat semua ini dan buangkan semua cerucuk di dalam sungai.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Kinabatangan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tak payahlah, kita tidak ada masa. Kasihan kepada orang yang lain juga yang menunggu hendak berucap.

**Tuan Bung Moktar bin Radin:** Bukan, saya hendak sokong ini.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Oh, hendak sokong *[Ketawa]*

**Tuan Bung Moktar bin Radin:** Ha! Saya sebetulnya memang saya menyokong, mana yang betul saya sokong. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat, tidakkah Yang Berhormat berhasrat untuk membuat laporan polis kepada pengusaha-pengusaha seperti syarikat-syarikat LRT ini supaya disiasat, kalau betul mereka yang mengakibatkan banjir dan sebagainya, tangkap sahaja syarikat ini. Kita buat laporan polis dan kita bersetuju, menyokong.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Memang satu soalan yang baik. Saya akan jawab dengan tepat. Kita banyak laporan polis termasuk Yang Berhormat bagi Berserah ada buat laporan polis. Kalau macam itu kita selesaikan laporan polis Yang



Berhormat bagi Berserah, saya berharap Yang Berhormat bagi Kinabatangan boleh sokong kita.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Pokok Sena.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, fasal Yang Berhormat dari Kepong sebut kata harap polis menyelesaikan report yang dibuat oleh Berserah. Tetapi satu benda yang pelik, Yang Berhormat bagi Berserah buat report kepada polis tetapi yang hendak siasat UMNO. Minta penjelasan, tidakkah ini menunjukkan Perdana Menteri sendiri hilang kepercayaan kepada polis ataupun Perdana Menteri merampas kuasa polis.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Yang Berhormat bagi Pokok Sena, memang polis mesti siasat, bukan UMNO. Walaupun ada cat biru dan putih tetapi mesti berserah kepada polis untuk menyiasat hal ini. Itulah penjelasan daripada saya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Shah Alam.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Oh tidak, ada banyak perkara lagi.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Berilah sedikit.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Kita mesti ....

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Hendak sokong ini. Hendak sokong.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya hendak memberi cadangan. Kita adakan di setiap negeri,

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Yang Berhormat, hendak sokong, boleh kah? Hendak sokong.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Kita adakan perkhidmatan pakar-pakar untuk semua negeri yang diadakan oleh pihak kerajaan di semua peringkat dari segi saluran, dari segi sungai, dari segi pemuliharaan alam sekitar, itu memang perlu dibuat kerana Tuan Yang di-Pertua, di dalam rangka rancangan jangka panjang yang dahulu, yang kedua, pihak kerajaan sudah memberi jaminan akan mengadakan satu kajian menyeluruh mengenai fungsi dan peranan kerajaan-kerajaan tempatan berjumlah lebih 150 termasuk pemuliharaan alam sekitar tetapi selepas kenyataan daripada pihak Kerajaan Barisan Nasional, tidak ada tindakan susulan dan sehingga hari ini kita tidak tahu, apakah kajian untuk lebih 150 kerajaan tempatan mengenai perkhidmatan-perkhidmatan, peranan dan fungsinya.

Ini memang satu kelemahan dan saya akan meneliti perkara ini ataupun menjelaskan dengan lebih teliti di dalam Rancangan Malaysia Kelapan dalam pembahasannya dan cuma di sini menunjukkan pihak kerajaan tidak begitu berkesan untuk menangani masalah sama ada kerajaan tempatan ataupun masalah alam sekitarnya.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya mengenai masalah pembasmian kemiskinan tanpa mengira kaum. Itu memang satu konsep yang baik dan juga penyusunan semula masyarakat. Semua masyarakat kita percaya kita mesti menggunakan dasar merit dan keperluan tanpa mengira kaum. Sebab itulah saya nampak Yang Amat Berhormat bercakap mengenai pembasmian kemiskinan tanpa mengira kaum itu memang satu konsep yang kita terima sebab kita sentiasa menekankan keperluan untuk mengadakan dasar merit dan keperluan dan cuma saya hendak menyarankan supaya pihak kerajaan mengadakan satu pentakrifan, definisi mengenai kemiskinan sekarang terutamanya di dalam bandar juga kerana matlamat di dalam tempoh sepuluh tahun ini ialah mengurangkan kadar kemiskinan kepada 0.5%.

Kalau itu hasratnya, saya mencadangkan supaya kita ada definisi yang baru kerana dunia sudah berubah, dunia globalisasi dan definisi atau takrif untuk kadar kemiskinan .....

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Penjelasan, penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Parit Sulong.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, kalau kita belajar Ekonomi Malaysia satu ketika dahulu, kemiskinan di dalam negara ini diukur dari segi menggunakan indeks batik iaitu ownership berapa satu keluarga itu memiliki berapa kain batik, itu dijadikan ukuran kemiskinan. Jadi di dalam globalisasi ini, adakah DAP mahu mencadangkan supaya unsur-unsur kemiskinan ini menggunakan atau menggabungkan ukuran yang lama dengan ukuran yang baru termasuk penguasaan ilmu, computer literacy dan Internet literacy, connectivity dan sebagainya. Terima kasih.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Memang cadangan saya itu termasuklah semua bidang termasuk jurang digital, itu satu faktor kemiskinan dan juga banyak lagilah perkara yang kena mengena dengan dunia maya kita ini untuk mentafsirkan semula kemiskinan di negara ini kerana angka yang diberi itu tidak tepat. Kalau hendak

kurangkan kepada 0.5%, itu tidak mengambil kira keadaan semasa, bagaimana kita boleh gunakan definisi yang lama. Saya ingat ini definisi yang lama, yang Parit Sulong, betul juga. Saya ingat ini definisi yang lama tidak boleh digunakan lagi kerana kita hendak bersama-sama menghapuskan kemiskinan di negara ini dengan definisi yang baru.

Seterusnya mengenai dengan penyusunan semula masyarakat. Angka yang diberi oleh Yang Amat Berhormat tadi mengenai penyusunan semula bumiputera 19.1% tadi dalam ekuiti sektor korporat ini, saya pun tidak tahulah apakah angka yang sebenarnya. Cuma saya hendak menekankan di sini bahawa jangan kita menyalahgunakan kuasa. Semua kaum mesti mendapat peluang dan saya tidak menafikan, kalau peluang yang diberi lebih adil, saya tidak bantah, memang tidak bantah kerana tidak boleh kita adakan jurang perbezaan dan sama ada di sektor ekuiti, sektor korporat dan sebagainya yang begitu besar. Kita mesti rapatkan, kurangkan jurang perbezaan, cuma kita tidak boleh terima cara-cara yang diuruskan oleh pihak kerajaan dan cara ini mestilah diberhentikan termasuklah masalah MAS.

Saya bangkitkan sekali lagi dengan secara ringkas. Kita tidak boleh terima walaupun ada alasan demi alasan dikeluarkan dan dipapar di dalam akhbar, muka depan dan sebagainya tetapi kita tidak boleh terima. Kalau kerajaan tidak mengikut harga pasaran, membeli 29.9% saham daripada Tan Sri Tajuddin Ramli untuk MAS, cara ini tidak boleh diterima sama ada di dalam atau di luar negeri dan sebab itulah cara pengurusan korporat mesti diubah supaya kita ada cara-cara yang boleh diterima oleh dunia. Tidak kiralah kalau Yang Berhormat Menteri Kewangan puas hati dengan cara itu, hanya dia seorang puas hati tetapi dunia mesti puas hati dengan cara yang dibuat oleh pihak kerajaan.

Seterusnya mengenai masalah Renong, masalah Tan Sri Halim Saad, masalah KWSP. Sekarang saya nampak akhbar pun tidak begitu berminat dengan KWSP sekarang. Mengenai Time dotCom ini kita pun sudah panjang lebar sebutkan masalah Time dotCom dan pembabitan KWSP, KWAP, Danaharta dan sebagainya. Di sini sekali lagi saya tekankan bahawa cara pengurusan korporat termasuk pembabitan KWSP di dalam IPO Time dotCom tawaran awam permulaan ini, cara itu tidak boleh diterima kerana ini akan menjejaskan keyakinan rakyat, bukan rakyat Malaysia sahaja, rakyat seluruh dunia. Saya tekankan perkara ini kerana kita sedang bersama-sama, sama ada pembangkang ataupun pihak kerajaan, kita bersama-sama menghadapi ekonomi yang sedang merosot. Kalau kita hendak

sama-sama menjayakan mengatasi cabaran-cabaran yang begitu hebat ini kita mestilah adakan pengurusan korporat yang lebih telus dan lebih accountable dan boleh dipercayai oleh pihak dunia, itu masalah dan banyak lagi perkara yang boleh saya sebutkan di sini. Cuma saya hendak tekankan bahawa kita mesti ubahkan mind set kita, mental block kita mengenai perkara-perkara yang baru ini termasuklah pengurusan korporat yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya ada banyak perkara lagi yang hendak saya bangkitkan pada satu hari kelak tetapi kerana ada ramai orang yang tunggu hendak berucap, saya akan mengakhiri ucapan saya, cuma saya menekankan bahawa rakyat Malaysia terutamanya kerajaan mestilah menghayati pandangan kosmopolitan untuk semua aspek pembangunan di negara ini bagi menghadapi dunia yang sedang berubah. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Temerloh.

**3.36 ptg.**

**Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh [Temerloh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Assalamualaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh dan salam sejahtera.

Pertamanya, Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya terlebih dahulu mengucapkan syabas kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga pihak kerajaan yang telah membentangkan Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (RRJP3) yang merupakan dengan izin, broad plan hala tuju pembangunan ekonomi negara untuk jangka masa 10 tahun akan datang. Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga ini adalah merupakan satu perancangan jangka panjang ekonomi negara di alaf baru yang secara keseluruhannya menekankan kepada pengetahuan atau dengan izin, knowledge, kreativiti dan inovasi yang merupakan kunci penentu kepada daya saing negara dalam jangka panjang.

Rancangan Jangka Panjang Ketiga ini tidak boleh dianggap sebagai satu perancangan biasa dan tidak boleh disamakan dengan perancangan-perancangan sebelumnya. Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga ini memerlukan satu anjakan paradigma atau dengan izin, paradigm shift dari segala sudut untuk memastikan peningkatan pertumbuhan ekonomi negara agar sentiasa dapat bersaing dan relevan pada masa hadapan. Jadi, RRJP3 ini bukanlah satu perancangan projek roti canai sebagaimana yang disebut oleh Ketua Pembangkang pagi tadi.

Tuan Yang di-Pertua, secara lebih spesifik, saya menganggap RRJP3 ini sebagai satu perancangan yang mantap dan saya tidak fikir banyak negara-negara membangun di dunia ini yang punyai perancangan yang sedemikian rupa. Kita ada broad plan, dengan izin, untuk sepuluh tahun yang kita panggil RRJP dan kita ada pula lima tahun perancangan, Rancangan Malaysia Ketujuh, Kelapan yang akan dibentangkan pada minggu hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, antara aspek penting dalam Rancangan Jangka Panjang Ketiga ini ialah bagaimana boleh negara mengekalkan kadar pertumbuhan ekonomi yang positif di samping kadar inflasi yang rendah. Dalam rancangan ini, KDNK Malaysia secara pukol ratanya ataupun pertumbuhan ekonomi negara secara puratanya akan berkembang pada 7.5% dan pada harga sebenar setelah mengambil kira ramalan pertumbuhan ekonomi dunia serta tabungan dan pelaburan dalam negeri. Jangkaan pertumbuhan sedemikian rupa dengan kadar inflasi yang rendah amat menggembirakan rakyat Malaysia. Saya yakin dengan kerjasama semua pihak dan seluruh rakyat Malaysia, kita akan mampu mencapai ramalan di atas.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya membuat beberapa pemerhatian atau dengan izin, observations dan cadangan-cadangan di Dewan yang mulia ini berkait dengan pelaksanaan atau dengan izin, implementation daripada rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga ini.

Pertama, saya hendak sentuh sektor pertanian. Dalam Rancangan Jangka Panjang Ketiga ini menggariskan perancangan untuk menjadikan sektor pertanian sebagai sektor yang dinamik, diusahakan secara komersial dan menjadi sebagai pusat pengeluaran makanan halal dunia. Ini adalah satu usaha yang baik dan membanggakan tetapi hakikatnya sehingga ke hari ini kita belum lagi mampu mengeksport pengeluaran-pengeluaran pertanian kita malahan jumlah import barang-barang pertanian seperti kopi, lada kering, beras, masih beratus-ratus juta ringgit. Kita masih belum mampu menyelesaikan masalah input pertanian yang tinggi harganya serta masalah pemasaran yang belum dan tidak mungkin selesai. Kita memerlukan penilaian semula perancangan kita di sektor pertanian. Kita perlukan, dengan izin, *strategic thinking* untuk kita mampu bukan sahaja mengeluarkan keluaran pertanian yang cukup untuk kegunaan dalam negeri malahan juga mampu bersaing di pasaran antarabangsa.

Ambil contoh di bidang ternakan ayam atau dengan izin, *poultry farming* misalannya. Kita masih terpaksa mengimport bahan makanan ayam seperti jagung

dan lain-lain daripada luar negeri yang jumlahnya beratus juta ringgit. Hari ini kita bercakap sekarang tentang ladang ternakan ayam secara komersial tetapi negara Thailand misalnya telah dengan jayanya mengeksport daging ayam atau dengan izin, *pre cooked chicken* ke negeri Jepun. Saya tidak nampak dalam jangka terdekat ini, kita dapat menyaingi Thailand di bidang ini.

Satu contoh lagi, di kawasan Parlimen saya ada dua taman pengeluaran makanan dibuka oleh petani-petani muda. Yang Berhormat Menteri Pertanian, Ketua Setiausaha Negara telah melawat taman ini beberapa kali. Hari ini kedua-dua taman ini menghadapi masalah untuk memasarkan barang-barang keluaran mereka. Mereka mengharapkan FAMA untuk memasarkan barang keluaran mereka tetapi FAMA juga sebenarnya adalah merupakan ejen kepada orang tengah. FAMA tidak punyai *marketing line* tersendiri. FAMA juga terpaksa bergantung kepada pasar-pasar borong dan ini berlaku di seluruh negara.

Untuk menjadikan sektor ini lebih dinamik, saya mencadangkan perkara-perkara berikut:

- (i) merangka skim penglibatan yang lebih menyeluruh. Sektor swasta menceburi bidang pertanian komersial secara besar-besaran, penggunaan teknologi moden dan cara penternakan serta perladangan secara intensif.
- (ii) menyelidiki pasaran yang lebih meluas perlu dirancang agar barang keluaran pertanian bukan sahaja boleh dipasar dalam negeri tetapi juga di pasaran antarabangsa. Fungsi FAMA harus dikaji semula agar matlamat Rancangan Jangka Panjang Ketiga tercapai;
- (iii) membantu dan menggalakkan syarikat-syarikat swasta tempatan yang mempunyai kewangan yang kukuh supaya menceburkan diri dalam aktiviti pertanian di luar negara seperti di Indonesia, di Thailand dan juga di Vietnam.

Tidak mustahil misalnya, Tuan Yang di-Pertua, syarikat-syarikat Malaysia mengusahakan tanaman padi di Lembah Mekong misalnya. Begitu juga tidak mustahil syarikat Malaysia mengusahakan ladang ternakan *poultry* di Indonesia misalnya. Tambahan lagi mata wang rupiah begitu rendah sekarang dan amat sesuai sekali syarikat-syarikat Malaysia mengambil kesempatan ini. Saya yakin Yang Berhormat Menteri Pertanian sekarang mempunyai pengalaman yang luas di

bidang korporat. Tentunya hal-hal ini adalah dalam pengetahuan beliau dan saya yakin beliau mampu melaksanakannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang sektor korporat. Dalam Rancangan Jangka Panjang Ketiga ini, ada digariskan bahawa syarikat-syarikat Malaysia perlu berfikir secara global dan melihat lebih jauh daripada pasaran dalam negeri. Tujuannya adalah untuk mewujudkan syarikat-syarikat Malaysia dan juga syarikat-syarikat awam Malaysia menjadi *world class companies* ataupun syarikat bertaraf dunia.

Dalam tempoh Rancangan Jangka Panjang Ketiga, tumpuan akan diberi kepada pembangunan syarikat Malaysia yang bertaraf dunia yang boleh menjadi contoh ikutan bagi syarikat Malaysia yang lain untuk mencapai kecemerlangan. Ini juga satu langkah persiapan awal negara untuk menghadapi gelombang globalisasi dan persaingan antarabangsa yang semakin mencabar. Syarikat-syarikat perniagaan Malaysia mesti mengambil pendekatan *think global* dengan izin, dan tidak berfikir *insular* ataupun *inward looking*. Persaingan yang kuat sudah mula dirasai di merata dunia sekarang dan syarikat-syarikat Malaysia haruslah bersiap sedia untuk menghadapi cabaran ini.

Saya ingin mencadangkan langkah-langkah berikut, bagaimana Malaysia boleh membina *world class companies*, dengan izin.

- (i) syarikat-syarikat gergasi Malaysia seperti Petronas dan Proton harus menjadi *the leading companies* dengan izin, ke arah memandu untuk wujudnya lebih banyak *world class companies* daripada Malaysia.

Kita bangga dengan pencapaian Petronas dalam usaha mencari minyak di luar negara seperti di Sudan dan juga di Iran. Kita tahu kita tidak punyai *reserve* minyak mentah yang besar tetapi kita ada kepakaran yang cukup dan kepakaran ini telah kita bina sejak 26 tahun lalu. Kita manfaatkan kepakaran ini di luar negara yang tentunya memberi pulangan yang lumayan kepada negara.

Saya yakin pelaburan Petronas di Sudan misalannya akan memberikan pulangan yang menakjubkan. Proton harus mengikut jejak langkah ini. Proton harus mencari rakan kongsi strategik di luar negara. Proton tidak mungkin dapat bersaing sekiranya Proton terus berfikir *insular* dan *inward looking*. Di bidang industri sokongan pun seperti pengeluaran komponen, Proton mesti mampu memandu vendor-vendor Proton untuk melabur di kawasan-kawasan atau negara yang kos

pengeluarannya rendah. Tidak ada gunanya Proton untuk terus bertahan sebagai industri tempatan sekiranya kereta keluaran Proton tidak mampu bersaing di pasaran antarabangsa.

**Tuan Jimmy Lim Donald:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Sri Aman.

**Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Sila.

**Tuan Jimmy Lim Donald:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin minta penjelasan dari rakan saya Yang Berhormat tentang sikap Proton sama ada Proton mesti melihat, mengkaji dirinya sendiri dengan sedalam-dalamnya apabila kita hendak memasarkan Proton di pasaran antarabangsa. Oleh kerana saya bernasib baik diberi pihak Parlimen pinjaman untuk membeli Waja, saya nampak pintu pun sudah tidak sempurna, tempat untuk menyimpan *coin* itu pun tidak dibekalkan, bunyi pun banyak di sana sini, ini adalah baik Waja yang kebanggaan kita. Macam manakah *Quality Control* daripada pihak Proton? Saya rasa kalau dibandingkan dengan kereta yang sama taraf Proton ini, kalau kita menggunakan perkataan orang di Sarawak, ada 10 tanjung ketinggalan. Jadi, apakah nasihat Yang Berhormat kepada sikap yang seperti ini? Terima kasih.

**Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya barangkali apa yang disebut oleh Yang Berhormat ini sebagai satu *isolated case*, dengan izin, kerana saya temui beberapa pengguna Proton ini di luar negeri, mereka mengakui kereta yang dikeluarkan oleh Proton ini mutu keluarannya tinggi. Tetapi saya setuju dengan Yang Berhormat, sebelum kita boleh melangkah jauh ke pasaran antarabangsa, kita mesti pastikan yang kita boleh mengeluarkan kereta yang berkualiti.

Ambil contoh Volvo, Yang Berhormat. Volvo adalah pembuat kereta berasal daripada Sweden, Tuan Yang di-Pertua, dan Volvo merupakan pengeluar kereta yang *world class* standardnya. Tetapi Volvo barangkali kita tidak jumpa di Sweden tetapi Volvo berada di seluruh dunia dan Volvo memang mengeluarkan kereta yang mempunyai ciri-ciri keselamatan yang tinggi, kualiti yang tinggi dan sampai ke hari ini Volvo masih dianggap sebagai pembuat pengeluar kereta yang *world class*. Saya yakin Proton boleh mencapai tahap itu kalau kita akur dengan kualiti yang hendak dikeluarkan, kita juga harus mencari..... *[Disampuk]*

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Bangun]*



**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Temerloh, Kepong bangun.

**Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Nanti, saya belum habis jawab lagi, Yang Berhormat. Sekejap Yang Berhormat, sekejap. Saya habis jawab dulu. Kalau kita cuba mencari tempat-tempat di mana kita boleh keluarkan kereta ini dengan kos pengeluaran yang rendah. Sila.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa Volvo dimiliki *Ford* Amerika, kereta Ford itu?

**Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Ya, itu *acquisition* yang terbaru. Dia diambil alih oleh *Ford* Amerika. Itu betul.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyebut contoh *Nestle* iaitu syarikat pengeluaran susu tepung dan makanan berasal dari Switzerland. *Nestle* punyai kilang di seluruh dunia dan rangkaian perniagaan mereka juga di seluruh dunia termasuk di Malaysia, tetapi *Nestle* masih lagi dikenali sebagai syarikat Switzerland. Tidak salah Proton boleh berada di Katmandu, Proton boleh berada di Mauritius, Proton boleh berada di Santiago Chile, Proton boleh berada di mana-mana sahaja tetapi Proton tetap kekal sebagai syarikat kebanggaan Malaysia.

Syarikat-syarikat perniagaan di Malaysia juga perlu melengkapkan organisasi dan pengurusan mereka dengan kaedah terkini dalam pengurusan ICT untuk menjadi *world class companies*. Syarikat-syarikat tempatan mesti melengkapkan pekerja mereka dengan pengetahuan yang tinggi dan pengurusan syarikat-syarikat ini mestilah berdasarkan sistem pengurusan *knowledge management*, dengan izin. Tanpa elemen-elemen ini, syarikat-syarikat ini tidak mampu untuk menjadi *world class companies*.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua di bawah sektor korporat yang saya hendak sentuh ialah berhubung dengan corporate governance ataupun ketelusan korporat. Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga juga menggariskan langkah-langkah yang akan diambil untuk mengukuhkan penyeliaan korporat di syarikat-syarikat awam yang disenaraikan. Saya nampak ada kesungguhan di pihak kerajaan untuk melaksanakan langkah-langkah ini. Kita ada tatacara pengendalian korporat Malaysia yang telah diterima pakai untuk mewujudkan pengurusan yang lebih kukuh, bertanggungjawab dan telus selaras dengan amalan dunia yang terbaik.

Saya ucap syabas kepada KLSE dan Suruhanjaya Sekuriti yang telah mula mengaturkan beberapa program pendedahan dan seminar untuk ahli-ahli Lembaga

Pengarah syarikat-syarikat awam yang disenaraikan. Di waktu yang sama, Tuan Yang di-Pertua, saya juga melihat pentingnya corporate governance ini dilaksanakan di syarikat-syarikat awam yang tidak disenaraikan di Pasaran Saham Kuala Lumpur.

Saya amat hormat kesudian Yang Berhormat Menteri Kewangan baru-baru ini datang ke Dewan yang mulia ini untuk menjelaskan isu-isu bersabit dengan pembelian saham MAS oleh kerajaan. Saya nampak penjelasan-penjelasan seperti ini perlu dibuat untuk mengelak tafsiran yang akhirnya akan mengelirukan rakyat. Saya juga suka menarik perhatian tentang badan-badan berkanun yang lain seperti EPF dan Tabung Haji. Saya merasakan tidak ada salahnya kedua-dua badan berkanun ini melaporkan tentang prestasi mereka dan menyatakan sama ada pelaburan yang dibuat memperolehi keuntungan ataupun kerugian.

Kita tidak perlu takut melaporkan kerugian kerana tidak semua pelaburan perniagaan itu menjamin keuntungan. Saya ambil contoh, KWSP yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Kepong tadi. Saya lihat prestasi yang dilalui oleh KWSP amat membanggakan. Kalau kita lihat daripada jumlah caruman yang terkumpul, pada tahun 1999, RM163.9 bilion dan pada tahun 2000 telah meningkat sebanyak 10.2% menjadi RM180.6 bilion. Jumlah caruman tahunan pula kalau dilihat, pada tahun 1999, RM15.2 bilion dan pada tahun 2000, RM17.4 bilion. Ini juga meningkat sebanyak 12.2%.

Aset terkumpul KWSP, RM184.9 bilion dalam tahun 2000. Kadar dividen dibayar ialah 6% dan ini yang menjadi isu kenapa kadar dividen dibayar sebanyak 6% dan kalau dilihat kadar dividen 6% ini, pertamanya, lebih baik daripada kadar simpanan tetap bank sebanyak 3% dan yang keduanya, tidak banyak syarikat-syarikat awam sekarang yang mampu untuk membayar dividen sebanyak itu.

Jadi, apa salahnya dengan KWSP. Saya kira tidak ada salahnya bagi pihak kerajaan ataupun pihak KWSP melaporkan investment mereka. Ambil contoh pelaburan sahaja. Pelaburan KWSP sebahagian besarnya 3.4% dalam sekuriti kerajaan yang dijamin oleh kerajaan. Saya tidak nampak ada kepincangan dalam pengurusan dana KWSP dan saya kira maklumat-maklumat ini perlu diberitahu kepada pihak awam.

Begitu juga Tabung Haji. Jumlah deposit terkumpul tahun 2000, RM4.6 bilion berbanding dengan tahun 1999, RM3.4 bilion, meningkat sebanyak 33.6%.

**Tuan Jimmy Lim Donald:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Sri Aman.

**Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Saya habiskan sekejap ya. Dan dividen turun 5.5%. Ini akibat kurangnya pulangan daripada pendapatan kelapa sawit tetapi masih tinggi jika dibandingkan dengan kadar simpanan tetap di bank sebanyak 3%. Jadi, saya nampak penting maklumat-maklumat ini dimaklumkan untuk mengelakkan salah tafsir yang boleh menimbulkan berbagai andaian yang akhirnya akan dieksploitasikan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Sila Yang Berhormat.

**Tuan Jimmy Lim Donald:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta pandangan dari Yang Berhormat tentang KWSP ini. Baru-baru ini, kerajaan telah memberi keistimewaan kepada pencarum-pencarum di mana mereka boleh menggunakan KWSP mereka untuk membeli rumah, komputer dan lain-lain. Saya sendiri tidak pernah melihat bilik rekod KWSP tetapi saya rasa bilik rekod itu mempunyai berjuta-juta fail dan orang yang hendak meminjam ini dan itu terpaksa saya rasa naik tangga turun tangga untuk mencari rekod atau fail.

Macam mana kalau kita minta kerajaan melihat ini sebagai satu *priority* untuk mengkomputerkan (computerised) rekod KWSP supaya orang yang hendak minta loan ini dan itu melalui KWSP, mereka tekan sahaja butang, rekod sedia ada. Saya rasa inilah satu gangguan yang terbesar apabila pencarum ini hendak minta apa-apa bantuan melalui KWSP mereka.

**Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat itu dan saya kira pihak KWSP akan mengambil tindakan terhadap perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang pembangunan sumber tenaga manusia.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Minta penjelasan.

**Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Ya.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Temerloh. Tadi ada Yang Berhormat sebut tentang soal dividen, pencapaian yang dibuat oleh Tabung Haji walaupun masih dibayar pada 5.5% yang dianggap masih tinggi daripada interest bank. Cuma Yang Berhormat kata bahawa penurunan itu kerana ekoran daripada pulangan daripada hasil kelapa sawit. Inikah alasan yang diberikan oleh Pengerusi Tabung Haji yang baru?

Tetapi sedarkah Yang Berhormat bahawa ada syarikat yang hasil sumber pendapatannya 30%nya daripada kelapa sawit? Saya tunjuk contoh bahawa Koperasi Permodalan Melayu Johor yang hasil sumber pendapatannya ialah kelapa sawit sebanyak 30% tetapi baru-baru ini ia berjaya untuk memberikan dividen kepada ahlinya sebanyak 10% dan 10% lagi adalah bonus.

Ini menunjukkan bahawa yang dipersoalkan di sini kepada Tabung Haji ini ialah tentang keupayaan pengurusan kewangan dan pelaburan-pelaburan yang sangat dipersoalkan dan dipertikaikan, termasuklah apabila pelaburan yang dibuat oleh Tabung Haji dalam projek ERL, projek yang menelan belanja RM2.5 bilion kalau tidak silap ingatan saya dengan Tabung Haji sebagai penanggung modal sebanyak 80% dan ada satu syarikat lain lagi, syarikat yang joint venture dengan Tabung Haji sebanyak 20% dan syarikat tersebut yang diberikan sebagai kontraktor utama untuk menjalankan projek ERL.

Ini menunjukkan bahawa syarikat tersebut akan mempunyai keuntungan hasil modal Tabung Haji 80%, dia hanya 20%, dia boleh projek RM2.5 bilion. Tabung Haji belum tentu boleh mendapat pulangan keuntungan daripada projek ERL ini seperti mana yang dilihat oleh LRT dalam STAR dan PUTRA yang mengalami kerugian dan terpaksa kerajaan suntik ataupun mengambil alih aset sebanyak RM6 bilion baru-baru ini.

**Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Terima kasih Yang Berhormat. Dividen 5.5% ini adalah dividen bersih yang dibayar kepada pencarum dan saya kira daripada 5.5% itu, 2% atau 2.2% saya ingat yang telah ditolak zakat. Jadi, dividen sebenarnya bukan 5.5%.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Saya hendak sebut Koperasi Permodalan Melayu Johor ini, 10% dividen, 10% bonus setelah ditolak zakat.

**Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Saya pun terlibat dalam industri kelapa sawit ini Yang Berhormat dan barangkali Koperasi Permodalan Melayu Johor ini satu kes yang istimewa agaknya. Tetapi rata-rata, tidak ada syarikat yang mampu membayar dividen sebanyak itu. Syarikat-syarikat awam yang disenaraikan di Pasaran Saham Kuala Lumpur, ada yang 100% terlibat dalam industri kelapa sawit hanya mampu membayar setakat 2.5% setelah ditolak cukai. Jadi, 5.5% campur 2% lagi untuk zakat, saya rasa ini satu dividen yang baik.

Tetapi kalau kita hendak melihat dari perspektif yang kita hendak tengok kelemahan memang banyak dan tidak semua pelaburan hari ini, apa juga yang

dibuat yang boleh menjamin kita mesti dapat keuntungan. Tidak adil Tuan Yang di-Pertua, kalau kita kata, "Okay, government mesti invest dalam industri ini, apabila untung kita puji kerajaan, apabila tidak untung, kita kata kerajaan tidak bagus". Kita kena lihat dari perspektif macam mana pengurusan dibuat, macam mana keputusan pelaburan dibuat dan tidak semestinya, barangkali keuntungan tidak masa kini. Mungkin keuntungan dalam masa dua tiga tahun lagi. Ada juga kita melihat sesuatu pelaburan itu bukan keuntungan dalam jangka masa satu dua tahun. Mungkin empat lima enam tahun. Jadi, kita kena ambil pengiraan-pengiraan begini sebelum kita boleh membuat sebarang andaian.

Saya ingin menyentuh tentang pembangunan sumber pembangunan tenaga manusia.

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah)  
***mempengerusikan Mesyuarat***]

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh perkembangan dalam sektor pembangunan sumber manusia. Salah satu daripada perancangan strategi di bawah Rancangan Jangka Panjang Ketiga ialah memperkukuhkan serta memperkembangkan sumber manusia. Ini adalah kerana keupayaan serta kemampuan Malaysia menerima serta menggunakan pengetahuan dan teknologi baru adalah bergantung kepada kualiti sumber manusianya. Oleh yang demikian, Malaysia hendaklah membentuk guna tenaga, dengan izin, *competence*, disiplin berkemahiran tinggi dengan sifat-sifat beretika, nilai moral yang tinggi serta beriltizam ke arah kecemerlangan.

Untuk menghadapi cabaran globalisasi, Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga telah menggariskan rakyat Malaysia mestilah mempunyai dasar pendidikan dan latihan yang padu dan memiliki kepelbagaian kemahiran termasuk keupayaan berkomunikasi dan berbahasa. Sehubungan dengan ini, saya ingin mengesyorkan kepada kerajaan supaya mengadakan program latihan semula atau, dengan izin *retraining* untuk semua pekerjaan baik di sektor swasta dan juga awam. Seperti yang dicadangkan dalam Rancangan Rangka Panjang Ketiga, pembangunan sumber manusia di Malaysia tidak boleh beroperasi dalam paradigma yang lama. Ini memerlukan penukaran set minda yang baru kerana set minda paradigma di alaf baru memerlukan guna tenaga bukan sahaja berkemahiran tinggi tetapi juga guna tenaga yang berpengetahuan atau dengan izin, *knowledge worker*.

Negara jiran kita Singapura, saya bukan hendak sebut Singapura ini semuanya yang berlaku di Singapura ini baik belaka, tetapi saya kira Tuan Yang di-Pertua saya sebut ini untuk membuka minda kita. Negara jiran kita Singapura misalnya telah mula berbelanja berjuta-juta ringgit untuk mempertingkatkan kualiti guna tenaga di republik itu. Mereka mengatakan terdapat beberapa kebaikan untuk syarikat menstrukturkan semula *on the job training* (OJT). Pertama, kebaikannya ialah membentuk guna tenaga yang terlatih. Kedua, keupayaan menerima kemahiran baru melalui teknologi baru dan permintaan dan dapat mengurangkan masa untuk dipasarkan.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, ya Yang Berhormat bagi Parit Sulong.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, sahabat saya tadi menyebutkan di dalam kita menyediakan sumber manusia di era baru ini kita harus mempunyai satu anjakan paradigma yang baru juga. Dalam hal ini anjakan paradigma harus menjelma di banyak tahap iaitu tahap latihan dan tahap bagaimanakah kita menilai medium latihan itu sendiri iaitu *mode of training*, dengan izin. Ada sekarang ini kerajaan mahu menubuhkan beberapa komuniti kolej dan hasratnya mungkin setiap kolej komuniti di setiap kawasan Parlimen. Apabila kita melihat peruntukan-peruntukan yang kita akan luluskan bahawa apabila masyarakat Malaysia ataupun pembikin dasar dan juga pelaksana dasar Malaysia melihat kepada latihan, mereka masih lagi mahu berpegang teguh kepada fahaman konvensional iaitu pusat latihan mesti secara fizikal, bukan pusat latihan secara *virtual*. Sedangkan latihan secara virtual ini adalah latihan yang hanya memerlukan perbelanjaan *one off* untuk membina infrastruktur, selepas itu adalah bagaimana kita mereka kita punya network.

Jadi, dalam hal ini adakah Yang Berhormat mahu mencadangkan kepada pihak kerajaan supaya kita melihat soal-soal pendidikan dan juga latihan ini menerusi infrastruktur-infrastruktur yang menggunakan teknologi baru iaitu infrastruktur virtual.

Satu lagi pertanyaan saya adalah adakah di dalam Yang Berhormat mahu mencadangkan retraining, dengan izin, terhadap tenaga kerja sektor awam dan sektor swasta. Adakah proses retraining itu juga mahu dilaksanakan secara konvensional iaitu secara kita bercuti ataupun meluangkan masa seminggu pergi

training pergi ke satu pusat yang khas di mana *constrainnya* memang ada, bermakna *limitationnya* memang ada, kalau hendak belajar satu class room hanya 50 orang ataupun Yang Berhormat mahu mencadangkan supaya proses retraining ini juga dijalankan secara e-learning iaitu menerusi satu falsafah e-learning yang amat luas sama ada dengan pemberian CD Rom yang boleh dilaksanakan secara fleksibel di rumah tanpa menjejaskan waktu pejabat dan tidak mengurangkan produktiviti ataupun dengan cara yang konvensional. Terima kasih.

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya kira itu satu pandangan yang amat bernas. Saya setuju dengan Yang Berhormat, bila kita sebut *retraining* ini bukan bererti kita mesti ada satu tempat, walau apa secara fizikalnya kita perlu tempat-tempat ini, tetapi konsep training terkini ataupun cara training terkini seperti yang disebut oleh Yang Berhormat e-learning dengan tidak mengambil masa yang banyak untuk bercuti dan sebagainya. Saya kira itu merupakan satu daripada aspek *retraining* yang penting sekarang ini. Saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat supaya kerajaan melihat arah ini untuk mengadakan *retraining* ini bukanlah bererti mesti 200 orang mengambil cuti pergi ke satu dewan, ada seminar dan sebagainya.

Kita tidak lagi melihat dari segi konvensional begitu, saya ingat *retraining* ini meliputi e-learning di pejabat, di rumah tetapi mesti meliputi keseluruhan masyarakat. Terlanjur dengan cadangan daripada Yang Berhormat saya sebut tadi di Singapura, di Singapura di panggil OJT 21 ataupun *on job training* di mana ia melibatkan 500,00 pekerja di Singapura dan *retraining* ini sama yang disebut oleh Yang Berhormat ini ia tidak merupakan 500,00 orang pekerja. Dia ini akan pergi ke satu dewan menerima latihan-latihan yang spesifik, tidak, tetapi latihan-latihan ini dibuat secara visual, melalui e-learning dan sebagainya.

Saya kira kalau Singapura boleh berbangga dengan keupayaan guna tenaganya yang efisien, fleksibel dan berkelayakan, kualiti yang boleh menjamin pelaburan di pulau Singapura, Malaysia juga saya kira mestilah merancang guna tenaga yang sedemikian rupa supaya pelaburan di luar negara akan terjamin. Saya gembira apabila kerajaan mengumumkan akan membina kolej komuniti di setiap kawasan Parlimen. Ini saya kira satu permulaan kepada usaha kita untuk mengadakan *retraining* kepada rakyat kita. Sehubungan dengan perkara itu Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mencadangkan badan seperti Pusat Daya Pengeluaran Negara (MPC) dan lain-lain pusat seumpamanya memainkan peranan

yang penting dalam menentukan guna tenaga negara ini menerima latihan semula serta kemahiran yang dikaitkan dengan k-ekonomi dengan e-learning supaya mereka dapat bersaing serta sentiasa berkemahiran dan berpengetahuan. Oleh yang demikian, strategi perancangan pusat-pusat PDPN dan lain-lain itu hendaklah di dalam paradigma masa kini.

Yang terakhir Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang pendidikan. Dalam Rancangan Jangka Panjang Ketiga telah mencadangkan supaya sistem pendidikan negara perlu diorientasikan semula seiringan dengan k-ekonomi dan latihan perlu diubah, dan industri mestilah secara intensif melatih semula pekerja-pekerja supaya dapat mempertingkatkan pengetahuan, kemahiran serta kreativiti setanding dengan kemajuan teknologi di dalam sektor pengeluaran dan juga perkhidmatan. Ini bermakna guna tenaga di peringkat institusi pengajian tinggi adalah amat penting kerana ia adalah merupakan, dengan izin, *critical drive* kepada ekonomi yang berdasarkan pengetahuan. Peratusan guna tenaga di Malaysia yang mendapat pendidikan tinggi masih lagi rendah, iaitu kira-kira 13.9% sahaja dan *enrollment* di peringkat universiti juga adalah rendah jika dibandingkan dengan kebanyakan negara-negara Newly Industrialise Economy (NIE) seperti Korea misalnya. Korea 48% dia punya *enrollment* di peringkat universiti, Singapura - 38%, Australia - 42%.

Dalam tahun 1993 umpamanya Malaysia hanyalah 25% sahaja *enrollment* di peringkat universiti jika dibandingkan dengan negara-negara NIE yang lain. Selain daripada perkara di atas apa yang berlaku kini ialah pencapaian *enrollment* di institut pengajian tinggi untuk kursus-kursus di peringkat sarjana muda adalah lebih kepada kursus-kursus sastera, bukannya sains. Walaupun kita tahu kursus sastera itu juga adalah penting dalam konteks ekonomi berdasarkan pengetahuan, tetapi untuk membentuk guna tenaga saintifik dan teknikal *enrollment* yang tinggi di bidang sains dan teknologi diperlukan. Jika dilihat di bidang sains dan teknologi umpamanya hanyalah 31% sahaja berbanding dalam jumlah besar *enrollment* dalam tahun 1999.

Antara sebabnya ialah terdapat *enrollment* aliran sains yang rendah di sekolah menengah iaitu 25.7% sahaja daripada jumlah besar pelajar menengah pada tahun 1998, satu angka yang di bawah target OPP2. Dalam OPP2 ratio kita ialah untuk mendapatkan 60 kepada 40 pelajar sains kepada sastera. Saya kira ini satu cabaran dalam OPP3 yang kita mesti perbaiki peratus ini. Kalau tidak kita tidak



akan dapat melahirkan pekerja-pekerja yang mahir ataupun *skill workers* saya dalam negara ini.

Saya ingin mencadangkan supaya universiti-universiti awam mestilah terus menambahkan kemasukan pelajar di bidang sains dan teknologi serta menggalakkan masyarakat muda Malaysia cenderung ke arah aliran sains dan teknologi. Keadaan ini adalah kritikal memandangkan hasrat kita untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju dan dinamik. Insentif-insentif seperti pemberian biasiswa yang tinggi, penstrukturan semula universiti-universiti tempatan ke arah pengkhususan di bidang sains dan teknologi serta mengkaji sistem pendidikan yang sedia ada adalah di antara cadangan-cadangan yang boleh dimajukan kepada kerajaan. Universiti-universiti dan pusat-pusat pengajian tinggi juga harus dilihat bukan sahaja sebagai tempat pengeluaran guna tenaga yang berkemahiran serta berpengetahuan seiring dengan keekonomi tetapi juga sebagai pusat-pusat untuk membentuk dan mencipta modal intelektual dan ilmu-ilmu yang baru. Tuan Yang di-Pertua, semoga kita akan berjaya mencapai cita-cita ini.

Saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Saya beri Ipoh Timur.

**4.11 ptg.**

**Tuan Thong Fah Chong [Ipoh Timur]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga, mulai 2001 – 2010. Saya ingin menyentuh beberapa perkara mengenai corak masyarakat yang penyayang dan tolak ansur.

Tuan Yang di-Pertua, negara Malaysia yang maju dan makmur hanya boleh dicapai sekiranya rakyat terus berusaha menyumbang daripada segi ekonomi dan sosial dalam keadaan yang tenang dan aman. Oleh yang demikian, adalah menjadi lebih penting bagi negara kita mencorakkan satu rakyat Malaysia yang bersatu-padu, toleransi, harmoni, penyayang dan saling hormat menghormati. Oleh yang demikian, peranan institusi sosial dan NGO mesti dikukuhkan dan dilatih untuk mempertingkatkan taraf sosial negara ini ke tahap mencipta satu masyarakat yang penyayang dan tolak ansur serta menekankan kekeluargaan dan mementingkan perkhidmatan sosial, prihatin terhadap kebajikan masyarakat dan sesama manusia serta bertimbang rasa.

Untuk tujuan itu, saya ingin mencadangkan kepada kerajaan supaya mengubah rang undang-undang yang mewajibkan anak menjaga kebajikan dan menampung kehidupan ibu bapa masing-masing setelah mereka mendapat kerja.

Dalam dekad yang serba mencabar ini adalah menjadi kebiasaan kita dengan anak mengabaikan ibu atau bapa kerana tidak mahu memikul beban kewangan atau masa untuk menjaga warga tua. Kemudian ibu atau bapa ditinggalkan di rumah usang atau rumah orang tua di bawah jagaan dan tanggungan jabatan kebajikan tempatan. Saya percaya perkara seperti ini tidak harus berlaku dan tanggungjawab sosial mesti diwajibkan. Dengan izin, legal obligation ini akan memastikan kebahagiaan dan kebajikan warga tua dijamin dan melatih anak memberi perhatian secukupnya kepada para ibu bapa yang telah bersusah payah membesarkan mereka.

Contohnya, kerajaan sepatutnya diberi kuasa untuk memotong caruman KWSP pekerja yang tidak menjaga dan menampung kehidupan ibu bapa. Ini dapat memastikan warga tua di negara ini dapat meneruskan kehidupan normal dan selesa. Cadangan ini dibuat kerana kerajaan tidak mampu melaksanakan, dengan izin, welfare state seperti di negara lain dan ia adalah lebih munasabah dan patut bagi kewajipan anak-anak menjaga ibu bapa dan bukannya membiarkan kerajaan memikul beban ini.

Tuan Yang di-Pertua, jika rang undang-undang ini digubal dan dikuatkuasakan, semua pihak akan mendapat manfaat kerana setiap orang menjadi tua dan memerlukan jagaan generasi muda. Ini seterusnya melatih se tiap orang mengubah cara hidup untuk memikul tanggungjawab yang mulia ini. Lama-kelamaan satu masyarakat Malaysia yang toleran, penyayang dan menjadi kebiasaan generasi muda menghormati dan menghargai jasa warga tua akan diwujudkan.

Selain rang undang-undang ini, saya juga ingin mencadangkan supaya satu tribunal khas ditubuhkan bagi memastikan kepentingan warga tua dan kurang upaya sentiasa terjaga. Tribunal ini diberi kuasa memotong gaji atau KWSP pekerja yang didapati mengabaikan ibu bapa bagi menampung kehidupan kedua-dua orang tua mereka. Tribunal ini akan berfungsi sebagai, dengan izin, arbitrator kepada kerajaan.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan rasa senang hati dengan nilai masyarakat Melayu yang mementingkan jalinan rapat antara ahli

keluarga serta hubungan rapat anak-anak muda dengan generasi-generasi yang tua. Ini adalah satu nilai yang perlu dicontohi oleh semua pihak. Dalam keghairahan mengejar kekayaan marilah kita sedar bahawa mereka yang mendidik dan membimbing kita sampai ke hari ini tidak harus diabaikan dan mereka berhak meneruskan hidup dengan selesa dan bahagia .

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membawa perhatian Dewan yang mulia ini mengenai imbalan pembayaran negara ini berhubung dengan tambang dan insurans, dengan izin, freight and insurance dan dengan izin, invincible capital out-flow. Pada tahun 1990 negara kita mengalami defisit imbalan pembayaran sebanyak RM3.8 bilion dan pada tahun 2000 defisit ini bertambah sehingga RM12.9 bilion . Mengikut RRJP3 jumlah defisit ini dijangka akan mencecah sebanyak RM20.1 bilion. Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh kerajaan untuk mengurangkan jumlah defisit ini dari segi tambang dan insurans, dengan izin, freight and insurance.

Adakah kerajaan mengarahkan atau menyediakan insentif dan peluang bagi syarikat-syarikat freight and insurance tempatan untuk mengurangkan defisit dan dengan izin, invincible out-flow. Dengan segera mengurangkan tambang dan insurans akan dapat memperbaiki imbalan bayaran negara kita.

Saya juga hendak menyentuh secara meluas dan mendalam mengenai pasaran modal.

Tuan Yang di-Pertua, krisis kewangan pada tahun 1997-1998 adalah satu pengajaran yang penting bagi negara kita dan kerajaan bercadang untuk mengambil inisiatif dan mempelbagaikan sumber pembiayaan kewangan. Oleh yang demikian, peranan sekuriti hutang swasta (private debt securities) harus dikukuhkan untuk menarik minat pelabur tempatan, runcit atau asing. Ini adalah kerana pasaran modal yang cekap dapat menyokong keperluan modal dan pelaburan negara.

Untuk memantapkan lagi sektor pasaran modal, saya mencadangkan supaya, dengan izin, *tax losses* hasil pelaburan dalam sektor ini dibenarkan dipotong dari pendapatan persendirian. Ini maksudnya, di mana jumlah tidak melebihi jumlah pendapatan tersebut bagi menggalakkan pelaburan sedemikian di kalangan rakyat. Langkah ini juga akan menunjukkan komitmen kerajaan untuk membangunkan pasaran modal dan menggalakkan pelaburan serta perbelanjaan yang dapat merangsangkan ekonomi yang semakin lembap ini.

Sebagai seorang bekas ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, saya hendak beri pandangan mengenai sektor awam bertaraf dunia. Tuan Yang di-Pertua, demi mencapai status negara maju dan mencorak pentadbiran yang mampu menyokong pertumbuhan ekonomi yang pesat, kerajaan perlu memantapkan sektor awam supaya ia berfungsi dengan lebih efisien dan menyumbang kepada keperluan sektor swasta. Ini dapat membantu usaha menghasilkan kekayaan, *that is the well creation*, dan seterusnya memastikan peningkatan taraf dan kualiti hidup masyarakat.

Sektor awam dan badan-badan kerajaan harus mempunyai budaya kerja yang profesional dan efisien sepadan dengan sektor swasta bagi mengurangkan birokrasi dan kerja pelapis yang sering dialami sekarang. Kawalan dan pemantauan harus dibuat untuk memastikan prosedur yang menyebabkan akan dihapuskan sama sekali. Selain itu, kakitangan sektor awam juga harus diberi latihan dan kesedaran mengenai sikap kerja yang positif, dedikasi dan sentiasa menekankan kualiti kerja atau perkhidmatan yang diberi.

Pengubahsuaian ke atas sektor awam akan dapat meningkatkan daya saing negara kita setelah pembukaan pasaran di bawah WTO kelak. Ini adalah kerana kecekapan dan mekanisasi sektor awam adalah salah satu aspek yang dipertimbangkan oleh pelabur asing sebelum membuat pelaburan. Penyelarasan dan penggunaan ICT dengan lebih meluas di sektor awam adalah digalakkan.

Selain itu, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merayu kepada kerajaan untuk menambah komposisi kaum di sektor awam. Langkah ini bukan sahaja dapat memberikan peluang kepada kaum lain menyumbang kepada kerajaan dan negara, ia juga akan dapat menggerakkan hubungan kerja di antara semua kaum.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mengakhiri pembahasan saya dan menyokong Usul Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga. Sekian, terima kasih.

*[Beberapa orang ahli bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Semua ketiga-tiga ini sudah bercakap semasa Titah Ucapan tetapi tidak ada lain yang hendak bercakap, ada empat orang, saya beri Kemaman dahulu.

**4.25 ptg.**

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof [Kemaman]:** Okay, terima kasih. *Relax* ya.  
*[Ditujukan kepada Yang Berhormat bagi Kinabatangan] [Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, ya. Kinabatangan dekat sangat dengan Ipoh Timur.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Terima kasih di atas peluang yang diberikan untuk membahaskan usul yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pagi ini. Sebelum saya mulakan, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Timbalan Menteri Kewangan, di atas jawapan yang diberikan pada 29 Mac 2001 bahawa hutang kerajaan telah meningkat ke RM165 bilion.

Apabila saya menyatakan bahawa hutang negara sudah mencecah atau melebihi satu trilion ringgit, saya hanya mengambil kira hutang kerajaan sehingga September 2000 berjumlah RM123.7 bilion dan hutang sektor awam dan swasta berjumlah RM782.5 bilion. Ini bermakna hutang kerajaan meningkat sebanyak RM41.3 bilion atau 33.4% dalam masa lima bulan. Sekiranya hutang kerajaan sudah meningkat 33.4%, ini bermakna sektor awam dan swasta pun meningkat begitu ketara juga. Ini mengesahkan lagi bahawa hutang negara sudah melampaui RM1 trilion.

Pendedahan Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan bahawa kerajaan akan mengeluarkan bon sebanyak RM5.5 bilion untuk menyelamatkan syarikat pengendali sistem LRT dan STAR, sebuah sistem pengangkutan impian negara, menguatkan lagi kebimbangan saya penggunaan bon untuk membiayai keperluan kewangan negara.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini laporan Mackenzie and Company, penasihat dan perunding kerajaan untuk Projek Multimedia Super Corridor telah membentangkan mengenai kedudukan mutakhir MSC. Menurut laporan tersebut, kedudukan MSC tidak menggalakkan dan kerajaan terpaksa menyediakan lebih banyak infrastruktur kegunaan teknologi maklumat untuk memberangsangkan pertumbuhan MSC. Secara kasarnya, apa yang hendak diperkatakan oleh laporan tersebut ialah projek MSC di Malaysia menempuh kegagalan, dan Malaysia mesti keluarkan lebih banyak wang lagi untuk menjayakan projek impian Perdana Menteri ini.

Ini adalah amaran terakhir untuk kerajaan menilai semula projek impian yang telah menelan belanja lebih RM40 bilion. Berapa banyak lagi wang rakyat akan dicurahkan sebelum menempuh kegagalan mutlak? Apabila kami memberi peringatan, kami dituduh tidak *futuristic* tetapi apa yang kami suarakan ialah cara pelaksanaan projek ini serta kesesuaian dan keperluan kerana ia melibatkan

kegunaan wang rakyat yang begitu besar. Sekarang penasihat kerajaan yang telah mengesahkan kebimbangan kami.

Di antara *ingredient* untuk menjadikan sebuah negara yang bertaraf first class, world class dalam MSC ini ialah, dengan izin, negara perlu ada *tireless innovation, constant change, robbers financial, out-standing leadership, impeccable integrity, higher the super smart and the talented, distinctive personality, operational excellent, alignment resources, unit marketing, knowledge base dominant, have a global or star team, take no prisoners philosophy, a winning culture, build to last, tenacy and it must be in the DNA*. Inilah kretaria-kretaria yang diperlukan tetapi apa yang berlaku di Malaysia hari ini pembangunan MSC hanyalah kebanyakannya melibatkan pembangunan hartanah sahaja.

Bill Gate mengakui sekiranya sesiapa mengambil 20 pekerja terbaik di dalam *Microsoft*, maka *Microsoft* akan menjadi sebuah syarikat yang tidak penting lagi. Inilah sebenarnya pembangunan MSC, sebenarnya ialah pembangunan manusia, bukannya pembangunan infrastruktur.

Saya minta satu kertas putih dibentangkan di Parlimen ini untuk membuat penentuan, sama ada kerajaan harus me neruskan atau membuat pengubahsuaian atau tinggalkan sahaja projek impian ini. Kita tidak mahu tragedi PERWAJA berulang lagi di mana kerajaan terpaksa menanggung kerugian lebih daripada RM10 bilion dan terus menanggung berbilion ringgit lagi setiap tahun untuk penerusan operasinya.

Kerajaan telah memberi beberapa galakan untuk memperluas kegunaan teknologi maklumat seperti pengkomputeran sistem hospital bernilai RM1 bilion. Apa yang mengejutkan ialah konsesi atau tender ini diberikan kepada syarikat yang baru ditubuhkan dan tidak mempunyai pengalaman atau *track record*, dengan izin, mengendalikan sistem pengkomputeran hospital. Malah sistem ini juga tidak pernah dilaksanakan di mana-mana negara dalam dunia termasuk Amerika Syarikat dan Eropah. Bagaimana kita boleh membuat perbandingan sama ada tawaran harga yang dibuat berpatutan atau tidak sedangkan kerajaan tidak mempunyai kayu ukur untuk membuat perbandingan.

Yang mengejutkan lagi ialah pendedahan yang dibuat oleh Yang Berhormat bagi Kuala Kedah bahawa syarikat yang mendapat konsesi ini ialah Solution Protoco Sendirian Berhad yang dimiliki oleh Josephine, salah seorang isteri Menteri Kewangan kita. Kerajaan juga cuba menggalakkan penggunaan teknologi maklumat

oleh pasukan angkatan tentera. Satu kontrak bernilai RM600 juta telah diberikan kepada sebuah syarikat untuk melaksanakan sistem 3CI iaitu *computer, communication, command and information*.

Hari ini sistem ini tidak dapat berfungsi dengan baik kerana syarikat yang mendapat kontrak ini tidak mempunyai kompetensi untuk mengendalikan Sistem 3CI yang diperlukan oleh Angkatan Tentera dan terpaksa ditinggalkan kerana kegagalan melaksanakan Sistem 3CI ini Angkatan Tentera memerlukan sistem yang lebih canggih pula iaitu Sistem 4CI pula.

Keperluan Angkatan Tentera meningkatkan keupayaan mereka amat digalakkan tetapi pelaksanaannya dipersoalkan. Kali ini syarikat mana pula yang akan dipilih oleh kerajaan atau kerajaan sudah mempunyai syarikat pilihan untuk diberikan kontrak. Berapa jumlah yang diperlukan untuk pelaksanaan Sistem 4CI ini?

Kerajaan juga menggalakkan pembelian komputer oleh masyarakat melalui kemudahan pengeluaran wang KWSP tetapi mereka hanya boleh membelinya melalui syarikat-syarikat tertentu sahaja yang mana pihak-pihak tertentu disyaki mempunyai kepentingan dengan harga yang lebih mahal dari di luar. Hanya setelah rakyat mempersoalkan kaedah ini, maka beberapa syarikat lagi dibenarkan disenaraikan oleh KWSP. Kalau beginilah cara kerajaan melaksanakan penggunaan teknologi maklumat, jangan mimpikan kerajaan dapat menjayakan ataupun melaksanakan MSC ini dengan jayanya. MSC hanya digunakan 'kuda tunggangan' oleh kroni .....

**Tuan Lim Hock Seng:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, ada yang berdiri Yang Berhormat. Bagan ya.

**Tuan Lim Hock Seng:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan teknologi maklumat, apa yang ada di hadapan meja kita ini? Sudah dua tahun, tiga tahun masih sampai sekarang tekan butang yang mana pun tidak boleh berfungsi. Adakah ini juga satu perbelanjaan yang membazirkan seperti yang disebutkan oleh Yang Berhorma? Sila membuat sedikit komen berkenaan dengan perkara ini.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Terima kasih. Saya pun hairan juga. Ahli-ahli Parlimen ini berdegap-degap cakap pasal globalisasi, pasal teknologi maklumat dan sebagainya tetapi peruntukan-peruntukan untuk kegunaan oleh Ahli-ahli

Parlimen ini banyak ketinggalan. Kita lebih banyak ketinggalan dan banyak kontrak ataupun kemudahan-kemudahan yang diberi ini kadang-kadang *out-of-date*. Terima kasih.

MSC hanya digunakan .....

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, ada yang berdiri lagi Yang Berhormat. Rantau Panjang.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** Terima kasih. Saya hendak tanya Yang Berhormat ini, Yang Berhormat cakap fakta-fakta dan pendedahan demi pendedahan diberi kepada kita semua. Apa tujuan Yang Berhormat dedahkan ini, adakah untuk didengar oleh beberapa orang pemimpin dalam UMNO ini ataupun untuk diambil tindakan oleh pegawai-pegawai yang sepatutnya bertindak di atas penyelewengan yang berlaku oleh beberapa orang pemimpin ini ataupun untuk seluruh rakyat mendengar atau mengetahui perkara ini. Sebab mungkin ucapan Yang Berhormat ini tidak ditulis oleh media massa ini kerana ucapan Yang Berhormat itu mengkritik kerajaan. Apa tujuan sebenarnya?

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Terima kasih, persoalan tersebut saya sudah untkitkan dalam ucapan saya yang lepas. Saya bertanya apa status ucapan, persoalan, perbahasan yang dilakukan di dalam Parlimen ini kepada BPR, sama ada mereka akan bertindak atau tidak di atas pembongkaran daripada penyelewengan dan salah guna kuasa oleh Ahli-ahli Parlimen. Tetapi hingga hari ini saya belum ada jawapan lagi. Terima kasih.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** [*Bangun*]

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** MSC hanya dijadikan 'kuda tunggangan' oleh kroni kepimpinan negara untuk mengaut keuntungan.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ada yang berdiri Yang Berhormat. Kubang Kerian....

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** ...sekejap ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** ...nanti sekejap ya.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** ...dari wang peruntukan untuk projek MSC. Sila.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sila.



**Tuan Husam bin Haji Musa:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat penjelasan juga tentang teknologi ICT.

Baru-baru ini ataupun tiga, empat hari yang lepas ada seorang perempuan telah membuat aduan bahawa beliau telah menjadi mangsa dari segi teknologi maklumat iaitu gambar *super impose* nya telah dimasukkan ke dalam, diposkan ke e-mail, e-mail banyak pihak dalam negara kita. Sehingga hari ini tindakan tidak diambil oleh pihak berkuasa terhadap penyalahgunaan teknologi ini. Boleh Yang Berhormat berikan sedikit ulasan terhadap perkara ini?

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Terima kasih, Yang Berhormat. Saya ingat perkara ini telah dibawa kepada Biro Kompelin MCA dan kita harap kerajaan dapat bertindak di atas penyalahgunaan untuk memalukan ataupun memfitnah mereka yang membuat *super impose* gambar-gambar di dalam Internet ini. Saya minta supaya kerajaan mengambil tindakan yang tegas, apatah lagi ia melibatkan maruah seseorang.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menutup malu dan mengabui mata rakyat akan kemungkinan projek ini gagal, kerajaan melalui backdoor listing yang melibatkan pembelian Gadek Berhad oleh anak Syarikat Multimedia Development Corporation (MTEC) Sdn. Berhad akan digunakan untuk mengambil alih Pos Malaysia untuk menjana keperluan kewangan yang diperlukan untuk melaksanakan projek MSC ini. Apakah nasib Pos Malaysia? Sama ada mereka akan mengalami nasib yang sama seperti Petronas yang digunakan untuk *bailout* projek-projek dan syarikat-syarikat yang gagal.

Apa justifikasi restructuring ini dibuat? Apakah rakyat tidak akan dibebankan dengan kos yang meningkat akibat daripada restructuring yang melibatkan Pos Malaysia ini seperti mana Indah Water Konsortium atau Jabatan Bekalan Air lakukan apabila diswastakan.

Tuan Yang di-Pertua, pada bulan lepas satu acara impian negara Kejohanan Litar Formula 1 diadakan di Sepang. Kerajaan serta sektor awam dan swasta membelanjakan ratusan juta ringgit untuk menjayakan acara impian ini. Hasilnya amat menghamburkan. Tiket-tiket hanya mampu dijual tidak sampai 30% sahaja. Hotel-hotel serta kemudahan dan persiapan lainnya terbengkalai kerana tidak ada sambutan. Pulangan secara tidak langsung yang diharapkan tidak tercapai. Sektor awam seperti Petronas, TV3 dan sebagainya mengalami kerugian yang besar.

Apatah lagi sektor swasta seperti hotel-hotel, pengiklan, penyelia dan sebagainya mengalami nasib yang lebih buruk lagi.

Yang memalangkan lagi acara ini ialah Perdana Menteri kita mengalih awan berlebihan ke kawasan perlumbaan sehingga menyebabkan hujan lebat di akhir-akhir perlumbaan seperti mana yang dilaporkan oleh media perdana baru-baru ini.....

**Tuan Husam bin Haji Musa:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ada yang berdiri Yang Berhormat. Hendak beri?

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Yang Berhormat, Yang Berhormat adakah Yang Berhormat sedar bahawa Perdana Menteri secara peribadi telah menulis surat kepada syarikat-syarikat swasta meminta mereka membeli tiket-tiket *[Yang Berhormat bagi Rompin berjalan masuk ke dalam Dewan]* - Rompin masuk alhamdulillah, baru bangun.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Yang Berhormat ya.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Tiket-tiket Formula One ini dan mereka telah terpaksa atas arahan Perdana Menteri menulis surat rasmi, sampai ada satu tiket RM16,000 dan satu syarikat kena beli empat tiket. Ini cukup membebankan.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Terima kasih, itulah caranya UMNO buat kerja. Apa-apa pun dia suruh syarikat-syarikat sponsor untuk apa-apa kegiatan untuk meningkatkan imej Perdana Menteri itu, itulah yang dilakukan.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Sri Gading berdiri. Hendak beri jalan?

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Ya, beri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, sila.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Terima kasih. Membangunkan negara bukan sesuatu yang mudah. Membawa negara untuk bersaing di peringkat dunia juga bukan suatu yang mudah. Kita perlu merencanakan pelbagai, pembangunan fizikal, pembangunan-pembangunan keilmuan, pembangunan-pembangunan kemanusiaan yang menjurus kepada memberikan kejayaan kepada negara. Sampai bila saya hendak bertanya Yang Berhormat, parti pembangkang membawa isu lapuk ini. Soal-soal membawa pembaharuan pembangunan dalam negara mesti dikritik.

Macam Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kata, “*Dahulu buat jambatan Pulau Pinang dikritik, lebu raya dikritik, Proton dikritik. Hari ini Menara Kembar dikritik, buat Putrajaya dikritik.*” Apakah parti pembangkang sumbangannya untuk memajukan negara hanya hendak mengelirukan rakyat dengan pembangunan-pembangunan yang sepatutnya kita lakukan bagi memapankan kemajuan rakyat dan untuk kepentingan negara. Sampai bila isu yang seperti ini, isu pembangunan diputarbelitkan seolah-olah sebagai satu musuh kepada pembangunan dan kemajuan negara.

Saya minta sedikit penjelasan secara ikhlas, jujur dan saksama. Terima kasih.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Terima kasih. Kenapa saya ungitkan isu ini ialah kerana Malaysian Airport Berhad mengalami masalah dan perlu diminta supaya diambil alih oleh syarikat lain pula untuk menaja Formula One ini. Inilah kenapa saya ungit kerana membawa isu yang telah dibangkitkan oleh Malaysian Airport di atas masalah-masalah kewangan yang mereka hadapi akibat daripada penajaan syarikat ini. Ini syarikat yang dimiliki oleh kerajaan.

Saya bukan ungitkan kerana hendak kritik tetapi membawa masalah mereka supaya diperbahaskan di dalam Parlimen ini. *[Tepuk]*

**Tuan Robert Lau Hoi Chew:** *[Bangun]*

**Tuan Saupi bin Daud:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, ada dua orang berdiri, Sibul dengan Tanah Merah. Hendak beri mana? Sibul? Tanah Merah?

**Tuan Robert Lau Hoi Chew:** Sibul?

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Tanah Merah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ha, ha.

**Tuan Saupi bin Daud:** Jiran, jiran.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Kena beri dekat itu.

**Tuan Saupi bin Daud:** Terima kasih, Yang Berhormat bagi Kemaman tadi ada menyentuh bahawa semasa pertandingan *Formula 1* di Sepang, Perdana Menteri telah mengatakan bahawa dia telah memanggil awan sehingga berlaku hujan lebat dan kita lihat tetapi Perdana Menteri selalu di dalam bab-bab begini, dia selalu mengatakan bahawa pemimpin-pemimpin PAS serta pemimpin-pemimpin

dalam BA selalu menggunakan isu agama untuk menyelewengkan dan merosakkan akidah umat Islam di negara ini.

Jadi, pemimpin UMNO termasuklah Perdana Menteri sendiri yang telah mempersendakan saya rasalah, kuasa Tuhan ini dan banyak kali kita dengar apa yang diperkatakan oleh...

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *[Menyampuk]*

**Tuan Saupi bin Daud:** Siapa yang menyokong ini, dia pun sama juga, macam Rompin juga.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Yang Berhormat.

**Tuan Saupi bin Daud:** Cuma saya hendak bertanya, apakah cadangan Yang Berhormat terhadap kalaulah pemimpin yang mempersendakan perkara-perkara ini, tindakan, umpamanya di bawah ajaran sesatkah, di bawah mengamalkan ajaran salahkah dan sebagainya.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Terima kasih, kalau sesiapa mempercayai kata-kata Perdana Menteri ini mungkin dia jatuh syirik tetapi alhamdulillah, rakyat tidak mempercayai kata-kata Perdana Menteri, jadi rakyat selamat, insya-Allah. *[Tepuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ada tiga orang yang berdiri Yang Berhormat. Yang mana hendak beri?

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Sibunya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia beri Sibunya.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Tentang tuduhan kepada Perdana Menteri ini ....

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Point of order Tuan Yang di-Pertua. Point of order 36(6). Sangkaan jahat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Tak adil.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Nanti, nanti dahulu.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Ini sangkaan jahat ini.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Mengeluarkan syirik dan sebagainya,

**Tuan Robert Lau Hoi Chew:** Dia beri peluang kepada saya.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Jangan kita tuduh sembarangan.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Point of order Tuan Yang di-Pertua. 36(6).

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Point of order, point of order ya, 36(6)

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Sangkaan jahat, tidak bagus. Kita orang Islam. Kita orang Islam bercakap depan orang bukan Islam, ini satu tuduhan yang berat, syirik, ajaran sesat. Tidak bagus!

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, ya.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Minta maaf, ini dilaporkan di dalam *Berita Harian*.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Tidak, tidak, ini tadi. Satu tuduhan tak bagus. Kita sebagai orang Islam.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Yang Berhormat. Duduk, duduk, Tanah Merah duduk. Sibu pun duduk dahulu.

**Tuan Robert Lau Hoi Chew:** Okay.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Sebagai orang Islam, kita ada nilai budi budaya kita.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Duduk, duduk, saya tahu.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Mintalah Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, saya .... Ya Tanah Merah duduklah dahulu. Apa yang berdiri ini? Memanglah ....

**Tuan Robert Lau Hoi Chew:** Okay Yang Berhormat beri laluan kepada saya. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Kemaman duduk dahulu. Saya ingat kalau buat-buat tuduhan begitu, kita tolonglah, jangan mengikut perasaanlah. Sebab kadang kala kita menyentuh perasaan orang ramai. Ya, ya, jadi beri kepada Sibu. Sila Sibu.

**Tuan Robert Lau Hoi Chew:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya duduk di sini, saya memang bersetuju dengan rakan saya, apakah saya di tengah jalan memikirkan apa dibuat oleh Kerajaan Barisan Nasional. Projek-projek yang tertentu tetapi sekarang saya mahu bertanya Yang Berhormat dari Kemaman,

adakah satu dasar atau polisi alternatif yang lebih baik daripada Barisan Nasional, saya belum mendengar sampai sekarang, adakah? Adakah?

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Dengar ucapan saya sekejap lagi, insya-Allah saya akan beri cadangan, saya bukan kritik sahaja tetapi saya akan juga beri cadangan. Sekejap ya, saya perhabiskan ucapan saya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ha, dia hendak bercakap lagi Yang Berhormat.

**Tuan Robert Lau Hoi Chew:** Sila beri contoh. Sila beri contoh ya Yang Berhormat beritahu.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Beri kita kuasa dahulu, kita tahulah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, teruskan Yang Berhormat.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Okay.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Larut.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Terima kasih, terima kasih Yang Berhormat bagi Kemaman. Tadi Yang Berhormat ada mengatakan bahawa kami dalam Barisan Nasional ini menyalahgunakan kuasa, buat macam-macam yang tak kenalah sedangkan pada pagi tadi, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengatakan bahawa Jeli pun dapat habuan ya. Cuma saya hendak bertanya, kroni-kroni bekas Timbalan Perdana Menteri yang sudah kenyang ini, di mana mereka sekarang, di luar negara di mana sekarang, tolong beri penjelasan sedikit ya. Apa mereka buat sekarang ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Daripada berita yang saya dengar bahawa Timbalan Perdana Menteri ada duit RM3 bilion, macam-macam penyiasatan akan dibuat sehingga hari ini tidak ada penyiasatan tetapi pelbagai tuduhan yang telah dibuatkan terhadap bekas Timbalan Perdana Menteri ini tetapi hari ini tidak ada pun action ataupun tindakan diambil sedangkan pelbagai laporan yang dibuat oleh kami tidak ada tindakan. Laporan oleh ADUN Berserah terhadap Menteri Penerangan, tidak ada action, dia masih menjadi Menteri Penerangan sedangkan orang lain terpaksa resign dahulu dan sebagainya.

Ini adalah cara pelaksanaan terhadap sistem kehakiman kita, perundangan kita yang menjadi kewibawaan mereka dipersoalkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Terus, teruskan Yang Berhormat.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Okay, terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya berapa jumlah sebenar ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Larut berdiri lagi Yang Berhormat, hendak beri jalan?

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Cukuplah dahulu. Sekejap lagi, bila habis isu ini, isu lain pula.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ha, ya.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Saya hendak tahu berapa jumlah sebenar negara berbelanja untuk menaja acara ini. Difahamkan Malaysian Airport Berhad tidak lagi sanggup menganjurkannya kerana beban kerugian setiap tahun apabila perlumbaan ini dipersembahkan. Bagaimana kerajaan akan menyelamatkan Malaysian Airport Berhad dan kepada siapa pula akan dibebankan akan projek ini.

Saya harap Petronas tidak digunakan lagi. Biarlah Petronas menumpukan kegiatan mereka dalam perindustrian petroleum, petro kimia dan gas sahaja. Jangan diperah susu lembu yang sihat sehingga kekeringan, tinggallah sedikit untuk dinikmati oleh generasi yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, Perdana Menteri kita amat berbangga dengan pembinaan kota impian Putrajaya. Kota yang diberi nama jolokan kota pintar di bawah sinaran cahaya, projek yang diperuntukkan perbelanjaan pembangunan sehingga RM22 bilion ini akan diawasi pula oleh beliau dari atas sana apabila meninggal nanti seperti mana yang dinyatakan semasa menobatkan Putrajaya sebagai Wilayah Persekutuan.

Baru-baru ini bangunan kompleks kerajaan di Putrajaya mengalami keretakan sehingga pejabat Ketua Setiausaha Negara terpaksa dikosongkan selama dua bulan untuk kerja-kerja baik pulih. Bagaimana sebuah projek mewah yang menelan belanja berbilion ringgit boleh retak sedangkan ia diawasi sendiri oleh Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, begitu jugalah projek-projek impian bangunan tertinggi di dunia, KLCC yang menelan belanja RM4.5 bilion, tidak termasuk persiapan ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, ada tiga orang berdiri Yang Berhormat. Ya, Rompin, sila.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Saya nampak wakil rakyat bagi Kemaman ini, Yang Berhormat bila bercakap seinci bukan jadi satu kaki,

seinci jadi sebatu. Takkanlah setiap kali reka bentuk pun Perdana Menteri kena sign, bila Yang Berhormat tahu dalam perniagaan dalam petroleum dahulu, hendak pour konkrit, Perdana Menteri tengok, ya. Lepas itu hendak remove the foam boot hendak tengok, barulah kita awasi. Bermakna Yang Berhormat kalau kita hendak menegur itu kita mengikut kenyataanlah. Jangan sampai kita hubung kaitkan dengan sebab Yang Berhormat orang yang profesional, saya akur tetapi kita mestilah kepada hujah-hujah yang intelektuallah.

Kita di Dewan ini kita beri satu contoh bahawa hujah kita ini bernas, kita awasi perasaan kita sehingga kita ini dianggapkan macam orang atas jalan. Janganlah kita bawa argument perbahasan kita atas jalanan ini kita bawa dalam Dewan yang mulia ini, sebab saya rasa latar belakang Yang Berhormat ini orang intelektual, daripada pandangan Yang Berhormat kita tahu, ada kewarasan sebagai orang yang intelektual juga. *[Ketawa]*

Jadi, marilah kita menghormati Dewan dan sama-sama kita terus menghormati Yang Berhormatlah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, ya terima kasih.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Terima kasih di atas penghormatan yang diberikan, sebab apa, sebab dia kata, dia akan awasi daripada atas, jadi kalau masa dia ada di Putrajaya sudah retak, takut nanti bila sudah ada di atas nanti, macam mana. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua, begitu jugalah projek-projek impian ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sri Gading berdiri Yang Berhormat, hendak beri jalan?

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Sekejap ya, biar saya habis yang ini.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Soal awas dari atas ini...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Hendak beri atau tidak hendak beri?

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Saya kata, apa yang dia kata.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Saya minta jalan sedikit, minta jalan. Terima kasih sahabat saya, saya seronok dengan sahabat saya Kemaman ini. Perdana Menteri ini kadang-kadang, ada ungkapan-ungkapan dia sebagai bergurau. Yalah, dia ada dia punya *style*. Manusia ini ada *style* dia. Jadi kalau ungkapan yang berupa gurauan ini sudah kita ambil sebagai satu yang serius, kita akan hidup dalam



ketegangan, biar kita relaks, ada masa kita serius, ada masa kita relaks kerana hidup memang beraneka ragam.

Tentang Putrajaya, Yang Berhormat Timbalan Menteri Besar Kelantan memuji waktu perisytiharan Putrajaya, dia puji bahawa ini satu pembangunan yang dilihat daripada jangka panjang. Satu bangunan yang dia kagum, ini seorang Timbalan Menteri Besar Kelantan PAS.

Saya rasa seorang yang berjawatan begitu tinggi, tentulah pandangannya itu pandangan yang benar dan jujur, saya harap kita kena hormati pandangan jujur seorang pemimpin PAS yang berjawatan Timbalan Menteri Besar Kelantan yang memuji tentang Putrajaya dan masa depannya, terima kasih.

**Tuan Robert Lau Hoi Chew:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Sibu nanti dia jawab dulu, Sibu.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Terima kasih , nanti sekejap, nanti sekejap.

**Tuan Robert Lau Hoi Chew:** Sama tajuk, sama tajuk *[Ketawa]*, boleh jawab sekali gus.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Biar dia jawab dulu, Sibu, dia jawab dulu.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Duduk, duduk, duduk. Terima kasih. Sebenarnya kalaulah itu Perdana Menteri bergurau, jadi maknanya saudara tidak faham lagi bagaimana orang Kelantan menyindir. Orang Kelantan, apabila dia memuji sesuatu itu tujuannya ialah untuk menyindir *[Ketawa]* kepada Perdana Menteri akan projek ini. *[Tepuk]*

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Awak orang Kelantan atau orang Terengganu? *[Ketawa]*

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Sama, pemikiran sama. Mengenai kata-kata.....

**Tuan Robert Lau Hoi Chew:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Sibu, Sibu berdiri Yang Berhormat.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Okay, okay, sila.

**Tuan Robert Lau Hoi Chew:** Terima kasih. Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat sedar ini kediaman rasmi Perdana Menteri sekarang di Putrajaya, mempunyai empat bilik tidur. Saya difahamkan itu dipasangkan oleh bekas

Timbalan Perdana Menteri untuk anak-anak dia. Ini saya fikir kalau sekarang kerana ini bekas Timbalan Perdana Menteri, dia pun setuju bina Putrajaya, apakah sekarang Yang Berhormat menentang? Sila jawab ya.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Terima kasih. Okay. Anak Perdana Menteri ada enam orang, jadi kalau dia dengan isterinya hendak pakai satu, maknanya kalau dialah, dia akan buat tujuh bilik, bukan enam bilik...

**Tuan Robert Lau Hoi Chew:** Bukan, ini boys and girls kena share.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Sibü, cukup, cukup

**Tuan Robert Lau Hoi Chew:** Anak-anak dia dua orang boleh kongsi satu bilik *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sibü cukup Sibü. *[Ketawa]* Kemaman, teruskan tajuk lain Yang Berhormat. Ya, terus tajuk lain Yang Berhormat.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Okay, terima kasih.

**Tuan Saupi bin Daud:** *[Bangun]*

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Saya bagi Tanah Merah sekejap.

**Tuan Saupi bin Daud:** Terima kasih Yang Berhormat. Tadi ada disebutkan bahawa Perdana Menteri bergurau, saya juga hendak *quote* kepada sahabat saya umpamanya saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Kemaman mengenai *quote* perkataan bergurau. Kalau Perdana Menteri bercakap apa-apa yang menyalahi, kita anggap bergurau tetapi saya ambil contoh umpamanya Ketua Pemuda Keadilan, Saudara Ezam Mohamad Nor. Apabila dia bergurau, umpamanya bila dia ditanya mengenai demonstrasi jalanan, dia cakap; "Saya akan buat demonstrasi jalanan bukan seminggu sekali, tetapi tiap-tiap hari," itu gurau, tetapi lapan hari kena jail. *[Ketawa]* *[Disampuk]* Orang-orang sahaja yang boleh bergurau, saya bersetuju dengan.....*[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukup Yang Berhormat, cukup.

**Tuan Saupi bin Daud:** Saya minta penjelasan sedikit daripada Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tidak payahlah, masuk yang lainlah, Yang Berhormat. *[Ketawa]* Karang semua jadi bergurau pula.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Tidak tahulah, setakat ini apa-apa yang diperkatakan oleh Perdana Menteri kita sama ada bergurau atau serius, menyalahi undang-undang, tidak ada tindakan akan diambil sebab tidak tahulah kedudukan dia sama ada dia *above the law* atau *below the law*, itu terpulang kepada tuan-tuan untuk menilainya.

Tuan Yang di-Pertua, begitulah projek-projek impian bangunan tertinggi di dunia, KLCC yang menelan belanja RM4.5 bilion tidak termasuk persiapan dalaman yang menelan belanja berbilion ringgit lagi mengalami kerugian kerana kurang sambutan untuk menyambut....

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Arau berdiri, Yang Berhormat, hendak beri jalan?

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Sekejap ya, sekejap, nanti habis line ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Nanti dulu, dia suruh tunggu Yang Berhormat.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Menyewa ruang atau membeli ruang pejabat dan perniagaan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, sila.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Kemaman. Saya mengikuti tadi ucapan Yang Berhormat begitu khusyuk. Saya terfikir adakah kita rakyat Malaysia yang telah sama-sama jatuh bangun untuk kita mengisi kemerdekaan, kita mencapai kemerdekaan dan kita telah berjaya membangunkan negara kita, adakah tidak layak kita sebagai satu tamadun di negara ini mewujudkan pembangunan-pembangunan yang begitu sesuai dengan pembangunan yang telah kita capai.

Cara Yang Berhormat berhujah tadi seolah-olah tidak layak bagi kita mempunyai bangunan yang begitu hebat, mengadakan Formula One. Sebenarnya pada tahun 1999, Formula One dijalankan mendapat sambutan yang begitu hebat. Jadi bila Yang Berhormat menghujahkan kali ini tidak mendapat sambutan, saya rasa ini satu hujah yang memandang kepada sudut yang begitu sempit. Kita harus melihat kepada pandangan yang lebih luas.

Begitu juga dengan MSC. Saya dengar pembangkang tohmahkan Multimedia Super Corridor ini daripada beberapa kali kita bermesyuarat dikatakan bahawa Bill Gate tidak sudi langsung untuk melabur. Tetapi baru-baru ini saya

tengok dalam surat khabar, Microsoft menjemput mana-mana eksekutif yang berkelayakan, jawatan-jawatan yang diberi peluang kepada rakyat Malaysia, begitu besar, begitu hebat, bukan jawatan yang kecil. Saya hairan adakah Microsoft ini bukan Presidennya Bill Gate, adakah Ketua Pembangkang jadi Presiden Microsoft? Terima kasih.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Terima kasih, mengenai MSC itu apa yang saya perkatikan ialah laporan yang dikeluarkan oleh *magazine*. Yang Berhormat boleh baca daripada *The Hedge* yang dikeluarkan hari ini kalau Yang Berhormat hendak tahu lebih lanjut mengenai kedudukan status MSC, pagi ini punya, panas lagi saya bercakap hari ini, bukan yang *out-of-date* punya information. Terima kasih. Sebab kalau Yang Berhormat hendak tahu, di mana saya akan bawa, bukan kerana saya hendak kritik semua tetapi saya akan buat cadangan dan why benda-benda ini saya ungkitkan dahulu sebelum saya conclude.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Terus Yang Berhormat, ya.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Begitu juga dengan Lapangan Terbang Antarabangsa Sepang yang menelan belanja RM10 bilion yang menghadapi kekurangan penerbangan asing yang menjadikannya sebagai tempat persinggahan. Projek laluan kedua antara Malaysia-Singapura di Gelang Patah yang menelan belanja berbilion ringgit yang kurang mendapat sambutan oleh pengguna. Pelancaran satelit MeaSat dan Tiung Sat yang menelan belanja berbilion ringgit yang kurang kapasiti kegunaannya sehingga melumpuhkan syarikat Binariang yang terpaksa dijual kepada syarikat asing. Pembinaan pusat pameran dunia di Lapangan Terbang Subang yang menelan belanja RM1 bilion yang dibina oleh Kamunting Corporation yang dimiliki oleh anak Perdana Menteri sedangkan Putra World Trade Centre masih belum berupaya menjana keuntungan. Pembinaan projek hidro Bakun yang akan menelan belanja RM10 bilion sedangkan Indonesia menawarkan penjualan elektrik dari jana kuasa arang batu di Sumatera untuk memenuhi keperluan elektrik negara dan pelbagai projek impian lagi yang dibina bukan berdasarkan keperluan tetapi memenuhi impian pemimpin tertinggi negara.

Banyak lagi projek impian yang akan dilaksanakan seperti pembinaan jambatan antara Malaysia-Indonesia yang merentasi Selat Melaka, pembinaan laluan ketiga Malaysia-Singapura melalui dasar laut, pembinaan rel kereta api yang menghubungkan Johor Bahru hingga negeri China dan pelbagai lagi. Sekiranya

projek-projek ini dilaksanakan, negara akan kekeringan kewangan dan rakyat akan terpaksa menanggung bebannya.

Tuan Yang di-Pertua, sampai bila rakyat akan dikhayalkan dengan impian-impian gila ini. Sampai bila rakyat akan diperbodohkan bahawa projek-projek ini menguntungkan mereka. Berapa banyak lagi wang rakyat akan dicurahkan untuk memenuhi nafsu impian pimpinan negara. Sampailah masanya untuk negara membuat *soul searching*....

**Dato' Tengku Adnan bin Tengku Mansor:** Yang Berhormat ....

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Yang Berhormat ada masa untuk jawab sebagai Setiausaha Parlimen.

**Dato' Tengku Adnan bin Tengku Mansor:** Tidak, saya hendak tanya sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Hendak bagi atau tidak bagi?

**Dato' Tengku Adnan bin Tengku Mansor:** Saya tidak faham maksud 'impian'. Impian ini maknanya kita mimpi, benda-benda ini sudah ada. Bolehkah Yang Berhormat terangkan makna impian dengan yang ada, saya pun tidak faham.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Terima kasihlah kalau Yang Berhormat tidak faham. Ini adalah *dreams of a person* untuk menjadi realiti dan apabila dilaksanakan, mengakibatkan negara terpaksa mengalami apa yang kita hadapi hari ini.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, ada yang berdiri, Kubang Kerian.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Terima kasih Yang Berhormat. *Dreams* maknanya ialah.... *[Disampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Eh, eh, apa pula Yang Berhormat beri penjelasan ini?

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Tak, saya ingin.... *[Disampuk] [Ketawa]* ...dapat penjelasan daripada Kemaman.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Janganlah. *[Ketawa]*

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Ikut apa yang Yang Berhormat sebutkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia bertanya orang lain, Yang Berhormat, ya.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Ya, mengikut apa yang disebut oleh Yang Berhormat Kemaman tadi, impian.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Haa...

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Impian, maksud yang telah diberikan oleh Kemaman mengikut ucapan dia setakat yang saya faham, Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak faham, saya tidak tahu. Setakat yang saya faham dan saya ingin penjelasan daripada beliau. *[Disampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Penjelasan daripada siapa ini?

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Daripada Kemaman.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, ya.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** “*Dreams*” yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat tadi, adakah bermakna satu impian orang perseorangan yang tidak mengira *cost benefit analysis*, analisa kos *benefit* kepada negara, kewangan negara, kepada faedah rakyat. Inilah yang dikatakan sebagai impian perseorangan yang tidak ada kena mengena dengan faedah kepada majoriti rakyat. Tetapi, oleh kerana mereka hendak menjayakan impian ini tanpa mengira kosnya kepada masyarakat, kesannya kepada negara, mereka telah membuat projek-projek ini dan ternyata banyak kelemahan. Sebahagian telah disebut oleh Yang Berhormat dan, insya-Allah, kalau saya diberi peluang berucap selepas ini, saya akan beri lebih *detail* lagi tiap-tiap satu projek KLCC, Putrajaya *in details* apa itu yang dimaksudkan dengan “impian” tadi. *[Disampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukup Yang Berhormat ya, cukup.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Terima kasih. Yang saya sebutkan impian hari ini ialah kerana yang mendapat keuntungan dan kemewahan, nama dan sebagainya ialah orang-orang tertentu.... *[Disampuk]*

**Puan Hajah Khamsiyah binti Yeop:** *[Bangun] [Menyampuk]*

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Boleh Yang Berhormat cakap masa peluang untuk bercakaplah nanti.

**Puan Hajah Khamsiyah binti Yeop:** Sekali saja, saya tidak mahu bangun dah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Hendak bagi Yang Berhormat?

**Beberapa Ahli:** Bagi, bagi. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Hendak bagi? Haah, bagi.

**Puan Hajah Khamsiyah binti Yeop:** Yang Berhormat, sepanjang saya mengikuti perbahasan Yang Berhormat beberapa kali semasa bersidangnya Parlimen, Yang Berhormat tidak habis-habis kritik kerajaan. Hari ini Yang Berhormat mempersoalkan “impian” seolah-olah apa yang kita buat, projek mega kita merupakan impian, bukan realiti. Yang Berhormat agaknya mimpi sungguh. *[Ketawa]* Kita berada dalam sebuah negara yang begini maju, saya ingin penjelasan. Kalau Yang Berhormatlah yang berkuasa, impian macam mana agaknya Yang Berhormat hendak buat selain daripada yang kita buat hari ini? *[Tepuk]*

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Terima kasih. Dia impian ini ada yang baik dan ada yang buruk. Impian Tun Abdul Razak untuk membasmi kemiskinan, banyak mana projek-projek seperti FELDA, FELCRA dan sebagainya dilaksanakan yang memberi manfaat kepada rakyat terbanyak tetapi impian sekarang ini memberi manfaat kepada segelintir kroni dan orang-orang tertentu yang terpilih sahaja yang mengabaikan, sekali sahaja ..... *[Tepuk]*

**Seorang Ahli:** Ya.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** ...yang mengabaikan rakyat terbanyak.

**Seorang Ahli:** Nanti dulu.

**Puan Hajah Khamsiyah binti Yeop:** *[Bangun]*

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Sekali saja, janji, ini orang mungkir janji ini.

**Puan Hajah Khamsiyah binti Yeop:** Lagi sekalilah, kesianlah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukup, hah hendak bagikah atau tak bagi, Yang Berhormat?

**Puan Hajah Khamsiyah binti Yeop:** Tuan Yang di-Pertua.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Hendak bagikah atau tidak bagi, Yang Berhormat?

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Dia janji dengan saya, saya minta dia tunai janji dia.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ha, dia tidak bagi, Yang Berhormat.

**Puan Hajah Khamsiyah binti Yeop:** Sekali lagilah. *[Dewan gamat seketika]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sudah cukuplah.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Tak, lepas habis saya... *[Disampuk]*

**Puan Hajah Khamsiyah binti Yeop:** Yang Berhormat, lagi sekali, saya tidak puas hati jawapan Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Hah, silakan.

**Puan Hajah Khamsiyah binti Yeop:** Yang Berhormat, segala penjelasan dan perbincangan Yang Berhormat melebihi kepada perasaan dengki dan khianat kerana Yang Berhormat ini ahli perniagaan. Sebab itu dia cari, dia cingkil, semua tidak betul, semua rugi. Seolah-olah kita ini sudah hendak bankrap sedangkan Yang Berhormat sendiri mendapat kedudukan Yang Berhormat hari ini adalah atas usaha kerajaan Barisan Nasional. Terima kasih. *[Tepuk]*

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Tidak tahulah, tetapi setahu saya Perdana Menteri pertama, Perdana Menteri kedua dulu, dia pergi ke luar negara dapat *scholarship* daripada penjajah British. Tidak tahulah kalau ada kerajaan yang lebih buruk daripada penjajah yang memerintah yang tidak akan memberi manfaat kepada rakyat mereka?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukuplah Yang Berhormat. Yang lain.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Okay, terima kasih.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** *[Bangun]*

**Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak:** *[Bangun]*

**Tuan Ronald Kiandee:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ha, ada tiga orang berdiri.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Ha, sekejap sahaja, saya hendak perhabiskan ini sekejap saja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ha, dia tidak bagi lagi Yang Berhormat. Ha, duduk, duduk.



**Seorang Ahli:** Larut duduk dulu.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Sampailah masanya untuk negara membuat *soul searching*, dengan izin, di mana silapnya perancangan dan perencanaan negara. Sampailah masanya untuk negara memikirkan pembelaan terhadap nasib rakyat terbanyak yang menghadapi keperitan kemiskinan akibat kegawatan ekonomi. Tibalah masanya untuk negara memikirkan perancangan dan perencanaan yang menguntungkan dan memberi manfaat kepada rakyat terbanyak terutama golongan bawahan dan bukan segelin tir kroni-kroni dan sanak-saudara kepimpinan negara yang terpilih sahaja. *[Disampuk]*.

**Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak:** *[Bangun]*

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** *[Bangun]*

**Tuan Ronald Kiandee:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ada tiga orang berdiri, Yang Berhormat. Hendak bagikah atau tidak bagi?

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat Setiu.

**Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada sahabat saya dari Kemaman. Saya dulu difahamkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa apabila sesuatu pembangunan hendak dilaksanakan, projek-projek impian hendaklah dilaksanakan, rakyat tidak akan terbeban dengan sebarang bentuk kewangan. Dikatakan bahawa projek ini akan diserahkan kepada penswastan yang nantinya pihak swasta akan buat dan rakyat tidak akan terbeban dengan tanggungan kewangan tersebut. Apakah Yang Berhormat setuju tentang perkara tersebut? Terima kasih.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Terima kasih. Apa yang saya ucapkan pada hari ini ialah supaya mengungkitkan rasa ataupun perasaan orang-orang bawahan supaya perkara ini diberitahu kepada orang yang sedang bermimpi. Jadi, sebab itulah saya bawa perkara ini untuk memberitahu bahawa.... *[Disampuk]*

**Tuan Ronald Kiandee:** *[Bangun]*

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** *[Bangun]*

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Sekejaplah, saya habis topik ini, kemudian saya bagi, Insya-Allah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, duduk, sila duduk.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Jangan dimarahkan rakyat apabila mereka menyuarakan hak mereka untuk mempertahankan harta mereka dari pembolotan oleh kroni-kroni kepimpinan negara. Satu persatu projek dan konsesi penswastan disalurkan kepada syarikat-syarikat kroni. Tetapi, satu persatu pula kerajaan terpaksa menyelamatkannya sehingga dana-dana rakyat habis dipergunakan. Kalau rakyat tidak bangkit, kerajaan tidak akan sedar akan kerakusan mereka....  
[Disampuk]

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** [Bangun]

**Tuan Ronald Kiandee:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dua orang berdiri, Yang Berhormat.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Sekejap sahaja, habis ini, *I'll give it to you.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Duduk dulu. Dia tidak bagi.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Kalau rakyat tidak bangkit, kerajaan tidak sedar akan kerakusan mereka. Rakyat berhak menegur atau menyedarkan pimpinan negara yang sedang bermimpi dan minta mereka berpijak di bumi yang nyata. Hal ini terjadi dalam Perlembagaan Negara [Disampuk] tetapi cuba dinafikan oleh mereka yang sedang bermimpi. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat, Beluran mana? Beluran ya.

**Tuan Ronald Kiandee:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya tidak bercakap politik tetapi saya inginkan fakta, kenyataan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat bagi Kemaman, bila bercakap tentang projek-projek mega ini, KLIA, Bakun, Putrajaya, saya ingin tahu siapa Menteri Kewangan negara ketika itu? Apakah ini Menteri Kewangan tersebut juga seorang "*dreamer*" dan apakah tidak ada kaitan KeADILan, Permatang Pauh, parti Yang Berhormat dengan Menteri Kewangan tersebut? Terima kasih.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Terima kasih. Dia ada dua perkara di sini. Pertamanya, apabila beliau menjadi Menteri Kewangan dia ada juga penasihat kepada Perdana Menteri yang melibatkan dengan urusan kewangan negara dan juga yang melibatkan pemberian kontrak-kontrak swasta ini ialah *Economic Planning*

*Unit* di bawah Jabatan Perdana Menteri, bukan di bawah Kementerian Kewangan. EPU di bawah Jabatan Perdana Menteri . Sekejap ya.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Larut berdiri, Yang Berhormat.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Sekejap, sekejap.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia tidak bagi lagi Yang Berhormat. Beluran berdiri, Yang Berhormat. Kuala Kedah, ya sila.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, kritikan-kritikan projek mega, tolong ulas sekejap ya pandangan saya itu minta ulasan. Sebenarnya bukan kita daripada pembangkang sahaja tidak setuju, kita bercakap bagi pihak UMNO juga. Contohnya BBM, Badan Bertindak Melayu yang berucap ialah Mazlan, Tajuddin Abdul. Rahman, Ibrahim Ali, Fahmi Ibrahim, Pak Ya Said, semua ucapan mereka itu menghentam orang nombor satu kerana mengutamakan projek mega. Saya yakin kawan-kawan di sini pun banyak tidak setuju tetapi pura-pura hendak setuju. *[Ketawa]* Kita tahu, ini kita manusia dan UMNO merosot undi mereka kerana masalah projek mega ini. Jadi..... *[Disampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Soalnya Yang Berhormat.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Soalnya, apa yang disuarakan oleh Kemaman itu setuju atau tidak dengan saya, inilah dia rintihan rakyat dan kawan-kawan daripada UMNO telah merintihnya di PWTC perkara ini. Ertinya rakyat memang sudah tidak terima projek-projek mega dan *privatise* yang akhirnya terpaksa ambil wang rakyat untuk menyelamatkan perkara itu. Minta ulasan dengan baik perkara ini.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Terima kasih. Apa yang berlaku sebenarnya daripada maklumat-maklumat yang saya dapat pun disalurkan oleh orang-orang sebelah sana juga tetapi mereka tidak berani hendak menyuarakan, jadi kita tolong suarakan juga. *[Tepuk] [Sorak]* Jadi, saya inilah, sekejap ya, nanti saya bagi. *[Dewan gamat seketika]*

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** *[Bangun]*

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** *[Bangun]*

**Seorang Ahli:** Shah Alamlah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ada dua orang berdiri, Yang Berhormat.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Sekejap saja, boleh saya habiskan topik ini sekejap?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia hendak cakap sikit lagi. Nanti dulu, sekekap. *[Ketawa]*

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Boleh cakap sikit, Yang Berhormat?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tunggu giliran hendak bercakap.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Hendak suruh berdirikah?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Terus, terus Yang Berhormat.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Larut, Larut.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Tuan Yang di-Pertua .... *[Disampuk]*

**Seorang Ahli:** 10 budak hitam rupanya.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Jepun dan Korea apabila.... *[Disampuk]*

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** *[Bangun]*

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ada dua orang berdiri, Yang Berhormat. Dia tidak bagi.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** *After*habis saya berucap, saya bagi.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Okay, okay, bagi ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Haa, duduk, duduk

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Tuan Yang di-Pertua, Jepun dan Korea apabila membina konglomerat, mereka merantau ke seluruh dunia untuk mencari peluang kerja dan menjana pulangan untuk dibawa balik ke dalam negara. Ini menguntungkan negara mereka dengan pengaliran masuk wang asing ke dalam negara dan keperluan negara menyediakan projek-projek untuk penerusan operasi mereka. Negara kita, konglomerat dibina untuk dikuasai oleh kroni-kroni guna menyalurkan projek-projek kerajaan tanpa saingan.

Rakyat dimarahi kerana terlalu mengharap projek-projek kerajaan, sedangkan syarikat-syarikat kroni begitu mudah diperuntukkan projek yang bernilai

berbilion ringgit pula. Di mana letaknya keadilan dalam pelaksanaan projek-projek kerajaan dan pengagihan kekayaan ekonomi negara?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Larut berdiri Yang Berhormat.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Shah Alam dahulu.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Okay, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ha Shah Alam, ya.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Yang Berhormat, saya hendak berkongsi sedikit dengan Yang Berhormat. Daripada segi asas pertimbangan utama ya, Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (Third OPP), asas dia adalah Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua ya. Ini adalah extension.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** [Bangun]

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Nanti sekejap. Bagilah saya. Saya tidak habis explain lagi.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Apa yang saudara hendak tanya, saya akan jawab.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Saya hendak cakap yang kedua...

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Ada dalam ucapan saya.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Nantilah sekejap.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Soalannya?

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Bagilah chance saya bercakap. Tadi Yang Berhormat bercakap....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, apa soalannya Yang Berhormat?

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Tadi Yang Berhormat bercakap seolah-olah ini adalah *the new dimension* ya, dengan mengetengahkan *visionary imagination* yang ada pada Yang Berhormat bahawa dasar penswastaan projek mega yang dibuat berasaskan kepada Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua itu adalah satu kegagalan yang cukup dahsyat.

Saya hendak tanya, semasa itu, idola Yang Berhormat berada di mana? Yang melaksanakan dan yang terlibat dengan MAPEN 1 dan MAPEN 2, mana dia? Kita sebut bahawa muafakat membawa berkat. Kita jemput semua pembangkang

ini, DAP dan PAS tetapi muafakat yang dijemput untuk duduk se meja membincangkan Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga ini, hasil daripada extension yang kedua ini tidak diterima pakai.

Oleh kerana mata lebam sampai hari ini tidak baik, itu sebab jiwa Yang Berhormat tertekan.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Terima kasih. Sebenarnya apa yang berlaku pada hari ini, dasar itu adalah satu dasar pembangunan nasional yang baik [Sorak] [Tepuk] Kita terima tetapi pelaksanaannya yang kita mempersoalkan.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Kalau sudah dasar itu baik, sokong sahajalah Yang Berhormat. Janganlah cerita pasal mata lebam tidak habis-habis.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Shah Alam cukup, cukup.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Saya mempersoalkan pelaksanaan.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Yang Berhormat kena bersihkan jiwa Yang Berhormat, baru bercakap tentang pembangunan ummah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukup Shah Alam ya. Duduk, duduk. Ya, teruskan Kemaman.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Tuan Yang di-Pertua, apabila ekonomi jatuh merudum pada Julai 1998, kerajaan tidak pernah mengakui kesilapannya tetapi mengambil pendekatan mengukir atau menggambarkan anasir-anasir yang cuba memporak-perandakan ekonomi negara supaya rakyat mengalih kemarahan kepada mereka.

Rakyat diberi gambaran bahawa George Soros yang berbangsa Yahudi cuba mengkhianati negara yang beragama Islam. IMF digambarkan sebagai penjajah Barat yang cuba menjajah semula negara. Bekas Timbalan Perdana Menteri yang juga bekas Menteri Kewangan digambarkan sebagai tali barut Barat dan tidak bermoral. Media-media asing dan pro-pembangkang digambarkan sebagai lidah penjajah asing. Pemimpin-pemimpin pembangkang digambarkan sebagai pemecah belah masyarakat. Negara-negara ASEAN yang kritikal dengan tindakan kerajaan dituduh cuba campur tangan dalam urusan dalaman negara dan pelbagai gambaran lagi yang diukirkan untuk mengalih rakyat dari mempersoalkan kepincangan kepimpinan negara yang rasuah, menyeleweng, menyalahgunakan kuasa dan gagal dalam pelaksanaan dasar pembangunan nasional yang diharap dapat mengubah nasib masa depan negara.

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ada Timbalan Menteri berdiri. Hendak bagi jalan?

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Timbalan Menteri, kemudianlah, sekejap. Tunggu sekejap. Just one minute.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia tidak bagi lagi.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Saya akan bagi sekejap lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia tidak bagi lagi Yang Berhormat, ya.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Melalui cara ini, kerajaan berharap mereka terlepas dari dipersoalkan oleh rakyat tetapi rakyat tidak sebodoh yang diharapkan.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Arau berdiri Yang Berhormat. Hendak bagi jalan?

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Saya bagi Timbalan Menteri dahulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya.

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kemaman, saya amat tertarik tadi Yang Berhormat sebut berkenaan dengan masalah ekonomi. Saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat, Yang Berhormat sedar atau tidak sedar sekarang ini ekonomi Amerika merudum, jatuh. Apabila jatuh mereka rendahkan *interest rate* Amerika dengan secepat mungkin tetapi waktu kita dahulu, kalau kita ikut mantan Timbalan Perdana Menteri yang lepas, *interest rate* kita sampai 25%. Jadi, poison, dengan izin, racun diberi kepada kita, IMF hendak beri racun kepada kita dan waktu mereka dalam kesusahan, mereka diberi madu.

Jadi, saya hendak tanya Yang Berhormat, apa yang dilakukan oleh kerajaan sekarang, adakah ia membawa mudarat kepada negara ini? Sekian, terima kasih.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Oleh kerana Yang Berhormat cakap pasal fakta, saya ingin memberikan fakta. Korea Selatan menggunakan kaedah IMF, recovery dia 119%. Thailand yang menggunakan kaedah IMF, recovery dia 32%. Malaysia, -5%. Ini fakta yang ....

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** *[Bangun]*

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** *[Bangun]*

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ada tiga orang berdiri Yang Berhormat.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** ...dikeluarkan oleh World Bank.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Hendak bagi atau tidak Yang Berhormat? Ada yang berdiri.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Sekejap, saya selesai yang ini dahulu. Apa yang diungkitkan oleh Yang Berhormat tadi ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Hendak bagi atau tidak? Cakaplah.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Tidak bagi dahulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ha, dia tidak bagi dahulu.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Sementara ...

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Kepada Parit Sulong pun tidak hendak bagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia tidak bagi. Nanti dahulu. Ha! duduk.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Beberapa pendekatan telah dilaksanakan oleh kerajaan ....

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Minta penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Parit Sulong berdiri Yang Berhormat.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Sekejap, just one minute.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ha, duduk.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Beberapa pendekatan telah dilaksanakan oleh kerajaan untuk memulihkan ekonomi negara termasuk pemecatan bekas Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan. Ketetapan kadar pertukaran wang asing bagi USD1 bersamaan dengan RM3.80. Sekatan pengaliran keluar wang dan modal asing, menggalakkan rakyat membawa pulang wang yang disimpan di luar negara dan pelbagai insentif lagi yang dilaksanakan.

Rakyat diberitahu kaedah yang digunakan adalah yang terbaik dalam dunia dan mendapat pujian pelbagai pihak manakala pihak yang mengkritik kaedah ini



akan dilabel sebagai pengkhianat dan agen penjajah asing. Rakyat dijanjikan bahawa ....

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Parit Sulong berdiri Yang Berhormat.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Just one minute ya. Sekejap lagi, saya hendak menghabiskan paragraf ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sekejap, duduk ya.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Rakyat diberitahu, mana-mana pihak yang mengkritik kaedah ni akan dilabel sebagai pengkhianat dan agen penjajah asing. Rakyat dijanjikan bahawa ekonomi akan pulih dalam masa tiga bulan. Selepas tiga bulan berlalu, ekonomi tidak pulih juga. Sekali lagi rakyat dijanjikan ekonomi akan pulih dalam masa enam bulan lagi. Kini, hampir tiga tahun berlalu, keadaan ekonomi negara masih muram.

Composite indeks Bursa Saham Kuala Lumpur yang pada minggu lepas menjunam ke bawah paras 650 mata dan akan menjunam lagi mengikut para analisis bursa saham. Keadaan lebih teruk lagi daripada keadaan semasa ekonomi merudum pada Julai 1998.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Parit Sulong berdiri Yang Berhormat.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Kalau diambil kira dalam Dollar Amerika...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Parit Sulong ya. Ha, sila.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua terima kasih. Suara Yang Berhormat bagi Kemaman hari ini memang terlalu garang. Saya ingin bertanya, beliau tadi membawa perbandingan Korea Selatan dan Thailand.

Saya juga ingin bertanya, kenapa tidak diambil contoh Indonesia. Kalau diambil Korea Selatan dan Thailand, berapa banyakkah syarikat-syarikat di Korea Selatan dan Thailand yang telah jatuh ke tangan asing dan kalau kita ambil Indonesia, berapa banyak pula syarikat-syarikat di Indonesia yang telah jatuh ke tangan asing? Kalau kita membandingkan dengan Malaysia, berapa banyak syarikat Malaysia di zaman krisis ekonomi yang jatuh ke tangan a sing? Itu yang pertama.

Yang keduanya Yang Berhormat, tidakkah Yang Berhormat setelah banyak membaca, mengetahui akan kewujudan satu terminologi yang dipanggil sebagai konspirasi antarabangsa (international conspiracy) yang memang mahu melemahkan negara-negara Timur, khususnya negara-negara yang lantang dan yang paling khusus sekali negara-negara Islam.

Apabila saudara membaca buku *The Clash of the Civilization*, dia mahu menamatkan keunggulan mana-mana kuasa Islam sebelum masuk ke abad ke 21 tetapi oleh kerana di akhir abad ke 20, mereka hanya mampu menggugat kewangan di beberapa negara di wilayah ini termasuk satu negara Islam yang paling besar dalam dunia iaitu Indonesia, maka teori konspirasi itu masih lagi berterusan. Bagaimana kita melihat Macedonian, kita melihat Albania, kita melihat Chechnya, bagaimana huru-hara umat Islam ini didalangi oleh international conspiracy yang mahu melemahkan mana negara yang vokal dan Malaysia adalah sebuah negara yang vokal. Yang memperkatakan yang putih itu putih, yang hitam itu hitam. Kita tidak mahu mengatakan hitam itu putih macam saudara.

Jadi, ini hakikat. Tidakkah kita sebagai satu rakyat yang merdeka mahu membuat soul searching sebagaimana saudara katakan terhadap hakikat kita sendiri, bukan hakikat yang mahu disuntikkan oleh orang asing ke dalam mentaliti kita. Itu hakikatnya, saya ingin bertanya. Terima kasih.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Mengapa saya minta supaya dibuat *soul searching* kerana rakyat terlalu keliru disebabkan oleh gambaran-gambaran yang buruk, pelbagai lagi tuduhan-tuduhan dan pelbagai perkara lagi yang diberikan melalui media-media kerajaan yang seolah-olah bahawa kitalah yang cuba melemahkan ekonomi, kitalah sebagai ejen kepada penjajah asing, kitalah yang cuba melemahkan ekonomi negara dan sebagainya. Inilah yang kita beritahu bahawa perkara-perkara yang diungkitkan oleh media-media sekarang ini adalah pembohongan, sebab itu saya untkitkan isu-isu ini supaya rakyat dapat menilai apa yang sebenarnya berlaku.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** [Bangun]

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** [Bangun]

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Satu lagi penjelasan

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ada dua orang yang berdiri Yang Berhormat.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Satu lagi penjelasan

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Sekejap, sekejap, saya hendak perhabiskan..

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** *[Bangun]*

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ada tiga orang yang berdiri Yang Berhormat, hendak beri atau tidak beri?

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Sekejap ya, saya hendak perhabiskan ini dahulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia tidak beri Yang Berhormat. Duduk dahulu ya.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Berbanding dengan Korea Selatan yang menggunakan kaedah IMF, pasaran saham mereka pulih 119% dan Thailand menggunakan juga kaedah IMF pulih 32% sedangkan Malaysia masih di tahap negatif.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya Yang Berhormat bagi Parit Sulong ya.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Yang Berhormat....

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Sekejap ya. Indonesia saya tahu, walaupun Indonesia juga pada mula menggunakan kaedah IMF tetapi tidak melaksanakan cadangan-cadangan yang diunjurkan oleh IMF sepenuhnya menyebabkan pasaran saham ekonomi mereka masih di tahap negatif 30%. Inilah yang selalu digunakan oleh kerajaan untuk membuat perbandingan kejayaan di antara kaedah yang dilaksanakan oleh negara dan IMF. Satu perbandingan yang tidak berasas sama sekali.

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:** *[Bangun]*

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ada dua orang yang berdiri Yang Berhormat

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** ...rakyat yang tidak faham akan mekanisme ekonomi terpinga-pinga dengan segala gambaran indah yang diwar-warkan oleh kerajaan berbanding dengan Indonesia, kenapa kita tidak bandingkan dengan Korea Selatan dan Thailand.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ada dua orang, yang mana hendak beri ini, Yang Berhormat?

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Yang Berhormat bagi Parit Sulong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat bagi Parit Sulong ya.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Terima kasih Yang Berhormat, orang kata hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri, lebih baik di negeri sendiri. Saudara tidak menjawab pertanyaan saya. Adakah saudara tidak mempunyai fakta-fakta berapa banyak syarikat Korea yang sekarang ini dimiliki oleh orang asing dan berapa banyak syarikat di Indonesia yang sekarang ini mungkin secara langsung atau tidak langsung adalah milik George Soros yang Saudara cuba cerminkan sebagai seorang yang elok, seorang malaikat bukannya seorang *devil* atau iblis. Pertanyaan saya Yang Berhormat, satu lagi prasarana kepada pertumbuhan ekonomi adalah keyakinan dan juga *stability* politik.....

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Cukup, apa yang saudara ungkitkan ini memang saya akan jawab ini, betul.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Beri peluang satu lagi soalan. Satu lagi prasarana kepada pertumbuhan ekonomi adalah keyakinan dan juga kemantapan politik. Sekarang ini tindak tanduk Yang Berhormat mungkin tidak disedari dan mungkin tidak ada kena mengena dengan *international conspiracy* tetapi mungkin pihak *conspirator international* ini melihat saudara-saudara *subscribe* kepada agenda dia, maka diapi-apikanlah Saudara supaya terus menggugat dan juga mengganggu kemantapan politik tanah air. Adakah itu tidak disedari oleh pihak Yang Berhormat?

**Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak:** *[Bangun]*

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Sekejap ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Nanti dahulu Yang Berhormat bagi Setiu, dia menjawab.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Terima kasih. Inilah bayangan-bayangan yang selalu orang-orang sebelah sana apabila kritik mereka - *conspirator*, kalau tidak setuju dengan mereka - ini *conspirator*. Inilah yang selalu digambarkan sehingga orang-orang yang tidak bersetuju dengan pimpinan negara disumbat di penjara dan sebagainya. Inilah, apa salahnya kalau kita have a difference of view dan kita very critical, is it wrong?

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:** *[Bangun]*

**Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak:** *[Bangun]*

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ada tiga orang yang berdiri Yang Berhormat.

**Tuan Abd.Rahman bin Yusof:** Sekejap, saya habiskan sedikit lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Hendak jawab yang Parit Sulongkah?

**Tuan Abd.Rahman bin Yusof:** Sekejap, sekejap.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Duduk dahulu, duduk semua dahulu.

**Tuan Abd.Rahman bin Yusof:** Semua?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Duduk semua.

**Tuan Abd.Rahman bin Yusof:** Duduk semua, duduk semua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:**.. kecuali Yang Berhormat bagi Kemaman sahaja yang bercakap itu berdiri.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Sebab apa yang diungkitkan ini sebenarnya saya prepare untuk answer sebab saya tahu questions atau soalan-soalan ini akan diungkitkan sebab itu persiapan saya atas persoalan-persoalan yang akan diungkitkan.

Di sini saya ingin bertanya adakah Korea Selatan dan Thailand hari ini dijajah apabila menggunakan bantuan IMF? Di mana kebenaran tuduhan bahawa negara akan dijajah sekiranya .....

**Datuk M. Kayveas:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya Timbalan Menteri berdiri Yang Berhormat, Timbalan Menteri berdiri.

**Tuan Abd.Rahman bin Yusof:** You have all the opportunity to answer.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, duduk Yang Berhormat.

**Datuk M. Kayveas:** Terima kasih, Yang Berhormat. Berkenaan dengan penjajahan ini, Yang Berhormat sedar atau tidak sedar.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat, dia tidak beri Yang Berhormat.

**Datuk M. Kayveas:** ..... bahawa penjajahan ekonomi adalah lebih teruk daripada penjajahan dengan..... *[Disampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Timbalan Menteri, dia tidak beri Yang Berhormat, dia tidak beri.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** It is my forum.

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat bagi Tebrau, beri? Dia tidak beri Yang Berhormat. Duduklah.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Apakah kepimpinan negara mempunyai agenda atau muslihat peribadi untuk menggunakan wang rakyat dalam skema menyelamatkan syarikat-syarikat yang dikuasai oleh kroni-kroni mereka. Akhir-akhir ini apa yang dijangkakan telah berlaku. Satu persatu syarikat-syarikat kroni di *bailout* dengan menggunakan wang rakyat. Pemilik syarikat yang di *bailout* mendapat bayaran yang lumayan dan menguntungkan. Kerajaan seolah-olah memberi hadiah kepada kegagalan pemilik-pemilik syarikat yang di *bailout*.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat bagi Parit Sulong berdiri lagi, Yang Berhormat.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Pemimpin kerajaan tidak akan melakukan perkara sedemikian.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia tidak beri Yang Berhormat.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** ..... sekiranya mereka tidak mempunyai kepentingan peribadi. Kerajaan semestinya menjaga kepentingan rakyat terbanyak, bukan dua tiga kerat kroni sahaja. Sebenarnya pimpinan kerajaan takut kepada IMF kerana tidak akan dapat peluang mengaut keuntungan dalam skim *bailout*.....

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tiga orang berdiri Yang Berhormat

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** ..... yang akan dilaksanakan sekiranya diawasi oleh IMF.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tiga orang berdiri Yang Berhormat, hendak beri yang mana?

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Yang Berhormat bagi Arau .

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:** Ha! Tebrau?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ha! Sila Yang Berhormat bagi Arau.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Siapa, siapa?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia beri Yang Berhormat bagi Arau, Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:** Yang Berhormat bagi Arau perempuan.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat..

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia Ahli Parlimen juga, sila.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Khutbah akhir Nabi pun berbuat baiklah kepada wanita, saya ingat Yang Berhormat faham itu. Saya tadi Yang Berhormat ada menyebut mengatakan bahawa kita menuduh parti KeADILan, Yang Berhormat konspirasi dengan Barat. Saya hendak tanya, baru-baru ini ada perjumpaan di hotel dan dihadiri oleh duta-duta asing, apa sebenarnya. Sebelum ini pun kita tahu Presiden KeADILan pergi ke Filipina, pergi ke sana, pergi ke sini, ini diberitakan oleh media massa. Jadi, tidakkah itu sebenarnya konspirasi Yang Berhormat cuba hendak *denykan*.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Terima kasih. Saya ingat Yang Berhormat lupa sejarah, bahawa apabila Yang Berhormat bagi Kubang Pasu bila dia kalah dahulu semasa dia bertanding di Kedah dulu, apabila dia kalah dia pergi ke Filipina, Australia, dia gunakan media-media asing, dia pergi ke UK untuk mengkritik dan mengutuk kerajaan di bawah kepimpinan Tunku Abdul Rahman. Jadi, saya ingat Yang Berhormat baca semula sejarah apa yang berlaku. Orang yang sekarang ini yang menggunakan kaedah itu hari ini yang paling menentang kaedah yang telah digunakan oleh beliau pada suatu masa dahulu. [*Tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua,

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat bagi Tebrau berdiri, Yang Berhormat.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Tunggu sekejap ya.

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:** Sedikit sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tidak beri Yang Berhormat?

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Tidak beri.

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:** Alaah, sama-sama tidak ada rambut ini, berilah, sebab tidak ada rambut. *[Ketawa]*

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Ha, sekejaplah, sebab tidak ada rambut.

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia tidak beri Yang Berhormat. *[Ketawa]*

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Okay berilah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Beri, dia beri Yang Berhormat. Dia beri Yang Berhormat, cepat-cepat. *[Ketawa]*

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:** Tidak ada rambut dia beri, cuma rambut saya panjang sedikit Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Tidak, ini...

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, saya kalau tengok Ahli Yang Berhormat berucap ini langsung kerajaan tidak betul, salah, tidak maju, asyik dia sahaja lah. Yang Berhormat cubalah secara logik, Yang Berhormat fikirkan.. asal boleh cakap salah sahaja semua. Yang Berhormat tahu yang banyak mengelirukan facts, yang banyak memutarbelitkan perkara dalam ceramah dan apa semua adalah parti pembangkang.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:** Nantilah sekejap, sedikit lagi ini, penat berdiri ini. Yang Berhormat puji Korea, Korea bukannya maju sangat, dia pun lagi teruk, Yang Berhormat. Yang Berhormat tidak sebutkan satu-satu, tunjuk perasaan lain, macam-macam perkara berlaku. Jadi Yang Berhormat fikir bahawa Malaysia ini daripada ekonomi jatuh hingga sekarang pun, alhamdulillah, walaupun ada tetapi tidak seteruk negeri-negeri yang lain termasuk Yang Berhormat daripada pembangkang pun menikmati juga apa yang kita perlu. Yang Berhormat setuju?



**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Terima kasih. Apa yang berlaku di negara luar atau pun di kawasan-kawasan pedalaman mungkin Yang Berhormat tidak tahu. Sebab saya percaya orang-orang seperti Yang Berhormat bagi Kuala Kedah, seperti Yang Berhormat bagi Pokok Sena, mereka menghayati kesusahan rakyat negara ini yang menghadapi pelbagai masalah akibat daripada kegawatan ekonomi. Jadi, mungkin kerana orang sebelah sana hanya berjumpa di hotel-hotel sahaja tidak mengetahui apa yang berlaku di kawasan mereka, dengan sebab itulah mereka tidak sedar akan kesusahan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan menjanjikan melalui kaedah formula ala Malaysia, aset negara tidak akan tergadai ke tangan asing. Apakah ini benar kenapa pelabuhan kontena Klang Barat (West Port) dan pelabuhan pelapis Johor yang diswastakan di jual kepada syarikat Hong Kong atas nama Strategic.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat panjang lagi?

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Panjang sedikit lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ini masa sudah cukup. Jadi, sambung besok Yang Berhormat jikalau panjang lagi.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sekarang sehingga pukul 10.00 pagi esok.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang***

Mac 2001**AHLIAHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Amat Berbahagia Tuan Yang di-Pertua, Tun Dr. Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)

“ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N., S.P.M.S. (Kepala Batas)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, S.P.M.P., D.G.S.M., D.P.M.P. D.P.M.S. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N, D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Kewangan, Tun Dato' Daim Zainuddin, D.G.S.M., S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)

“ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie anak Irok, D.A., P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.S., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan)

“ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

“ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)

“ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.I.S., B.S.I., S.M.J., P.S.M., S.P.M.J. (Pagoh)

“ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.I.M.P, S.M.J, P.I.S (Bakri)

” Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato' Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman, D.S.A.P., D.I.M.P. (Paya Besar)

Yang Berhormat Menteri Penerangan, Tan Sri Dato' Seri Mohd. Khalil bin Yaakob, P.S.M., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., J.S.M., S.M.P. (Kuantan)

“ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)

- “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Seri Ong Ka Ting, D.P.M.P. (Pontian)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Hishammuddin bin Tun Hussein, D.S.A.P., D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok (Kinabalu)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Rais bin Yatim, D.S.N.S. (Jelebu)
- “ Menteri Pertanian, Datuk Effendi Norwawi (Kuala Rajang)
- “ Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga, Dato’ Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato’ Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Timbalan Menteri Penerangan Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Drs. Suleiman bin Mohamed D.P.M.S., S.S.S.A(Titwangsa)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.P.M.J., D.S.N.S., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Douglas Uggah Embas, P.G.B..K., P.B.S., A.B.S., A.M.N. (Betong)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Chor Chee Heung, D.S.D.K., A.M.N., J.P. (Alor Setar)

- “ Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Tan Sri Dato' Seri DiRaja Ramli bin Ngah Talib, P.C.M., S.P.C.M., A.M.N., J.P. (Pasir Salak)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Zainal bin Dahalan, P.J.K., K.M.N., J.S.M., D.P.M.S. (Sabak Bernam)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai)
- “ Mulia Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato' Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Anifah Aman (Beaufort)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Dr. Ng Yen Yen (Raub)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing)
- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., S.D.K., B.C.K., K.M.N., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin, D.G.S.M., D.M.S.M., A.M.N. (Jasin)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Puan Hajah Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Gerik)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., JP. (Tanjong Karang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Datuk Yong Khoo Seng, D.S.P.N., K.M.N. (Stampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)

- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan S. G. Sothinathan (Telok Kemang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Robia binti Dato' Kosai (Muar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato' S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P., A.M.N. (Tengah)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan, Datuk Rizalman bin Abdullah, P.G.D.K., J.P. (Tenom)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim, P.B.S., P.P.B., (Santubong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Fu Ah Kiow, D.I.M.P. (Mentakab)
- “ Drs. Haji Abu Bakar bin Othman (Jerlun)
- “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron, S.M.K. (Rantau Panjang)
- Yang Berhormat Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Batu Berendam)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Kangar)
- “ Dato' Haji Abdul Kadir bin Annuar, S.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Pulai)
- “ Tuan Abd. Rahman bin Yusof (Kemaman)
- “ Tan Sri Datuk Patinggi Abdul Taib Mahmud, S.P.M.J., S.P.M.T., S.S.S.A, S.S.A.P., S.S.D.K., P.S.M., S.P.M.B., D.G.S.M., P.K.C, D.P. (Kota Samarahan)
- “ Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop, B.K.T., J.P., D.M.S.M., K.M.N., D.C.S.M. (Alor Gajah)
- “ Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datoh)
- “ Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut)
- “ Tuan Alexander Nanta Linggi, A.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Alwi bin Jusoh (Pasir Puteh)

- “ Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Dato' Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, D.P.M.S., A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang)
- “ Tuan Bung Moktar bin Radin, A.D.K., A.S.D.K. (Kinabatangan)
- “ Tuan Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak, P.J.K. (Setiu)
- “ Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
- “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
- “ Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor, D.S.D.K. (Pendang)
- “ Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
- Yang Berhormat Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
- Tuan Goh Kheng Huat (Nibong Tebal)
- Dato Goh Siow Huat (Rasah)
- “ Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali, D.I.M.P., S.M.S. (Parit Buntar)
- “ Tuan Hassan bin Mohamed (Besut)
- “ Tuan Henry Sum Agong, A.K. (Bukit Mas)
- “ Dato' Hew See Tong, D.P.M.P., J.P. (Kampar)
- “ Dato' Ho Cheong Sing, P.M.P., A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Husam bin Haji Musa (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, J.B.S., K.M.N., P.P.B. (Baram)
- “ Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, D.I.M.P., (Rompin)
- “ Dr. James Dawos Mamit, P.P.B., P.P.S. (Mambong)
- “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- “ Tuan Joseph Salang anak Gandum (Julau)
- “ Tuan Juslie bin Ajirol, A.S.D.K. (Libaran)
- “ Dato' Kamarudin bin Jaffar, B.C.M, D.S.N.S. (Tumpat)
- “ Tuan Kerk Kim Hock (Kota Melaka)
- “ Tan Sri Dato' Dr. K.S. Nijhar, P.S.M., S.P.M.J., J.M.N. (Subang)

- “ Tuan Kong Cho Ha (Lumut)
- “ Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K., K.M.N., P.G.D.K. (Sandakan)
- “ Tuan Lee Kah Choon (Jelutong)
- “ Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Padang Serai)
- ” Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- ” Tuan Liow Tiong Lai, S.M.P. (Bentong)
- “ Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- Yang Berhormat Tuan Mah Siew Keong (Teluk Intan)
- ” uan Haji Mahfuz bin Haji Omar (Pokok Sena)
- ” Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Arau)
- “ Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat (Parit)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz, P.N.J., S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Sri Gading)
- “ Tuan Mohamad bin Sabu (Kuala Kedah)
- “ Tuan Mohamed Nasir bin Che Daud (Kuala Krai)
- “ Tuan Mohamed Sayuti bin Said, P.P.T., P.J.K., P.P.N. (Kuala Selangor)
- “ Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan, P.J.N., S.M.J., K.M.N., P.I.S., A.M.N., P.P.N. (Tebrau)
- “ Tuan Mohd. Amar bin Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad (Jeli)
- “ Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said Keruak, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh)
- “ Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor, P.P.N., J.M.N. (Machang)
- “ Dato’ Mohd. Zain bin Omar, D.S.P.N., K.M.N., P.J.K, P.J.M., (Balik Pulau)
- “ Dato’ Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Shah Alam)
- “ Tuan M. Shukrimun bin Shamsudin (Kuala Nerus)
- “ Tuan Muhamad bin Mustafa (Peringat)
- “ Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Mustafa bin Ali (Dungun)
- “ Datuk Napsiah binti Omar (Kuala Pilah)
- “ Tuan Nasharudin bin Matlsa (Yan)
- “ Tuan Ng Lip Yong (Batu)
- “ Datuk Osu bin Sukam, S.P.D.K., P.G.D.K., D.A. (Papar)
- ” Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.P.B., P.P.C., K.M.N., P.N.B.S., J.B.S., A.M.N., P.B.S. (Saratok)

	“	Tuan Philip Benedict Lasimbang, A.S.D.K. (Penampang)
	“	Puan P. Komala Devi, P.P.T. (Kapar)
Yang	Berhormat	Datuk Railey bin Haji Jeffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
	”	Tuan Ramli bin Ibrahim (Kota Bharu)
	“	Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
	“	Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian)
	“	Tuan Robert Lau Hoi Chew, J.B.S., (Sibu)
	“	Tuan Ronald Kiandee, A.S.D.K. (Beluran)
	“	Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad, D.M.S.M., P.I.S. (Parit Sulong)
	“	Tuan Saupi bin Daud (Tanah Merah)
	“	Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin, D.S.S.A (Sepang)
	“	Dato’ Shahnon bin Ahmad, D.S.D.K., K.M.N. (Sik)
	“	Tuan Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin)
	“	Tuan Shim Paw Fatt, J.P. (Tawau)
	“	Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin, K.M.N., P.I.S. (Batu Pahat)
	“	Datuk Song Swee Guan, P.G.B.S. (Bandar Kuching)
	“	Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.S.D.K. (Labuan)
	“	Puan Sukinam Domo (Batang Sadong)
	“	Tan Sri Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
	“	Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi (Kuala Terengganu)
	“	Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)
	“	Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
	“	Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
	“	Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew, D.S.S.A (Kelang)
	“	Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
	“	Tuan Thong Fah Chong (Ipoh Timur)
	“	Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
	“	Dato’ Seri Tiong King Sing, D.S.S.A., J.P. (Bintulu)
	”	Dato’ Tiong Thai King, (Lanang)
	”	Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (Permatang Pauh)
	“	Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, J.B.S., P.B.S. (Batang Lupar)
	“	Tuan Wan Nik bin Wan Yussof (Bachok)
Yang	Berhormat	Tuan Wilfred Madius Tangau, J.P., A.D.K. (Tuaran)
	”	Dato’ Yap Pian Hon, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)



- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Datuk Yong Teck Lee, P.G.D.K., P.J.N. (Gaya)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
- “ Dato' Seri Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)
- “ Tuan Zawawi bin Haji Ahmad (Padang Terap)
- “ Dato' Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Wangsa Maju)

**MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)**

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Brig. Jen. (B) Datuk Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin, K.M.N., P.A.T., D.P.M.P., J.S.M., P.J.N.
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Pandikar Amin Haji Mulia
- “ Menteri Pendidikan, Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad, P.S.M., D.P.M.N., D.P.C.M.
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.M.S.M., D.P.M.S.
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor, K.M.N., D.S.D.K., D.I.M.P., D.S.A.P., P.J.N.
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk M Kayveas, P.J.N.
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Zainudin bin Maidin, P.J.N., J.M.N., S.M.S., A.M.K.

**DEWAN RAKYAT**

**PEGAWAIPEGAWAI KANAN**

**Setiausaha Dewan Rakyat**  
Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan

**Ketua Penolong Setiausaha**  
Roosme binti Hamzah  
Zamani bin Haji Sulaiman

Haji Mustakin bin Selamat  
Shahrom bin Haji Hasan

**Penolong Setiausaha**

Haji Mustafa bin Abdul Rahman  
Ruhana binti Abdullah  
Riduan bin Rahmat

**JURUBAHASA SERENTAK**

Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman  
Mazidah binti Mohamed  
Paizah binti Sallehudin

**BENTARA MESYUARAT**

Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali  
Mejar (B) Zakaria bin Salleh  
Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN DOKUMENTASI**

Azhari bin Hamzah  
Monarita binti Mohd. Hassan  
Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop  
Mohd Saleh bin Mohd. Yusop  
Mohamed bin Osman  
Hajah Norishah binti Mohd. Thani  
Shamsina binti Janor  
Ramlah binti Mohd. Yusuff  
Jamilah Intan binti Haji Bohari  
Nurziana binti Ismail  
Noor Effarizan binti Mat Satib  
Taharah binti Mohamed  
Nik Elyana binti Ahyat  
Marzila binti Muslim  
Abu Bakar bin Hasan

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN KOMPUTER**

Mohd Shah bin Rahman  
Sulaiman bin Sirad  
Azzahar bin Hashim

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN MESIN CETAK**

Kamal bin Oyub  
Haji Latif bin Ismail  
Kamaroddin bin Mohd. Yusof

**PARLIMEN KESEPULUH**

**PENGGAL KETIGA**

MESYUARAT PERTAMA

---

**Jilid III**

**Bil. 8**

**Selasa**

**3 April 2001**

---

**K A N D U N G A N**

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

(Halaman 1)

**USUL:**

**Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (2001-2010) (Halaman 23)**